[Dokumen ini belum disemak]

# PARLIMEN KESEBELAS

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA**

**Bil. 17** **Selasa** **19 April 2005**

## K A N D U N G A N


**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005 (Halaman 28)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 2) 2004 (Halaman 34)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 19 April 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob

***mempengerusikan Mesyuarat ]***

---

## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**1. Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan menyedari perbezaan undang-undang keluarga dan syariah antara negeri-negeri di negeri ini menimbulkan pelbagai masalah kepada rakyat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari perbezaan undang-undang Islam di antara negeri-negeri telah menimbulkan pelbagai masalah kepada rakyat. Justeru itu, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menyeragamkan Undang-undang Keluarga Islam dan Undang-undang Syariah yang lain di antara negeri-negeri. Setakat ini 12 buah negeri telah meluluskan Undang-undang Keluarga Islam dan Undang-undang Syariah tersebut. Sekian, terima kasih. .

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Saya teringat dalam suatu berita dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada bulan Januari 2003 yang telah memaparkan berita besar tentang kes seorang wanita di Terengganu yang berhadapan dengan masalah bagaimana tentang soal penjagaan anak beliau yang bermasalah kerana Mahkamah Syariah di Terengganu memutuskan bahawa beliau berhak untuk menjaga anaknya kemudian anaknya dibawa oleh bapanya ke Kedah berhadapan dengan masalah perbezaan penghakiman yang dibuat oleh Mahkamah Syariah di sana.

Beliau telah mengadu kepada pihak JKSM (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia) yang kemudiannya tidak juga dapat menyelesaikan masalah beliau. Saya bertanya begini ialah kerana ini adalah sebahagian daripada banyak kes-kes lain. Pada

waktu itu apabila berita ini dipaparkan dengan begitu meluas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu telah menjanjikan akan menyeragamkan kes-kes yang seperti ini tentang pelaksanaan dan urusan Mahkamah Syariah dan Undang-undang Keluarga kita. Kita dapati bahawa ...........

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, terus kepada soalan.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** ..... kebanyakan daripada kes-kes ini Tuan Yang di-Pertua, wanitalah yang banyak menjadi mangsa dan kita dapati dari segi pelaksanaannya dan penguatkuasaannya amat lemah sehingga orang menganggap bahawa jabatan agama seperti JAWI dan sebagainya lebih ghairah dalam membuat pengintipan, penangkapan dan sebagainya tetapi tidak ghairah dalam menguatkuasakan undang-undang seperti soal nafkah misalnya yang menjadi mangsanya ialah kaum wanita dan kaum wanita inilah yang kemudiannya terlibat dengan soal-soal lain yang kemudiannya boleh dipertikaikan oleh pihak jabatan agama itu sendiri.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah penyeragaman dan pelaksanaannya, bilakah sebenarnya kita akan mendapat kredibiliti yang sebenarnya daripada Mahkamah Syariah dan Mahkamah Keluarga kita.

**Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih Yang Berhormat Kemaman terhadap keprihatinan terhadap soal wanita dan dalam Mahkamah Syariah juga saya rasa banyak peruntukan untuk kaum wanita untuk menjaga misalnya seperti *'hadhonah'* sebagaimana yang ditimbulkan iaitu penjagaan kanak-kanak, mereka boleh mengemukakan misalnya ke mahkamah untuk penjagaan anak-anak dan ada peraturan-peraturan tertentu yang telah ditetapkan dalam undang-undang ataupun enakmen ataupun Akta Keluarga Islam.

Dalam kes sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kemaman tadi, iaitu berlaku di Terengganu dan telah dibicarakan di Mahkamah Syariah Terengganu, kemudian bapa melarikan anak tersebut ke Kedah sebagaimana yang ditimbulkan, ini telah menimbulkan pada masa itu masalah kerana undang-undang keluarga tidak sama dan penguatkuasaan adalah negeri-negeri yang berkuasa terhadap Mahkamah Syariah adalah negeri.

Dengan penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan dengan usaha untuk menyeragamkan Undang-undang Syariah Malaysia sebagaimana yang telah pun saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu hampir 12 buah negeri keseluruhannya telah bersetuju untuk menerima pakai Rang Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam, Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah, Undang-undang Prosedur Jenayah dan juga Mal tetapi negeri-negeri yang menerima pakai ini sebagaimana yang telah juga saya senaraikan iaitu Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pulau Pinang, Perlis, Kelantan, Pahang, Terengganu, Perak, Sabah dan Sarawak sebahagian besar menerima kelima-lima tersebut dan ada sesetengah negeri hanya empat, ada tiga dalam 12 sebagaimana yang telah saya sebutkan itu. Tetapi negeri Kedah masih lagi belum menerima pakai dan belum membawa ke Dewan Undangan mereka untuk menerima pakai rang undang-undang tersebut untuk menjadi enakmen.

Wilayah Persekutuan juga sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam kesempatan yang lepas di dalam Dewan ini iaitu belum lagi tetapi telah pun diusahakan di peringkat akhir semuanya dua ini iaitu Kedah akan mengambil tindakan untuk meluluskan dan juga Wilayah Persekutuan akan mengambil tindakan untuk meluluskan.

Jadi, apabila adanya penyeragaman begini saya rasa lebih mudah apabila diputuskan sebuah negeri, kemudian undang-undang yang sama apabila dalam kes yang sama di negeri yang lain dan adanya di peringkat pelaksanaan Mahkamah Syariah iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah negeri-negeri, kemudian ada lagi Mahkamah Rayuan. Jadi, saya rasa kes ini akan boleh dibela dengan adanya penyeragaman tersebut. Jadi, sekarang ini dalam kes sebagaimana yang ditimbulkan di Kedah ini tidak boleh lagilah, sebab tidak ada persamaan dengan undang-undang di antara Terengganu dan juga Kedah. Sekian.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Soalan tambahan. Apakah yang menjadi halangan ataupun alasan bagi negeri-negeri khususnya Kedah dan Wilayah Persekutuan yang masih lagi boleh menyeragamkan Undang-undang Keluarga Islam ini, dan sebelum pada itu kita dengar heboh dalam akhbar dan disebutkan oleh orang politik mengatakan Terengganu meniru undang-undang yang dibuat oleh Wilayah Persekutuan, tetapi sekarang kita nampak bahawasanya Wilayah

Persekutuan sendiri rupanya tidak boleh menyeragamkan dengan undang-undang negeri-negeri lain seperti mana disebutkan oleh pihak menteri sebentar tadi.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Sebenarnya, misalnya Wilayah Persekutuan sebagaimana yang ditimbulkan itu contohnya mereka mengambil daripada draf yang telah dibuat oleh Wilayah Persekutuan, kemudian negeri-negeri ini mengambilnya. Kemudian prosesnya ialah mereka membawa ke Dewan Undangan Negeri masing-masing, selepas itu diangkat kepada sultan negeri masing-masing untuk persetujui untuk memperakukan, maka apabila digazetkan, diwartakan maka jadilah enakmen bagi negeri-negeri ataupun bagi Wilayah Persekutuan – akta, rang undang-undang tadi. Jadi, drafnya semua ada pada Wilayah Persekutuan, cuma prosesnya mungkin berhati-hati sebab akan dibawa ke Dewan yang mulia ini sebab banyak pakar di sini, jadi agaknya Peguam Negara sangat cermat dan halusi untuk membawanya. Dan saya difahamkan tak berapa lagi akan dibawa, jadi bolehlah kita bincang nanti di sini.

2. **Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan status rundingan dengan Kerajaan Singapura khususnya mengenai jambatan baru menggantikan Tambak Johor yang kini hanya mencapai status kemajuan kerja lebih kurang 7% berbanding Kompleks CIQ yang telah siap 60% mengikut jadual pelaksanaan kerja.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kerana mengemukakan soalan pada pagi ini. Terdapat juga tiga soalan lain dari Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu dua yang tertunggak di antara Malaysia dan Singapura, iaitu soalan-soalan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah bertarikh 22 Mac 2005 yang lepas, Yang Berhormat bagi Pontian pada 11 April 2005 dan Yang Berhormat bagi Kota Bharu bertarikh 26 April 2005 memandangkan kesemua soalan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut saling berkaitan, maka saya mohon izin untuk menjawab soalan-soalan mereka secara serentak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Izin diberikan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Perdana Menteri Singapura pada

masa itu Goh Chok Thong semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Singapura pada Januari 2004. Malaysia dan Singapura telah pun mengadakan rundingan sebanyak dua kali bagi mencari jalan untuk menyelesaikan isu-isu tertunggak yang dihadapi oleh kedua-dua negara. Rundingan pertama telah diadakan pada 13 Disember 2004 di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kanan Singapura, Goh Chok Thong di Putrajaya.

Perbincangan di dalam rundingan pertama tersebut telah berjalan dengan baik dan kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menetapkan dua garis panduan bagi mengendalikan isu-isu tertunggak di antara Malaysia dan Singapura.

Pertama, sebarang cadangan penyelesaian yang dikemukakan perlu membawa manfaat kepada kedua-dua pihak dan tidak memudaratkan mana-mana pihak.

Kedua, kewujudan isu-isu tertunggak tidak seharusnya menghalang pendekatan kerjasama yang lebih erat di bidang-bidang lain di antara kedua-dua negara.

Di dalam perbincangan tersebut juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kanan Singapura Goh Chok Thong telah mengemukakan cadangan masing-masing mengenai penyelesaian isu-isu tertunggak tersebut. Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk mengkaji dan menimbang cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dan akan mengadakan perbincangan seterusnya dalam tempoh dua bulan.

Tuan Yang di-Pertua, rundingan kedua pula telah diadakan pada 1 Mac 2005 di Putrajaya. Dalam rundingan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kanan Singapura telah bersetuju mengenai langkah-langkah seterusnya yang akan diambil oleh kedua-dua pihak menyelesaikan isu-isu tersebut. Perbincangan konstruktif yang diadakan semasa rundingan tersebut menunjukkan satu kemajuan, *progress*, dengan izin, di dalam usaha-usaha untuk menyelesaikan isu-isu dua hala Malaysia-Singapura berdasarkan semangat kejiranan dan setia kawan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kedua-dua pihak telah bersetuju bahawa maklumat terperinci mengenai perbincangan mereka tidak wajar diumumkan agar tidak menjejaskan usaha-usaha rundingan seterusnya. Selain daripada itu, kedua-dua pihak juga telah bersetuju supaya perbincangan lanjut diadakan di peringkat pegawai kanan kedua-dua negara.

Buat masa ini Kerajaan Malaysia sedang membuat persiapan rasmi untuk mengadakan perbincangan dengan pihak Singapura di peringkat pegawai kanan dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana proses rundingan ini melibatkan isu-isu yang rumit, ia mengambil masa untuk mencapai keputusan yang muktamad. Justeru itu, saya berharap dan merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat memahami keadaan ini dan memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada kerajaan untuk mencari jalan penyelesaian tanpa perlu dihebah-hebahkan. Malaysia berharap kedua-dua negara di atas semangat kejiranan dan setia kawan akan dapat menyelesaikan isu tersebut dengan baik.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memang benar Malaysia dan Singapura diibaratkan sebagai ‘aur dengan tebing’ dan hubungan dua hala ini sudah beransur pulih. Nampaknya lawatan pemimpin daripada Singapura sudah datang ke sini dan tidak lama lagi Lee Kuan Yew akan melawat Malaysia. Saya hendak bertanya kepada pihak Wisma Putra apa yang boleh diumumkan setakat ini, sebab saya melihat soalan asal saya ialah Kompleks CIQ itu sudah siap hampir 70% dan perkembangan untuk jambatan baru hanyalah 5%. Ini bermakna pada tahun depan akan siap sepenuhnya Kompleks CIQ, dan apakah tindakan *contingency* yang ada pada kita. Kalau kita sudah ada kompleks yang baru tetapi jabatan tidak ada, apakah alternatif yang ada pada kita untuk menyelesaikan masalah ini? Jadi, saya hendak minta pihak Setiausaha Parlimen untuk memberitahu Dewan ini bagaimana cara kita mengatasi masalah kekusutan ini yang masih belum lagi selesai?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam yang pada penglihatan saya telah menzahirkan semangat patriotisme yang tinggi dan kental demi kepentingan negara, *[Sorak]* rakyat dan juga rakyat Johor secara keseluruhannya. Cuma saya pohon sekali lagi kefahaman Yang Berhormat untuk menghormati keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar sebarang perkembangan, perbincangan yang telah dibuat secara berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa tidak dihebahkan dahulu kepada umum sebelum penyelesaian dibuat secara muktamad, kerana ianya boleh menjejaskan proses rundingan seterusnya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat di Parlimen Singapura juga pada bulan Mac yang lepas soalan yang sama juga dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Singapura kepada Menteri Luarnya dan jawapan daripada Menteri Luar Singapura, George Yeoh bagi pihak Kerajaan Singapura adalah sama dan serupa seperti jawapan yang saya beri di Dewan yang mulia pagi ini. *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Setiausaha Parlimen. Ada empat yang menjadi pelek bagi saya daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Satu, apabila ada perbincangan antara kedua-dua, syaratnya mesti mendapat manfaat. Kemudian, Kerajaan Malaysia selalu kata apabila ada perundingan kemajuan telah pun ada.

Sudah 10 tahun kemajuan ada-ada tetapi tidak ada, lepas itu satu lagi tidak boleh heboh-heboh untuk jangan mengganggu rundingan. Kalau kita tidak heboh tiba-tiba keputusan dibuat merugikan kita, lepas tu baru kita heboh buat apa? Kemudian yang keempat memohon kebijaksanaan Ahli-ahli Parlimen supaya jangan mengeluarkan pendapat-pendapat yang boleh memudaratkan rundingan, pelik saya, pelik…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ya dah, dah hurai empat Yang Berhormat soalannya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi saya pelik ya, dalam rundingan antara kedua-dua ini nampak sangat jelas bahawa kita memang bersifat lebih lembut, kita lebih lembut gigi daripada lidah, apa-apa hendak cakap, betul ke, lebih lembut lidah dari gigi atau.....

**Seorang Ahli:** Boleh-boleh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Allah you kacaulah *[Ketawa]* lebih lembut gigi dari lidah ya, ambil contoh…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya soalan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...ini soalan Tuan Yang di-Pertua, soalan ini, ini cerita ruang udara kita apa hal. Dulu kata seakan-akan dah beri, laluan yang membingitkan yang menyakitkan yang merosakkan terutama penduduk-penduduk Gelang Patah, mana Gelang Patah, siapa Ahli Parlimen Gelang Patah betul ke tidak ini.

Terbang dia Tuan Yang di-Pertua, rendah. Kapal terbang dia punya pesawat juang dia, pecah cermin Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah itu Yang Berhormat

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** …Tuan Yang di-Pertua, tidak percaya pergi Gelang patah, ikut Yang Berhormat *[Ketawa]* boleh ikut ya? Ya hapuskan, apa kemudian bagaimana sejarahnya. Sekarang kita dah tidak benarkan balik, soalanlah jadi …

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup ya Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi macam mana, macam mana. Saya tak hendak bangkitkan ada lima perkara lagi rundingan yang tertangguh ini kan? Tetapi ini-ini satulah ruang udara ini macam mana? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat kerana kemukakan soalan tentang ruang udara dan perkara-perkara yang masih tertangguh. Saya ingin menyatakan di sini seperti komen Yang Berhormat tadi, kita sebenarnya keras, keras bang, keras, nampak sahaja lembut tetapi keras *[Ketawa].* Kalau kita berlembut dah banyak perkara yang kita telah putuskan yang boleh merugikan tetapi percayalah Yang Amat Berhormat kita di Kementerian Luar dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga sentiasa akan menjamin keutuhan kedaulatan negara kita ini, kita pertahankan sampai bila-bila.

Bercakap tentang ruang udara biar saya beri kesempatan ini untuk menerangkan sedikit iaitu perjanjian *bilateral* di antara Malaysia dan Singapura sejarahnya, ia di tahun 1973 ada *International Civil Aviation Organization* (ICAO) dan juga Northern Corridor 1982 dan juga *Low Flying Area* 1983 di mana Malaysia telah memberi kebenaran untuk kapal terbang tentera udara Singapura mengadakan penerbangan berdasarkan lima keistimewaan iaitu dipanggil *five sets of privileges of flying over Malaysian air space* dengan izin, iaitu yang pertamanya iaitu *Northern Corridor* mereka boleh terbang di kawasan *northern corridor* di kawasan Johor Selatan, Laut Cina Selatan tanpa hubungan diplomatik pada ketinggian atau ketinggian dua ribu kaki ke atas untuk tujuan

latihan dan juga untuk lima ribu ke atas untuk tujuan *fighter aircraft* ini sejak tahun-tahun dahulu sehingga diberhentikan pada tahun 1998.

Begitu juga dengan *low flying area* boleh operate over coordinate 13142402 *and* dan macam-macam coordinate lagi lah yang keseluruhannya boleh dibuat pada ketinggian dua ribu kaki ke atas. Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, adalah *delegated air space* di bawah Johor Selatan di antara 1500 ke maksimum 3000 kaki dan juga yang keempat *navigational training* iaitu *privileges* yang dibagi di bawah *provision low flying area* paragraf di atas tadi dan juga yang terakhirnya antara *search and rescue* (SAR), perjanjian dibuat di tahun 1987 tetapi ke semua *privileges* ini, kelima-lima telah pun dibatalkan pada 18 September 1998 kerana sebab-sebab keselamatan.

Sehingga akhir ini Yang Berhormat ya, sehingga hari ini kita belum lagi memulihkan semula penempatan yang dibuat pada tahun 1998 itu dengan kata lain *air space* kita sekarang ini masih tertutup untuk tentera udara Singapura dan perbincangan demi perbincangan yang dibuat adalah menjurus perkara ini tetapi belum ada sebarang keputusan muktamad dibuat. Terima kasih Yang Berhormat.

3. **Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kejayaan program meng'IT'kan sekolah-sekolah dan berapakah jumlah sekolah-sekolah yang menerima program ini dan perbezaan dari segi jumlahnya di bandar dan luar bandar.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga merakamkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat kemukakan soalan ini. Secara keseluruhannya program-program ICT yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia telah berjaya menjadikan IT sebagai satu budaya baru dalam persekitaran pembelajaran masa kini.

Sebagai langkah untuk meningkatkan pendedahan serta pengetahuan ICT di kalangan murid sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan pelbagai program antaranya program sekolah bestari, komputer dalam pendidikan, pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, *my-schoolnet* dan *portal my*-GFL atau *Malaysian Great For Learning*.

Program pembestarian sekolah melibatkan dua komponen utama iaitu pengurusan sekolah, pembentukan ICT dan pengajaran dan pembelajaran *in directive* berasaskan ICT. Oleh demikian fokus pembestarian ditumpukan kepada penggunaan ICT yang memerlukan kemahiran murid dan guru menggunakan ICT bagi tujuan akses kendiri ke arahkan kendiri dan kadar diri.

Bagi tujuan tersebut Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menyediakan keperluan pembestarian yang merangkumi bimbingan dan latihan, kedua*, software* atau perisian dan ketiga, *hardware* atau peralatan ICT.

Bagi bimbingan dan latihan Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan program bimbingan dan latihan kepada 286,152 orang guru yang merangkumi 76,636 orang yang terlibat dalam PBSMI. 3,692 orang guru sekolah bestari dan 205,830 orang guru yang telah diberikan latihan oleh Bahagian Pendidikan Guru.

Bagi pengisian kursus pula kementerian telah menyediakan 1,494 perisian untuk empat mata pelajaran di sekolah bestari, 90 hingga 110 pengajaran bagi setiap mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan 232 jadual bagi semua mata pelajaran lain.

Manakala dari segi peralatan ICT pula kementerian telah membekalkan 5,809 buah komputer dan 261 pelayan kepada sekolah yang terlibat dengan projek perintis sekolah bestari. 4,496 makmal yang meliputi 93,372 buah komputer dan 4,495 pelayan di 4,490 buah sekolah. Bagi 9,530 buah sekolah yang terlibat dengan PBSMI kementerian telah membekalkan 97,104 komputer riba, 69,009 LCD projektor, 67,439 skrin, 63,254 troli dan 2,286 televisyen.

Dalam program pembestarian sekolah, kementerian telah melaksanakan projek rintis sekolah bestari di 87 buah sekolah iaitu 81 buah sekolah sedia ada dan enam buah sekolah baru dibina. Daripada 87 buah sekolah tersebut sebanyak 35 buah sekolah adalah sekolah luar bandar dan selebihnya iaitu 52 buah sekolah adalah sekolah di bandar. Kementerian menyasarkan 10 ribu buah sekolah akan menjadi sekolah bestari menjelang 2010.

Bagi projek *my-schoolnet* pula, projek ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi di mana penyediaan talian *interne*t jalur lebar telah memberi ruang kepada sekolah untuk mengakses *internet* khususnya bagi tujuan

sumber maklumat dan menjadi platform bagi warga sekolah berhubung dengan dunia luar.

Selain itu kementerian juga terus mengusahakan *portal my*-GFL untuk memberikan mengakses kandungan pengajian dan pembelajaran yang telah diselaraskan. Semua sekolah bandar dan di luar bandar oleh boleh mengakses *portal* ini. Terima kasih.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua serta Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tahniah kepada pihak Kementerian Pelajaran, terutamanya kerana begitu serius di dalam program mengITkan sekolah-sekolah. Apa yang digambarkan tadi bahawa dari segi kualitinya kita kira mencukupi, dari segi guru, dari segi komputer, dari segi program, dari segi lap top, semuanya dijelaskan berpuluh-puluh ribu dan sebagainya. Tetapi soalnya, dari segi kualitinya, kuantiti, kita rasa mungkin sudah agak mencukupi.

Apakah penetapan sasaran dari segi kejayaannya? Apakah *benchmark*nya yang ditentukan untuk menentukan kejayaan program ini? Adakah kita *happy* setakat pelajar-pelajar kita mampu untuk mengakses komputer sahaja ataupun apa dia? Penetapan dan sasarannya. Bagaimana kualiti guru dan sebagainya. Jadi, apakah piawaian ataupun kriterianya untuk menentukan kejayaan program yang dilakukan oleh pihak kementerian ini? Itulah persoalannya, dari segi kualiti, dari segi *benchmark* yang ditetapkan oleh pihak kementerian. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat, yang mengemukakan satu soalan yang cukup baik. Sebenarnya kementerian ini juga sentiasa peka terhadap piawaian atau keberkesanan terhadap rancangan atau usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Sebenarnya tiap-tiap program yang telah dilaksanakan mempunyai jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk memantau.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya program-program ini kebanyakan masih dijalankan sebagai rintis, oleh kerana itulah kita masih, akan menentukan satu piawaian. Walau bagaimanapun, kita rasakan dari segi penguasaan, dari segi bilangan murid dan juga guru, kita rasa masih banyak ruang lagi untuk kita meningkatkan pada masa yang akan datang.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highland]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya. Saya ingin tahu ada juga banyak sekolah di luar bandar yang masih tidak mempunyai kemudahan IT. Dahulu kita ada makmal komputer, tetapi program itu tidak berjaya sepenuhnya. Bilakah kerajaan atau Kementerian Pelajaran ingin menyempurnakan hasrat untuk menyediakan kemudahan ini di semua sekolah?

Dan, soalan saya, tambahannya adalah bolehkah kita mengambil para graduan IT daripada swasta untuk memenuhi kekurangan guru-guru IT sekolah di seluruh Malaysia kerana ada 67,000 graduan yang menganggur. Bolehkah ini menjadi satu dasar kementerian?

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan ini. Salah satu usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran ialah untuk memberikan kemudahan ICT kepada murid-murid luar bandar. Salah satu usaha ialah membina makmal komputer.

Saya memang tidak dapat menafikan bahawa pada awalnya pembinaan makmal komputer telah mempunyai sedikit masalah, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, setakat ini pembinaan makmal komputer telah berjalan dengan baik dan tidak lama lagi semua makmal komputer akan digunakan untuk meningkatkan penguasaan ICT untuk murid-murid termasuk murid-murid di luar bandar.

Dari segi sama ada Kementerian Pelajaran untuk menggunakan mahasiswa yang telah menganggur supaya mereka dapat melibatkan diri untuk mengajar dalam mata pelajaran ICT, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, sebenarnya kita melihat guru adalah faktor yang cukup penting. Kita tidak sewenang-wenangnya untuk mengambil sesiapa sahaja untuk menjadi guru ICT.

Sebenarnya memang kita telah menetapkan syarat-syarat yang cukup ketat pada masa sekarang supaya seseorang yang memang mempunyai kualiti, yang boleh menjadi seorang guru yang baik, barulah kita diterima masuk. Walaupun dari segi kekurangan atau kekosongan jawatan itu, tetapi walau bagaimanapun kita akan sentiasa peka kepada perkara ini, di samping itu kita mesti menentukan bahawa kualiti guru tidak dapat kita kompromi.

4. **Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk mengimplementasikan dua hari cuti awam dalam setiap minggu *(five-days week)* memandangkan terdapat kekeliruan mengenai gantian hari cuti pada setengah hari Sabtu.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Alor Star yang telah mengemukakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan dua hari cuti am dalam seminggu atau lima hari bekerja seminggu kepada semua anggota sektor awam.

Pelaksanaan hari rehat Sabtu, minggu-minggu pertama dan ketiga setiap bulan berjalan, yang sekarang adalah memadai bagi membolehkan sektor awam bersama-sama di samping keluarga meningkatkan produktiviti kerja mereka. Adalah dimaklumkan pada masa ini pegawai-pegawai di sektor awam telah pun mempunyai cuti yang banyak berdasarkan kepada peruntukan kemudahan cuti rehat yang disediakan mengikut kelayakan dan pada tiap-tiap tahun cuti am adalah 15 hari.

Berhubung dengan kekeliruan mengenai gantian cuti pada setengah-setengah hari Sabtu, ingin dijelaskan bahawa pindaan hari rehat, Sabtu khususnya pada hari-hari perayaan diberi supaya anggota sektor awam dapat menikmati cuti yang lebih panjang. Pada masa yang akan datang kerajaan akan memastikan supaya keputusan pindaan hari cuti rehat pada hari Sabtu akan diumumkan lebih awal.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini sudah merupakan perkara yang agak lama berlaku dalam negara kita selepas kita merdeka, iaitu masalah penyeragaman hari cuti mingguan di setengah negeri kita, dan Kerajaan Pusat mengiktirafkan setengah negeri adalah hari Ahad dan setengah negeri adalah hari Jumaat.

Apakah tidak ada usaha daripada kerajaan kerana kita tahu bahawa memang ada masalah, sama ada di peringkat dalam negara ataupun di peringkat antarabangsa supaya ada penyeragaman di antara negeri-negeri di dalam soal-soal hari minggu.

Apakah kita hendak tetapkan semua negeri meletakkan hari Ahad sebagai cuti mingguan ataupun hari Jumaat? Dua-dua itu ada dia punya rasionalnya dan apakah pendirian kerajaan. Bilakah agaknya negara kita akan ada satu hari sahaja dalam seminggu sebagai cuti am untuk negara? Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih, Yang Berhormat. Buat masa sekarang ini, kerajaan sentiasa mengkaji untuk mengadakan cuti yang seragam bagi seluruh negara. Bagi negeri-negeri tertentu perkara ini adalah sensitif dan ia adalah di bawah kuasa kerajaan negeri yang melibatkan raja-raja.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di Terengganu kita telah selaraskan iaitu pertama sekali ialah kerana kita janji manifesto kita pada pilihan raya yang lepas, kita laksanakan.

Namun demikian, untuk pegawai-pegawai kerajaan negeri sahaja dan sekarang ini di antara negeri-negeri yang telah mengadakan cuti pada hari Ahad ialah di Perlis dan juga di Johor, memandangkan perkara-perkara yang telah diambil kira. Walau bagaimanapun, bagi negeri-negeri yang belum dilaksanakan kita harap kepada kerajaan negeri untuk mengkaji semula supaya ia dapat diselaraskan dan segala kerja dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Terima kasih.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalnya bukan untuk memberi lebih masa kepada keluarga pada hujung minggu, persoalannya sekarang cuti hujung minggu Sabtu ini tidak menentu dan memberi ruang untuk kakitangan bekerja *less productive,* kadang-kadang ia mengelirukan - tidak seragam. Saya pasti bahawa masyarakat luar negara tentu mempunyai masalah dalam urusan dengan pentadbir awam kita pada hari Sabtu. Adakah kerajaan melihat ini sebagai satu masalah dan adakah kerajaan bercadang untuk menambah masa kepada hari-hari lain selain daripada hari minggu - hari Isnin hingga hari Jumaat itu, menambahkan masa bekerja dan menentukan bahawa dua hari ini diberikan cuti umum untuk kakitangan kerajaan - tambahkan masa bekerja pada *week days* itu dan berikan cuti tetap dua hari di hujung minggu itu sebagai cuti awam untuk pekerja pentadbiran awam. Adakah kerajaan menimbang perkara ini dan mengkaji kesesuaian cuti umum hari Sabtu sekarang ini yang tidak menentu. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Sebenarnya masa bekerja....kita tengok di Terengganu, walaupun lima hari bekerja tetapi masa bekerja adalah sama dengan masa bekerja di negeri-negeri lain. Selain daripada itu ada beberapa perkara yang perlu diambil kira. Di antaranya ialah sebelum kita melaksanakan cuti lima hari seminggu, kita harus mengkaji dari segi produktiviti sektor awam, perkhidmatan pelanggan dan peningkatan kos kerana tambahan bayaran elaun semasa hari-hari cuti tersebut. Perkara-perkara begini adalah diambil kira.

Walau bagaimanapun kerajaan sedang mengkaji untuk melaksanakan cuti serentak ataupun lima hari bekerja kepada semua kerana kita lihat di negara-negara Asian lain pun kebanyakannya sudah melaksanakan lima hari bekerja. Namun demikian kalau kita membandingkan masa cuti bagi kakitangan awam di Malaysia adalah lebih daripada negara-negara tersebut. Misalnya di negara Singapura, Indonesia dan sebagainya masa cuti kita adalah lebih. Kalau kita bekerja lebih kurang maknanya cuti kita bertambahlah. Kalau kita lihat bagi kakitangan Gred A - Pengurusan Tertinggi, dia berhak mendapat cuti rehat selama 30 hari setahun dan kalau dia bekerja lebih daripada 10 tahun dia berhak mendapat 35 hari cuti rehat setahun berbanding dengan negeri-negeri seperti di Indonesia di mana cuti rehat hanya 12 hari, di Singapura 14 hari hingga 17 hari, walaupun mereka bekerja selama lima hari seminggu. Ini bermakna kalau kita potong lagi, bertambah rehat lagilah orang-orang kita.

Dari segi itu ia tidak mendatangkan manfaat kepada kita. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengkaji dari masa ke semasa untuk melihat bahawa perkara ini akan mendatangkan*.....[Disampuk]...*Ya, kita akan mengkaji dari masa ke semasa. Terima kasih Yang Berhormat.

5. **Dato’ Firdaus bin Harun [Rembau]** minta Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah jangka panjang yang dijalankan oleh Kerajaan bagi memastikan matlamat memodenkan sektor pertanian dan seterusnya membangunkan masyarakat petani di kawasan luar bandar mendapat sokongan dan penglibatan sepenuhnya di semua peringkat akar umbi.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Rembau yang telah mengemukakan soalan yang bagi saya ini cukup penting, yang

sebenarnya mencakupi seluruh peranan dan tanggungjawab yang diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Usaha untuk memodenkan sektor pertanian negara kita ialah bertujuan untuk mentransformasikan sektor pengeluaran makanan pertanian supaya menjadi sebuah entiti perniagaan yang berdaya maju, dinamik dan berdaya saing.

Langkah-langkah jangka panjang yang dijalankan antara lain ialah:-

*(i)* pembangunan projek pertanian secara berkelompok dan penggabungan ladang seperti estet dan dusun nukleus untuk mencapai tahap komersial dan menggunakan mekanisasi ladang bagi meningkatkan produktiviti dan memperoleh faedah *economy of scale;*

(ii) mewujudkan sistem perladangan dan cara pengeluaran makanan pertanian yang moden dan sistematik di Taman Kekal Pengeluaran Makanan zon industri akuakultur, zon ternakan ayam dan program integrasi dengan tanaman kekal. Selaras dengan konsep zon tersebut pembangunan *cluster* industri akan dilaksanakan supaya pembangunan industri sokongan seperti pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran boleh berkembang;

(iii) pengeluaran secara persekitaran terkawal dan sistem berintensif mekanisasi dan automasi seperti ternakan lembu secara *feed lot*, dan reban ayam tertutup;

(iv) memperbanyakkan insentif dan dana pinjaman bagi menarik penyertaan usahawan dan pelabur swasta dalam pengeluaran makanan pertanian. Sebagai contoh, bagi tempoh 2001 sehingga 2004 sebanyak 151 buah syarikat kecil dan sederhana dengan nilai pelaburan sebanyak RM967.4 juta diberikan insentif fiskal dan bukan fiskal;

(v) projek perintis - sebagai contoh, pertanian moden yang kita laksanakan di Kluang, Johor akan dijadikan sebagai model untuk mengkomersialkan pengeluaran makanan pertanian;

(vi) mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam menghasilkan teknologi bagi meningkatkan produktiviti dan mekanisasi serta automasi secara sistem fertigasi, reban ayam tertutup dan *veriaty* padi dan buah-buahan baru;

(vii) aplikasi bioteknologi dalam pengeluaran makanan yang mana dapat meningkatkan produktiviti dan hasil perhatian yang berkualiti. Dalam hal ini kerajaan akan terus meningkatkan program penyelidikan dan pembangunan supaya hasil penyelidikan tersebut akan dapat disampaikan kepada petani melalui sistem pengembangan yang akan dilaksanakan oleh pelbagai jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;

(viii) memperkukuhkan sistem kualiti dan keselamatan makanan supaya memenuhi piawaian pasaran tempatan dan antarabangsa bagi membolehkan hasil pertanian negara kita dieksport keluar negara. Beberapa skim persijilan seperti Skim Amalan Ladang Baik Salam telah pun dilaksanakan bagi mencapai tujuan tersebut. Ini termasuklah meningkatkan kempen Amalan Pertanian Baik ataupun *Good Agricultutre Practice,* dengan izin kepada petani-petani dan menyegerakan pelaksanaan skim-skim persijilan kualiti dan keselamatan makanan serta kesihatan tumbuhan supaya memenuhi piawaian pasaran tempatan dan antarabangsa;

(ix) meningkatkan lagi program latihan kepada petani-petani dan usahawan tani termasuk kursus motivasi dan keusahawanan supaya petani-petani mendapat kemahiran yang diperlukan bagi memudahkan usaha transformasi sektor pertanian tradisional kepada sektor pertanian moden dan komersial;

(x) mewujudkan pusat kecemerlangan teknologi di pusat-pusat pertanian untuk meningkatkan perkhidmatan sokongan teknikal bagi menyokong kerja agen-agen pengembangan di peringkat akar umbi menerusi pengeluaran benih dan bahan tanaman

bermutu tinggi di pusat-pusat pertanian untuk dijual kepada petani, perkhidmatan pengurusan tanah untuk penyampaian teknologi pengurusan kesuburan tanah dan pemuliharaan tanah, perkhidmatan perlindungan tanaman bagi penyampaian teknologi pengurusan perosak bersepadu yang mesra alam, diagnosis serta kawalan penyakit dan perosak;

(xi) menempatkan pegawai yang mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi sebagai agen pengembangan *frontline* di peringkat akar umbi supaya pegawai lebih pakar terlibat secara langsung dalam menyampaikan teknologi terkini kepada petani.

Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia mempunyai Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan dan Pertubuhan Nelayan Kawasan. Institusi di peringkat akar umbi untuk menggembleng tenaga dan kepakaran petani, penternak dan nelayan untuk melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai projek pertanian yang dilaksanakan. Pertubuhan Peladang Kawasan dan Pertubuhan Nelayan Kawasan antara lain bertanggungjawab untuk mengubah pemikiran petani, penternak dan nelayan tradisional melalui program yang membina insan dan motivasi, meningkatkan kemahiran melalui latihan dan program pemindahan teknologi, memperbanyakkan penglibatan masyarakat Tani dalam aktiviti pemprosesan hiliran dan menjalankan ladang berkelompok dan ladang kontrak secara keseluruhannya.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab sendiri soalan yang dikemukakan. Masalahnya sekarang ialah ramai para belia termasuk juga siswazah tidak begitu minat menceburkan diri di dalam sektor pertanian. Bagaimana kita hendak mewujudkan dan menjadikan sektor pertanian ini satu industri yang *glamoures* yang ada *glamour.* Bagaimana hendak kita wujudkan the *pull factor* itu sebab rata-rata petani kita sekarang ini berusia 56 tahun ke atas. Malah di kawasan saya di Rembau, saya buat kajian secara rawak didapati kebanyakan mereka berusia 60 tahun ke atas. Inilah isu yang penting yang saya rasa harus di *address* kan dengan izin oleh Kementerian Pertanian.

Keduanya soal pemasaran, ini juga menjadi satu masalah. Banyak pada masa-masa yang lepas para petani kita sangat *responsive* dengan izin kepada seruan kerajaan untuk menanam tanaman seperti koko, mangga dan sebagainya tetapi bila sampai masanya hendak dipasarkan menjadi masalah yang besar. Banyak yang kadang-kadang busuk di atas pokok sahaja. Saya harap dapat kiranya Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat.. Soalan yang pertama berkenaan dengan kurang minatnya generasi muda untuk mengambil bahagian dalam bidang pertanian. Ini sememangnya suatu isu yang agak besar juga kerana sebagai mana Yang Berhormat sebutkan tadi umumnya umur petani di negara kita ini telah menjangkau usia 56 ataupun 57 tahun puratanya dan sebab itu kita agak bimbang kalau trend seperti ini berterusan di mana penyertaan generasi muda agak semakin berkurangan maka ia tentu akan menjejaskan perkembangan dan kemajuan pembangunan industri pertanian di negara kita.

Oleh sebab itu satu daripada perkara yang sedang kita ambil perhatian sekarang ini ialah untuk terutamanya mengubah persepsi tentang pertanian ini yang dikatakan tidak *glamoures,* tidak menguntungkan, berisiko tinggi dan tidak memberikan pendapatan yang lumayan kerana sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum sekarang ini sudah pun juga terdapat beberapa pengusaha-pengusaha tani yang muda,siswazah yang mungkin tidak bekerja di sektor kerajaan meneroka ke bidang pertanian yang telah menghasilkan pendapatan yang lumayan. Yang hendak kita tonjolkan sekarang ini ialah contoh-contoh kejayaan *'The Success Story'* yang tidak semestinya melibatkan modal besar. Modal kecil, dia mulakan secara kecil-kecilan yang sudah memberikan jaminan pendapatan yang lebih lumayan.

Keduanya mungkin dengan kita mendedahkan generasi muda kita kepada bidang-bidang teknologi pertanian moden kerana banyak di kalangan mereka menganggap bahawa pertanian adalah cara yang tradisional bagi masuk ke ladang dengan berselut dengan tanah, dengan cuaca yang agak panas terik dan ini tidak menarik minat mereka untuk bekerja di sektor itu sedangkan sebenarnya dalam pelbagai bidang pertanian sudah terdapat teknologi-teknologi yang lebih canggih. Tanaman sayur-sayuran tidak semestinya di bawah terikkan matahari, di bawah bumbung orang

kata yang dibina secara sistem ‘Fertigasi’ memberikan hasil yang lebih baik walaupun kosnya agak tinggi. Apa yang sedang dilakukan oleh pihak kerajaan sekarang ini ialah untuk mendedahkan fakta-fakta tentang kejayaan dalam bidang pertanian.

Ketiganya ialah untuk kita meminta peranan institusi pendidikan seperti sekolah-sekolah di mana saya dapati di beberapa buah sekolah menengah telah pun mewujudkan kelab-kelab pertanian, briged tani dan diadakan projek-projek pertanian contoh di kawasan sekolah dan ia dijadikan sebagai satu ko-kurikulum di mana guru-guru yang berminat dalam bidang ini membimbing anak-anak kita di sekolah untuk mengetahui sedikit sebanyak soal-soal penting tentang tn tentang pertanian ini. Langkah sebeginilah yang kita sedang jalankan dan akan kita teruskan.

Soal pemasaran, ini memang subjek yang biasa kita hadapi dan Ahli Yang Berhormat pun dalam masa sesi pertemuan dengan saya beberapa bulan yang lalu telah pun membangkitkan soal ini. Saya ingin hendak memaklumkan bahawa sudah pun selesai satu kajian semula tentang fungsi dan peranan FAMA yang mana sekarang ini diletakkan sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk membantu memasarkan produk-produk pertanian petani-petani kita.

Walaupun selama ini kita sudah membina kemudahan-kemudahan seperti pusat pengumpulan, kita membantu untuk mencari pasaran baru, kita juga mencari jalan untuk menjamin sedikit sebanyak harga yang lebih baik tetapi saya dapati ia belum lagi cukup berkesan. Kajian yang telah pun diselesaikan oleh sebuah perunding yang telah dilantik oleh kerajaan ini akan dibentangkan kepada pihak kementerian dalam tempoh yang terdekat. Kita akan kaji dan meneliti bagaimana sistem pemasaran ini dapat kita perbaiki lagi dan kita hubungkan dengan soal pasaran bukan sahaja di peringkat negara tetapi juga di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh saya telahpun memaklumkan tentang kemungkinan kerajaan menyediakan pusat-pusat ataupun *atache-atache* pertanian di luar negara untuk mencari pasaran-pasaran baru bagi produk-produk pertanian kita.

Tuan Yang di-Pertua, memang banyak langkah yang sedangpun kita dan saya harap dengan usaha sebegini sedikit sebanyak masalah pemasaran yang penting ini dapat kita kurangkan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam proses meningkatkan produktiviti dalam pertanian dan dalam matlamat memodenkan sistem pertanian, adakah kerajaan serius mengawal kegunaan racun-racun serangga memandangkan dalam sistem *good agriculture practice* sebenarnya perkara macam ini tidak patut digalakkan. Akan tetapi baru-baru ini Menteri Pertanian telah mengatakan akan mengkaji balik untuk membenarkan penggunaan *paraquat*. Apakah ini ada sesama dengan kebaikan *good agriculture practice?*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita ada undang-undang yang kita guna pakai untuk mengawal penggunaan racun dan bahan-bahan yang digunakan untuk membunuh serangga atau perosak ini di dalam sektor pertanian. Iini kita guna pakai untuk memastikan supaya di samping usaha untuk memperbaiki usaha-usaha pertanian kita, manusia ataupun petani itu tidak akan menanggung risiko kerana bahaya daripada penggunaan racun serangga dan sebagainya.

Oleh sebab itu, apa yang penting sekarang ini ialah untuk memberikan pendidikan yang lebih meluas kepada petani-petani kita. Cara yang terbaik yang mereka harus guna pakai untuk menentukan dia tidak membawa kesan buruk kepada kesihatan dan juga keselamatan diri mereka. Sebab itulah kita akan terus menguatkuasakan peraturan-peraturan ini termasuklah kita akan meletakkan tanggungjawab ini ke pihak *employer* atau majikan-majikan untuk sama-sama memainkan peranan supaya pekerja mereka dan juga petani yang terlibat dalam bidang penggunaan bahan ini mematuhi undang-undang yang telah pun ditetapkan.

Tentang soal penggunaan bahan *paraquat* ini sebenarnya sudah lama diguna pakai di negara kita dan disebabkan oleh beberapa kes mungkin kematian , ini masyarakat India di ladang-ladang mungkin dilihat terlibat dalam kegiatan bunuh diri dan dia dikaitkan dengan sebab dia memakan bahan *paraquat* racun yang mudah bagi cepat mati. Maka dengan sebab itu ada pihak yang berkata harus kita *ban* ataupun kita sekat supaya ia tidak digunakan lagi kerana kesan kepada manusia begitu rupa.

Tetapi dalam beberapa peringkat pula ada sektor perladangan dan pertanian mengemukakan rayuan kepada pihak kerajaan kerana satu walaupun isu ada dikaitkan

dengan kes-kes yang saya kaitkan tadi mereka dapati bahawa bahan racun *paraquat* mengikut pandangan mereka ini cukup berkesan.

Kalau sistem yang dicadangkan dalam menggunakan jenis racun yang baru ini, mereka berkata mereka perlu menggunakan tiga atau empat kali pusingan sebelum dia membawa kesan yang sama. Contohnya, kalau jenis bahan bukan *Paraquat* digunakan empat atau lima kali pusingan barulah mungkin rumput-rampai *(weed)* itu dapat dimusnahkan. Tetapi dengan *Paraquat* sekali jalan sahaja dan sebab itu sektor perladangan dan juga sektor pertanian berpendapat ini lebih *economical*.

Persoalan penting sekarang ini sama ada kita hendak benarkan atau tidak. Soal ini kita sedang kaji semula, kita kena ambil kira bukan sahaja soal faktor keselamatan, yang tentu kalau kita kuatkuasakan boleh kita kuatkuasakan dengan lebih tegas. Tetapi faktor ekonomi kerana kalau tidak, saya dimaklumkan sektor perladangan akan menanggung lebih kurang RM50 lebihan perbelanjaan satu hektar, kalau tidak digunakan bahan *Paraquat* ini.

Jadi, kita hendak lihat dari segi *competitiveness,* bagaimana kita mampu hendak bersaing kalau kos kita tinggi dan sebagainya. Pihak kementerian dan Lembaga Racun yang ada di pihak kementerian sedang meneliti rayuan-rayuan ini. Kita belum lagi buat keputusan tetapi tentulah perkara ini kita akan maklumkan kepada pihak masyarakat dan kalau kita hendak timbangkan kita kena mengambil kira semua perkara yang saya sebutkan tadi sebelum kita membuat keputusan baru.

**Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kami sangat bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan dasar-dasar dan juga langkah-langkah yang akan diambil untuk memodenkan sektor pertanian kita. Tetapi masalahnya dari segi penyampaian dan juga bagaimana kita hendak memastikan bahawa dasar-dasar ini sampai ke akar umbi dan juga penglibatan kerajaan negeri kerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk memastikan bahawa sektor pertanian dapat dimajukan. Banyak skim pertanian dan juga penternakan dilaksanakan oleh kementerian tetapi dari segi kerjasama dari pihak kerajaan negeri saya rasa perlu dikaji semula kerana skim pemilihan peserta juga dikendalikan oleh kerajaan negeri dan berbeza-beza berbanding dengan satu negeri dengan negeri yang lain. Satu isu lagi

berhubung dengan tanah juga. Penggunaan tanah juga satu negeri dengan kerajaan negeri yang lain juga berbeza.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Satu soalan sahaja.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan masalah-masalah sebegini dapat diatasi dengan segera.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, memang soal isu pertanian ini bukan isu Kerajaan Persekutuan sahaja. Dalam Perlembagaan ia adalah soal hak bersama yang mana tanggungjawab untuk memajukan bidang pertanian terletak juga di bawah bidang kuasa kerajaan negeri terutama yang berkaitan dengan soal tanah dan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi berbagai-bagai perkara yang lain.

Walaupun saya bersetuju bahawa setakat hari ini ada isu dan masalah dari segi soal perhubungan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam soal yang berkaitan dengan pertanian dan soal tanah tadi. Saya fikir ini bukan satu soalan sukar untuk kita selesaikan. Kita telah ada pelbagai format ataupun ada forum di mana wakil negeri dan Persekutuan duduk berbincang dalam hal-hal yang berkaitan dengan soal tanah dan jawatankuasa-jawatankuasa yang dipimpin oleh Perdana Menteri dan Timbalan Menteri biasa bersidang untuk memberitahu kepada pihak keranaan negeri tentang pentingnya kerjasama mereka untuk membantu supaya bidang pertanian dan pembangunan negara ini dapat berjalan dengan lebih lancar.

Saya memang bersetuju bahawa kita perlukan sokongan pihak-pihak tertentu di peringkat negeri untuk menjayakan projek kita. Tetapi ada juga projek-projek yang dibuat oleh pihak kerajaan negeri sendiri yang disebutkan oleh Yang Berhormat di mana mereka memilih peserta-peserta di peringkat mereka sendiri. Tetapi di peringkat pelaksanaan jabatan, di peringkat kementerian Persekutuan juga terlibat bersama-sama.

Soal yang penting sekarang ini bagaimana hendak menjalin hubungan kerjasama yang lebih rapat, yang lebih erat supaya tidak ada timbul percanggahan, kepentingan kerana kumpulan sasar yang kita hendak bantu adalah orang yang sama - petani, peladang, penternak ataupun nelayan dan sebagainya. Sebab itu saya berpendapat usaha untuk mewujudkan jalinan kerjasama ini perlu kita pertingkatkan lagi. Malahan di peringkat saya sendiri kita mengadakan mesyuarat-mesyuarat dengan Exco Pertanian

negeri boleh dikatakan tiga bulan sekali di mana isu-isu yang disebut tadi telah pun dapat kita bangkit dan kita timbulkan dan kalau mereka mempunyai masalah sendiri di peringkat negeri yang memerlukan sokongan daripada pihak Kerajaan Persekutuan kita cuba cari jalan untuk mengatasi ataupun menyelesaikannya.

6. **Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan di dalam '*Project For The New American Century*' (PNAC) yang dilancarkan pada September 2000 menerangkan hasrat kuasa besar untuk membuka pangkalan hadapan dan unit ekspedisi marin di beberapa negara jiran di Asia Tenggara. Setakat manakah hasrat ini dapat dikekang. Apakah ASEAN tidak berhasrat menubuhkan rangkaian keselamatan sistematik untuk melindungi rantau ini sendiri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kudat di atas soalan menarik yang dibangkitkan.

'*Project For The New American Century'* (PNAC), dengan izin merupakan sebuah *think tank* kerajaan Amerika Syarikat yang berpusat di Washington DC yang ditubuhkan pada tahun 1997. Salah satu objektif penubuhan PNAC ialah menjalankan kajian bagi meneruskan dan mengekalkan dominasi Amerika Syarikat selaku kuasa besar dunia.

PNAC telah melancarkan satu kertas putih yang bertajuk, dengan izin, *'Rebuilding American Defences Strategy, Forces and Resources For A New Century'* pada September tahun 2000. Di antara idea yang terkandung dalam kertas putih ini ialah supaya Amerika Syarikat membuka pangkalan hadapan dan unit ekspedisi marin di beberapa negara Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, hasrat Amerika Syarikat ini telah ditolak bulat-bulat oleh negara-negara ASEAN termasuk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ASEAN telah lama berhasrat menubuhkan rangkaian keselamatan sistematik untuk melindungi rantau ini. Malah, kerjasama dalam bidang politik dan keselamatan merupakan agenda utama penubuhan ASEAN selain daripada menghalang kuasa-kuasa besar meletakkan pangkalannya di kawasan ASEAN. Deklarasi ASEAN *Concord* 2 yang telah ditandatangani oleh Ketua-ketua Negara Kerajaan ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-9 di Bali pada Oktober 2003, merupakan satu dokumen asas yang penting bagi mencorak haluan ASEAN ke arah

mewujudkan satu komuniti ASEAN menjelang tahun 2020 selaras dengan Deklarasi Wawasan ASEAN 2020 yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 1997.

Komuniti ASEAN yang bakal diwujudkan ini berteraskan kepada tiga tonggak utama iaitu Asean *Security Community*, Asean *Economic Community* dan Asean *Socio-Cultured Community.*

Asean *Security Community* atau Komuniti Keselamatan Asean merupakan rangkaian sistematik di rantau ini. Komuniti Keselamatan ASEAN ini bukanlah bertujuan mewujudkan perikatan ketenteraan atau pakatan keselamatan seperti NATO. Tetapi falsafah asas di sebalik Komuniti Keselamatan ASEAN ialah untuk mewujudkan ketahanan nasional atau serantau menjurus kepada mewujudkan keselamatan dan kestabilan serantau.

Selain dari itu, Pelan Tindakan Komuniti ASEAN iaitu ASEAN *Plan of Action* merupakan sebahagian daripada Deklarasi ASEAN Concord 2 yang telah diperakukan semasa Sidang Kemuncak Asean Ke-10 di *Vientiane*, Laos pada November 2004. Ia juga mengandungi beberapa kaedah praktikal yang boleh digunakan bagi menyelesaikan konflik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menanyakan soalan tambahan, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada rombongan daripada Ledang *[Tepuk]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua…..

**Seorang Ahli:** *[Disampuk]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Sebagaimana yang kita sedia maklum, kuasa-kuasa besar sentiasa mencuri peluang dalam kawasan rantau ASEAN ini dan negara Malaysia adalah negara yang menjadi sasaran mereka.

Selain daripada dasar kerajaan berbaik-baik dengan mereka, apakah strategi lain kerajaan untuk mengekang tindakan mereka? Sekian, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang kerana mengemukakan soalan. Antara strategi kita Tuan Yang di-Pertua, adalah kita bersama-sama negara ASEAN berusaha untuk menjalankan projek-projek kerjasama

yang terkandung dalam Pelan Tindakan Komuniti Keselamatan sebagai satu pendekatan untuk mendekatkan kepercayaan dan keyakinan di antara mereka.

Ini adalah penting. Kita sesama kita di ASEAN perlu lebih percaya dan yakin antara satu sama lain. Dengan meningkatkan kerjasama di antara negara-negara ASEAN dalam segi keselamatan, termasuk keselamatan maritim saya yakin bahawa dengan kepercayaan dan keyakinan ini dipercayai Pelan Tindakan Komuniti Keselamatan ASEAN akan dapat digunakan sebagai satu instrumen tambahan untuk menyelesaikan konflik di rantau ASEAN, selain menghalang kuasa-kuasa besar dari meletakkan pangkalan mereka di kawasan tertentu di ASEAN dan memastikan rantau ASEAN ini bebas daripada pengaruh kuasa besar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. **Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan langkah-langkah mempertingkatkan daya saing IPT negara ini sebagai salah satu langkah menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pendidikan cemerlang di rantau Asia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa memastikan bahawa IPT menjadi pusat yang dinamik dan proaktif dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pendidikan cemerlang di rantau Asia. Di antara langkah-langkah atau usaha-usaha mempertingkatkan daya saing di IPT:

i. kurikulum program-program yang ditawarkan sentiasa dikaji agar ia mengikut peredaran semasa;

ii. pandangan pihak industri berkenaan program-program yang ditawarkan di IPT juga diambil kira, malahan kajian pasaran adalah diwajibkan dalam permohonan program baru di IPT. Kementerian Pengajian Tinggi juga mengadakan dialog dengan pihak industri pada setiap tahun untuk mendapatkan pandangan pihak industri bagaimana kualiti graduan serta program yang ditawarkan;

iii. kolej-kolej universiti telah ditubuhkan di mana pendekatan baru untuk memastikan pengajiannya berfokus dengan saiz *enrolment*

yang kecil dan pengajarannya menjurus kepada amali dan kemahiran atau *hands on,* dengan izin; Antara usaha lain ialah

iv. menetapkan bilangan pensyarah yang mempunyai kelulusan Ph.D dan setaraf pada tahap 70% pada tahun 2010;

v. IPT juga digalakkan mengadakan perjanjian persefahaman dengan IPT atau syarikat luar negara bagi berkongsi maklumat, mengadakan penyelidikan bersama mahupun program pertukaran pelajar, pertukaran pensyarah sebagai aktiviti pengantarabangsaan;

vi. IPT juga memberi penekanan yang serius dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Bagi tahun 2003 dan 2004 sahaja, di IPTA, sebanyak 113 hasil penyelidikan telah di patenkan, manakala sebanyak 140 projek sedang dipatenkan dan 75 produk telah pun berjaya dikomersialkan serta sebanyak 234 projek yang mendapat kerjasama pihak industri;

Dalam bidang penyelidikan, pelajar ijazah tinggi merupakan pemangkin kepada aktiviti penyelidikan di IPT. Oleh yang demikian, IPT akan memberi penekanan ke arah peningkatan peratusan bilangan pelajar ijazah tinggi berbanding dengan pelajar ijazah pertama sebanyak 25% berbanding dengan 17% yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua sedia maklum, Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia telah diketahui mencipta kedudukan ke 89 dan ke 111 melalui kajian *Time Higher Education Supplement*. Di peringkat Asia pula, kedua-dua buah universiti ini berada di kedudukan ke 13 adalah Universiti Malaya dan kedudukan ke 5 USM.

Manakala pula di peringkat Asia Tenggara, di tempat ketiga Universiti Malaya dan tempat keempat USM. Ini menguatkan lagi azam KPT, Kementerian Pendidikan Tinggi melalui 17 IPTA kita dan 559 IPTS untuk terus meningkatkan daya saing dan prestasi. Insya-Allah, kita boleh lakukan.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat. Masa soal jawab lisan telah selesai.

***[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]***

## RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2004) 2005**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Timbalan Menteri Kewangan.

**11.14 pagi**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang yang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu, dibaca kali kedua sekarang.

**Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua Tahun 2004 -**

Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah kedudukan ekonomi negara terus menunjukkan arah aliran yang menggalakkan bagi tahun 2004 keluaran dalam negara kasar KDNK telah mencatat pertumbuhan 7.1% melebihi sasaran 7% yang dibentangkan semasa Bajet 2005. Kedudukan ekonomi yang memberangsangkan ini telah dapat kita capai walaupun dalam keadaan persekitaran luaran yang tidak menentu terutamanya dalam keadaan pertumbuhan ekonomi antarabangsa yang sederhana. Kenaikan harga minyak global dan bencana Tsunami yang berlaku pada tempoh separuh kedua tahun 2004.

Cabaran-cabaran ini telah dapat kita harungi melalui pengurusan Mikro Ekonomi Negara yang cekap dan pragmatik. Kita terus mengekal dasar fizikal yang berkhidmat dan dasar kewangan yang *accommodative* bagi menyokong kecergasan aktiviti sektor swasta yang kini semakin berperanan menerajui pertumbuhan ekonomi negara. Punca pertumbuhan terus disumbang oleh sektor pembuatan diikuti oleh sektor perkhidmatan dan pertanian. Perkembangan ekonomi ini pula dicapai dalam suasana kadar pengangguran yang rendah dan tekanan inflasi yang terkawal. Tuan Yang di-Pertua,

sepanjang suku pertama tahun 2005, kegiatan ekonomi negara kita terus berkembang. Ini dapat kita lihat melalui petunjuk-petunjuk ekonomi utama, misalnya kedudukan paras rizab antarabangsa negara terus kukuh dan meningkat ketara kepada RM278.3 bilion atau USD73.2 bilion pada pertengahan Mac 2005 berbanding dengan hanya RM195.1 bilion atau USD51.3 bilion pada bulan Mac 2004.

Manakala hasil eksport bertambah 11.3% kepada RM39.2 bilion pada bulan Januari 2005 berbanding bulan yang sama tahun 2004. Pada masa yang sama, import berkembang sebanyak 9.2% kepada RM31.4 bilion. Keadaan ini telah membolehkan kita mengekalkan lebihan dagangan selama 87 bulan berturut-turut sejak November 1997. Pada tempoh yang sama juga, indeks pengeluaran perindustrian perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta menunjukkan aliran yang semakin meningkat. Insya-Allah, prospek ekonomi negara pada tahun 2005 dijangka kekal memberangsangkan dengan KDNK dianggarkan berkembang pada kadar antara 5% hingga 6%.

Ini adalah berasaskan tanda-tanda perkembangan ekonomi terpilih yang telah diterangkan di atas tadi. Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkat dan melaksanakan strategik serta langkah-langkah untuk mempertahankan kecergasan pertumbuhan dan kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan kedua tahun 2004 ini, dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan, iaitu memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2004 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Keseluruhan peruntukan tambahan yang dibentangkan dalam anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua ini 2004 ini adalah berjumlah RM15,065.1 juta.

Daripada jumlah ini hanya RM9,738.7 juta dipohon untuk diluluskan di bawah Fasa 2 Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Manakala bakinya sebanyak RM5326.4 juta merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada undang-undang tertentu. Perbelanjaan tanggungan sebanyak RM5326.4 juta telah dipertanggungkan kepada kumpulan wang disatukan bagi membiayai perkara berikut:

Tambahan sebanyak RM850 ribu untuk Maksud T.1. Peruntukan Diraja Sri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung bagi perbelanjaan lawatan dalam negeri dan perbelanjaan bagi Majlis Bulan Ramadan.

Tambahan sebanyak RM161,400 untuk Maksud T.2 - Elaun-elaun Diraja bagi membiayai kenaikan elaun-elaun Diraja kepada Sri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan Sri Paduka Baginda bekas Raja Permaisuri Agung.

Tambahan sebanyak RM3,150 juta adalah untuk Maksud T.12 - perbelanjaan bagi membiayai perbelanjaan seperti berikut:

(i) Sejumlah RM3000 juta adalah merupakan bayaran balik, bayaran ganti dan penebusan bagi cukai-cukai hasil dalam negeri

(ii) Sejumlah RM150 juta adalah untuk pemberian pertambahan hasil persekutuan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan kepada Akta Pertambahan Hasil 1977 Pindaan 1990.

Tambahan sebanyak RM1,726.4 juta adalah untuk Maksud T.13 - perbelanjaan kerana hutang negara bagi menampung bayaran faedah dividen dan lain-lain berkenaan bayaran hutang negara pada tahun 2004.

Tambahan sebanyak RM449 juta adalah untuk Maksud T.14 - pencen, elaun bersara dan ganjaran adalah bagi membiayai bayaran kepada pesara.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan perbelanjaan bekalan sebanyak RM9,738.7 juta yang dipohon di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang adalah untuk maksud seperti berikut:

(i) merekod semula pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka (CFAW) sebanyak RM340.3 juta;

(ii) membiayai tambahan langsung sebanyak RM1,299.3 juta; dan

(iii) memindahkan lebihan daripada Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2004 sebanyak RM8,099.1 juta ke Kumpulan Wang Pembangunan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Prosedur Kewangan 1957.

Sebanyak RM340.3 juta yang akan di rekod semula kepada Kumpulan Wang Luar Jangka (CFAW) telah dikeluarkan untuk tujuan seperti berikut:

(i) sebanyak RM234.2 juta bagi Maksud B.12, Perkhidmatan Am (Perbendaharaan) bagi membiayai bayaran pampasan tol Lebuhraya Damansara-Puchong dan mengambil alih Lebuhraya Seremban-Port Dickson dan program penyusunan semula pengangkutan awam Lembah Klang;

(ii) sebanyak RM54 juta di bawah Maksud B.50 untuk Kementerian Pertahanan untuk membiayai bayaran pendahuluan kepada 35 buah kem tambahan, membayar yuran juru perunding, gaji kakitangan sambilan, kursus *Training of Trainers*, dengan izin, insurans, iklan dan peralatan tambahan bagi Program Latihan Khidmat Negara; dan

(iii) sebanyak RM52.1 juta, Kementerian Luar Negeri untuk membiayai bayaran elaun perbezaan sara hidup, bayaran emolumen untuk kakitangan baru pusat serantau Asia Tenggara bagi mencegah keganasan, bonus untuk kakitangan sambilan tempatan, perwakilan dan sumbangan Kerajaan Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) untuk mendirikan sekolah di Jenin, Palestin, sumbangan kepada mangsa gempa bumi di Bam, Iran dan mangsa banjir di Bangladesh serta mangsa kemalangan kereta api di Lonchun, Korea.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM1,299.2 juta adalah cadangan tambahan secara langsung yang dipohon untuk tujuan seperti berikut:

(i) sebanyak RM14.9 juta untuk Maksud B.7 - Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menampung bayaran elaun sara hidup dan yuran pengajian pelajar, pegawai tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam di luar negara berikutan daripada kenaikan kadar pertukaran mata wang asing;

(ii) sebanyak RM18.7 juta untuk Maksud B.14 - Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk menampung bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi pada tahun 2004;

(iii) sebanyak RM47.5 juta untuk Maksud B.15 - Kementerian Luar Negeri bagi membiayai pembukaan 6 kedutaan baru, kenaikan kadar pertukaran wang asing, peningkatan kadar sewaan di perwakilan, pembayaran kos perkhidmatan dan kenaikan kadar tarif utiliti di luar negara;

(iv) sebanyak RM906.1 juta untuk Maksud B.41 - Kementerian Pelajaran bagi membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi bagi tahun 2004;

(v) sebanyak RM257.8 juta untuk Maksud B.50 - Kementerian Pertahanan bagi membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi tahun 2004 serta bayaran insentif Anugerah Khidmat Cemerlang; dan

(vi) lain-lain tambahan adalah untuk Maksud B.3 - Jabatan Audit Negara, tambahan sebanyak RM208,070 dan sebanyak RM1,310 untuk Maksud B.9 - Badan Pencegah Rasuah bagi membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi tahun 2004.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua Tahun 2004 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 2005 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14A Tahun 2005.

**Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2004 -**

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2004. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2004 dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2004 sejumlah RM597.9 juta adalah dikehendaki untuk dibelanjakan bagi maksud yang tidak diperuntukkan atau yang kurang diperuntukkan dalam Bajet 2004 yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM390.5 juta telah didahulukan daripada peruntukan Simpanan Luar Jangka. Jumlah anggaran tambahan ini adalah peruntukan

secara langsung kecuali RM20 secara pinjaman yang merupakan peruntukan tanda bagi Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Anggaran tambahan diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan kementerian dan jabatan berikut:

Sebanyak RM386 juta, Kementerian Pelajaran bagi membiayai program berikut:

(i) sebanyak RM100 juta diperlukan bagi membiayai projek bagi pembinaan sekolah menengah;

(ii) sebanyak RM136 juta diperlukan bagi membiayai pelaksanaan projek bekalan air di sekolah-sekolah luar bandar negeri Sabah dan menaik taraf sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak;

(iii) sebanyak RM100 juta diperlukan bagi membiayai sistem pengkomputeran sekolah; dan

(iv) sebanyak RM50 juta diperlukan bagi membiayai projek sekolah rendah.

Sebanyak RM190.8 juta untuk Maksud P.70, Kementerian Pengajian Tinggi bagi membiayai program berikut:

(i) sebanyak RM83 juta diperlukan bagi membiayai bayaran kemajuan projek Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia;

(ii) sebanyak RM40.9 juta diperlukan bagi membiayai bayaran kemajuan projek pembinaan kolej komuniti;

(iii) sebanyak RM34 juta diperlukan bagi membiayai bayaran kemajuan projek Universiti Malaysia Sarawak; dan

(iv) sebanyak RM32.9 juta diperlukan bagi membiayai kemajuan projek pembinaan politeknik.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM16.6 juta untuk Maksud P.15, Kementerian Luar Negeri bagi membiayai program seperti berikut:

(i) sebanyak RM14.4 juta diperlukan bagi membiayai pembelian, pembinaan serta pengubahsuaian bangunan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura, kediaman rasmi di Vienna, Austria dan kos

tambahan bagi projek pembinaan kompleks kedutaan besar di Beijing, China akibat kejatuhan kadar pertukaran mata wang asing; dan

(ii) sebanyak RM2.2 juta diperlukan bagi membiayai pembelian perabot dan kelengkapan perwakilan di seberang laut;

Sebanyak RM4.3 juta untuk Maksud P.07 - Jabatan Perkhidmatan Awam bagi membiayai projek memodenkan sistem pentadbiran pencen, *Pension Online Workflow Environment* ringkasnya POWER bagi dan pembelian perkakasan dan perisian bagi Bahagian Teknologi Maklumat dan sebanyak RM211,763 untuk Maksud P.48 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bagi menyelaras perbelanjaan projek Pusat Aktiviti Perpaduan dan Pusat Perkembangan Kemahiran *Horticulture* Gambang, Pahang.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua Tahun 2004 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil. 2) Tahun 2004 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 2005 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15A Tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua Tahun 2004 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 2004**

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam aturan urusan mesyuarat yang berbunyi:

> "Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus sembilan puluh tujuh juta sembilan ratus sembilan puluh lapan ribu sembilan ratus tujuh puluh satu ringgit (RM597,998,971) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2004, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2004 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 2005 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut hendaklah disahkan", dan diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.
>
> Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Ipoh Timor.

**11.33 pagi.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, setahun setelah kerajaan berjanji untuk mengakhiri penyakit infrastruktur dunia pertama, *mentality* dunia ketiga, Parlimen masih belum mengambil langkah yang tegas dan jelas demi mentransformasikan dirinya untuk menjadi Parlimen dunia pertama dan memainkan peranan yang bermakna serta sewajarnya sebagai *come out legislative* serta politik tertinggi di negara ini.

Di mana *doctrine* pemisahan kuasa di kalangan *Executive, Legislative* dan Kehakiman difahami, dihormati serta diikuti dengan sepenuhnya. Masalah ini kini

terserlah dari perbahasan hari ini ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005, ialah RM15 billion bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM597 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Adakah Parlimen hanya merupakan *rubber stamp* bagi pihak *Executive,* mengikut sahaja arahan kerajaan dan meluluskan apa yang telah dilakukan dan dibelanjakan oleh kerajaan tahun lepas dan tidak berpeluang untuk menyertai atau mempengaruhi proses membuat keputusan yang sebenarnya.

Semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Kewangan mengumumkan, bahawa kerajaan telah mengenal pasti 26 projek yang bernilai sejumlah RM2.4 billion untuk dilaksanakan secara serta-merta demi menghidupkan kembali sektor pembinaan yang kini terjejas teruk serta memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya.

Kata beliau semua projek yang berkenaan pada asalnya telah dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, tetapi akan diberi perbelanjaan dan dilaksanakan tahun ini juga. Demi memperkasakan semula industri pembinaan yang telah mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 1.9 peratus tahun 2004, dan dijangka akan bertumbuh dengan lebih perlahan lagi tahun ini. Tanpa membincangkan pada masa ini, *merit* ataupun *demerit* usaha penyelamat atau *prime pumping* seperti ini serta kesan yang akan diberikan ke atas usaha *fiscal consolidated* kerajaan. Khasnya atas soal *deficit budget* yang dianggarkan, dihadkan kepada 3.8 peratus KDNK tahun ini, hakikatnya pengumuman dasar ini telah dibuat di luar Parlimen semasa Parlimen tengah mesyuarat jelas merelakan ketidak *relevancy* Parlimen dalam mata *Executive*. Sekiranya *Executive* mengiktiraf peranan yang patut dilakukan oleh Parlimen, maka pengumuman dasar sebegini sepatutnya dibuat dalam Parlimen. Khasnya apabila Parlimen masih bermesyuarat, supaya satu peluang untuk membahas isu-isu berikut diberikan:-

(1) Mengapakah langkah yang begitu luar biasa dan bertentangan kebiasaan diambil, demi melaksanakan usaha *prime pumping* dengan segera memandangkan Rancangan Malaysia Kesembilan hanya akan bermula tahun depan dan Rancangan Malaysia Kesembilan belum lagi dibentangkan di Parlimen untuk diluluskan - dibahaskan pun.

(2) Mengapakah perbelanjaan pembangunan baru berjumlah RM2.4 billion tahun ini, kini dianggap sebagai Rancangan Malaysia Kesembilan dan bukannya sebahagian dari perbelanjaan Rancangan Malaysia Kelapan.

Sama ada ini merupakan *budgeting* yang kreatif demi mengekalkan *settlement few goods* bahawa *deficit budget* tahun ini berjaya dikekalkan pada 3.8 peratus KDNK tahun ini, dan telah diulangi oleh Yang Amat Berhormat bulan lepas - baru-baru ini semasa beliau memberikan ucapan yang memberangsang, yang menyeru mengenai *branding* Malaysia demi menarik lebih ramai pelabur asing kerana Malaysia ada satu cerita - satu *story* yang belum diumumkan, ditunjukkan di dunia luar, atau butir-butir terperinci mengenai 26 projek pembangunan berkenaan dan langkah-langkah untuk menyemak salah guna kuasa, salah urus atau pembaziran tanah serta rasuah.

Kerajaan sepatutnya membentangkan satu kertas putih mengenai perbelanjaan pembangunan baru sejumlah RM2.4 billion di Parlimen sebelum akhir mesyuarat ini yang menjelaskan, mengapakah ianya dianggap sebahagian dari perbelanjaan Rancangan Malaysia Kesembilan dan bukannya Rancangan Malaysia Kelapan dan masa secukupnya juga harus diperuntukkan untuk perbahasan ke atas kertas putih tersebut. Sikap tidak mementingkan Parlimen ini nampaknya telah berakar umbi di kalangan Menteri Kabinet yang sering membuat pengumuman dasar di luar Parlimen sedangkan Parlimen tengah bermesyuarat. Termasuk meramalkan dan menangani pertanyaan yang telah diberikan notis oleh Ahli-ahli Parlimen untuk dibangkitkan di dalam Dewan. Sungguhpun tempat yang sewajarnya untuk berbuat demikian adalah di dalam Parlimen.

Sehubungan ini pertanyaan telah dibangkitkan, mengenai lawatan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Australia dan New Zealand. DAP ingin

mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berjaya memulakan satu lembaran baru atas perhubungan Malaysia-Australia setelah secara dua dekad perhubungan dua hala dengan Australia yang penuh cabaran dan masalah sangat *rocky,* dengan melakukan lawatan Perdana Menteri yang pertama kali sejak 21 tahun.

Sungguhpun Malaysia mesti menjelaskan ketidakpuasan hati kita terhadap wujudnya sebarang *Deputy Sheriff* Amerika Syarikat di rantau ini dan mengutuk *doctrine pre-emptive strike* yang satu pihak dan sombong, semua perbezaan pendapat ini tidak harus menjadi halangan bagi dua negara kita. Menjalin perhubungan ekonomi, pendidikan, sosial dan budaya yang lebih rapat lagi, bagaimana?. Mengapakah lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu yang dikelilingi oleh lebih dari setengah dozen Menteri-menteri Kabinet yang sedia ada diadakan semasa Parlimen bermesyuarat? Sungguhpun Menteri-menteri berkenaan sepatutnya menghadirkan diri di Parlimen untuk melaksanakan tanggungjawab Parlimen mereka dari menjelaskan segala persoalan mengenai prestasi dan tugas kementerian mereka.

Menteri-menteri harus memastikan bahawa lawatan ke luar negeri mereka tidak bercanggah dengan jadual mesyuarat Parlimen melainkan sekiranya ia suatu persidangan antarabangsa yang tidak dapat dielakkan. Tugas utama mereka adalah menghadirkan diri semasa Parlimen bersidang dan menjelaskan mengapa keputusan atau tindakan yang berkaitan dengan kementerian mereka dan saya berharap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memberi arahan yang jelas kepada Menteri-menterinya atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, budaya kementerian yang tersebar luas yang menganggap Parlimen hanya sebagai *rubber stamp* dan enggan mengiktiraf peranan Parlimen yang sewajarnya di dalam proses membuat keputusan boleh dilihat dari kisah panjang atau saga. *Sorry* saga .mengenai pertubuhan Jawatankuasa Pilihan Parlimen tentang dua rang undang-undang air.

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi harus dipuji kerana mengadakan taklimat untuk para Ahli Parlimen mengenai dua rang undang-undang air iaitu Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Nasional. Tetapi taklimat berkenaan tidak begitu

membantu memandangkan kedua-dua rang undang-undang yang berkenaan belum lagi siap. Saya mengalu-alukan jaminan beliau Khamis lepas khasnya bahawa beliau tidak berhasrat untuk memutuskan kedua-dua rang undang-undang air berkenaan dan bahawa beliau menghormati suara Parlimen dan berjanji akan mengemukakan semula cadangan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ke Kabinet esok.

Dalam demokrasi berparlimen di mana doktrin pemisahan kuasa di kalangan eksekutif, legislatif dan kehakiman benar-benar wujud, hanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjanji untuk memulihkan dan menjunjung doktrin pemisahan kuasa semasa memberi ucapan ulung beliau di Parlimen pada 3 November 2003. Menteri di Kabinet secara keseluruhannya bukan sahaja harus menghormati malah harus memberi jalan kepada suara Parlimen. Kalau tidak Parlimen akan diperolok-olokkan dan merosot menjadi *rubber stamp* dan lampiran atau *appendix* pihak eksekutif.

Yang Berhormat Menteri tidak harus hanya menjadi posmen Parlimen untuk mengemukakan semula cadangan kepada Kabinet supaya menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai dua rang undang-undang air tetapi harus bersuara bagi pihak Ahli-Ahli Parlimen dan meyakinkan Kabinet bahawa mengapa adalah wajar dan betul supaya satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen harus ditubuhkan.

Yang Berhormat Menteri berkata pada Khamis lepas bahawa beliau tidak pernah pada masa lalu berjanji untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen kerana apa yang dijanjikannya adalah membawa permintaan para Ahli Parlimen ini ke Kabinet. Secara implisit dalam janjinya ini adalah bahawa beliau tidak akan secara senyap-senyap menentang di Kabinet cadangan para Ahli Parlimen untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen. Jika tidak, janji yang dibuatnya itu menjadi langsung tidak bermakna sekiranya beliau secara senyap melobi menentang cadangan yang berkenaan dan menidakkan sikap beliau yang memainkan sentimen para Ahli Parlimen Barisan Nasional serta pembangkang atau *trifle* dengan Ahli-Ahli Parlimen.

Saya pasti bahawa sekiranya Yang Berhormat Menteri yang menyampaikan pandangan dan pendirian sah para Ahli Parlimen di mesyuarat Kabinet yang awal lagi, Kabinet tidak akan veto menafikan penubuhan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berkenaan. Sekiranya Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab

terhadap portfolio air menyokong kes Ahli-Ahli Parlimen di Kabinet dalam isu penubuhan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, tidak akan siapa pun yang saya percaya bahawa lain-lain Menteri yang tidak terlibat dengan isu air yang ada alasan untuk menentang cadangan berkenaan.

Sekiranya Yang Berhormat Menteri hanya membangkitkan isu permintaan Ahli-Ahli Parlimen untuk penubuhan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen di Kabinet tetapi menyuarakan pendapat menentang cadangan berkenaan sebagai Menteri yang bertanggungjawab, maka Menteri ini tidak jujur dan ikhlas dan bersalah kerana memain-mainkan sentimen ataupun *trifle* dengan para Ahli Parlimen.

Sehubungan dengan ini, saya menyeru supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan mana satu Menteri yang telah berbohong mengenai keputusan Kabinet pada 19 Januari untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang dua rang undang-undang air. Selepas taklimat Khamis lepas, Yang Berhormat Menteri memberitahu pihak media bahawa Kabinet tidak pernah bersetuju dalam mesyuarat pada 19 Januari untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang dua rang undang-undang air.

Izinkan saya memetik dari The Sun, 15 April iaitu laporan yang bertajuk dengan izin, "Persistence MP's get their way with Keng Yaik yang berbunyi, "*Lim* – Yang Berhormat Menteri said, *when the Parliamentary Select Committee was muted during the seating to a mend the Federal Constitution, it was submitted to the Cabinet. Although it was discussed, the Cabinet however did not decide on it. Lim said, terrifying report said that the Cabinet had agreed to the position of the body. He said to the Cabinet then discussed the matter in March and decided to formation of such a body with delay the establishment of the Water Regulatory Body and The Water Asset Holding Company".*

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah secara langsung bertentangan dan bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat bagi Padang Rengas di Parlimen semasa menyentuh isu ini pada 12 April dalam penggulungan perbahasan Titah Ucapan Diraja. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengesahkan bahawa berikutan dengan tekanan daripada para Ahli Parlimen dari

kedua-dua pihak; kerajaan dan pembangkang dalam Mesyuarat Parlimen Khas pada 17 dan 18 Januari lepas yang membincangkan mengenai Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan 2004 mengenai Persekutuan dan Penswastaan Air. Yang Berhormat Menteri Air, Tenaga dan Komunikasi telah membangkitkan di Kabinet pada keesokan harinya iaitu 19 Januari 2005, cadangan Parlimen dan seterusnya mendapat persetujuan Kabinet untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai dua rang undang-undang air iaitu Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Nasional.

Keputusan Kabinet meluluskan penubuhan sesuatu Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai rang undang-undang air berkenaan telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri selepas mesyuarat Kabinet pada hari yang sama dan beliau berkata bahawa Jawatankuasa Pilihan Parlimen berkenaan akan diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi dan akan mengandungi enam Ahli-Ahli Parlimen; dua akan diwakili oleh pembangkang – satu dari DAP dan satu lagi daripada PAS. Beliau juga berkata bahawa Jawatankuasa Pilihan berkenaan akan mengambil masa tiga hingga enam bulan mendapatkan reaksi orang ramai dan membentangkan laporan di Parlimen supaya dua rang undang-undang air berkenaan dapat diluluskan pada hujung tahun ini.

Sekiranya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata benar, maka Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi perlulah menjelaskan mengapakah tanpa pengetahuan orang ramai ataupun perundingan Parlimen, beliau kembali ke Kabinet dua bulan kemudian; pada 16 Mac dan mendapatkan persetujuan Kabinet untuk menarik balik keputusan pada 19 Januari mengenai penubuhan Jawatankuasa Pilihan Parlimen berkenaan.

Apabila saya bertanya apakah sebab Kabinet menarik balik keputusan yang dibuat pada 19 Januari untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen itu, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mendakwa bahawa ini adalah untuk memenuhi kemahuan Baginda yang disuarakan di Titah Ucapan Diraja kepada Parlimen supaya perkara ini boleh diselesaikan pada akhir tahun ini.

Ini merupakan satu alasan yang sungguh lemah sekali atas dua sebab. Yang pertama, Titah Ucapan Diraja dibaca pada pembukaan rasmi Parlimen pada 21 Mac

2005, lima hari selepas Kabinet mengambil keputusan pada 16 Mac untuk menarik balik keputusannya atau membatalkan keputusannya yang dibuat pada 19 Januari mengenai penubuhan serta Jawatankuasa Pilihan Parlimen atas Persekutuan dan Penswastaan Air.

Keduanya, adalah sungguh tidak bertanggungjawab bagi seorang menteri kabinet untuk cuba melibatkan Yang di-Pertuan Agong dalam kontroversi awam ini kerana Titah Ucapan Diraja sebenarnya adalah pengisytiharan dasar kerajaan masa kini dan sebarang perubahan atau kritikan terhadap Titah Ucapan Diraja sebenarnya tidak menuju kes ke arah Yang di-Pertuan Agong tetapi merupakan reaksi sah dan demokratik terhadap dasar dan pendirian kerajaan.

Apabila kerajaan perlu melibatkan Yang di-Pertuan Agong dalam sebarang kontroversi, sesuatu tindakan yang sungguh tidak wajar dan tidak menghormati Sistem Raja Berperlembagaan demi menjustifikasikan talam dua muka seorang menteri atau kabinet atas isu atau soal dasar, ianya hanya akan menyerlahkan kelemahan alasan kerajaan misalnya dalam menarik balik keputusan awalnya untuk menubuhkan satu jawatankuasa pilihan Parlimen.

Apa yang penting di sini bagaimanapun adalah bahawa Yang Berhormat Menteri di-Jabatan Perdana Menteri telah mengakui di Parlimen bahawa kabinet telah menarik balik keputusan pada 19 Januari untuk menubuhkan satu jawatankuasa pilihan Parlimen yang seterusnya dinafikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi. Adakah kedua-dua mereka dari kabinet yang sama, dengan mendakwa bahawa kabinet tidak pernah bersetuju dalam mesyuaratnya pada 9 Januari untuk menubuhkan satu jawatankuasa pilihan Parlimen.

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi telah secara terbuka bercanggah dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Salah satu dari mereka ini telah berbohong. Semua kertas kabinet berkaitan dengan mesyuarat kabinet pada 19 Januari dan 26 Mac haruslah dikemukakan kepada para Ahli Parlimen supaya Parlimen dapat mengetahui siapa yang bercakap benar. Dan sekiranya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sengaja menipu atau memesongkan Parlimen, beliau harus dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan Parlimen supaya tindakan sewajarnya diambil terhadap beliau.

Bagaimanapun, kabinet yang akan bermesyuarat pada esok haruslah menyelesaikan kekeliruan yang timbul ini dan mengambil keputusan yang jelas mengikut kehendak para ahli-ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang supaya tubuhkan satu jawatankuasa pilihan Parlimen mengenai dua Rang Undang-undang Air berkenaan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi mengenai perlunya diadakan rangka kerja penguat kuasa terhadap industri air di negara secepat mungkin. Tetapi ini bukanlah alasan untuk mempercepatkan proses meluluskan dua perundangan berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi sendiri mengakui bahawa beliau dijangka akan membentangkan dua Rang Undang-undang Air untuk mendapatkan kelulusan kabinet esok tetapi kini beliau tidak dapat berbuat demikian, sungguhpun dalam masa seminggu lagi kerana hanya versi bahasa Inggeris sahaja yang akan siap. Pentingnya mengadakan perundangan dan rangka kerja penguat kuasa air kebangsaan tidak harus dijadikan alasan untuk melanggari salah satu prinsip paling penting dalam merangka dan meluluskan dasar dan undang-undang air kebangsaan, iaitu penglibatan semua pihak yang terlibat serta semua sektor masyarakat demi mencapai *consensus* mengenai wawasan kebangsaan mengenai air dari pilihan-pilihan *(option-option)* dasar yang paling menyeluruh.

Sebagai contohnya Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi mendakwa bahawa NGO menyokong dua Rang Undang-undang Air ini tetapi maklumat saya yang saya dapati pula berbeza kerana kesatuan-kesatuan pekerja seperti MTUC dan khasnya *coalition* menentang penswastaan air yang lebih terdiri daripada 30 kumpulan masyarakat madani telah diketepikan dalam seluruh proses perundingan yang berkenaan. Semasa Parlimen bersidang dalam bulan Januari lepas, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi berkata dalam perbahasan pada masa itu bahawa beliau tidak faham apa yang dimaksudkan oleh pakar air Malaysia *Charles Santiago* semasa beliau menyokong konsep *Public-public Partnerships* atau PUP sebagai alternatif penswastaan air atau *Public Private Partnerships* (PPP), sesiapa sahaja yang menaip perkataan-perkataan *water* dan *Public-public Partnerships* di *Google internet* akan diberikan sebanyak 8,710 fail, begitu banyak dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat mengenai konsep serta amalan PUP serta definisi PUP sebagai perkongsian

di mana sektor awam atau kerajaan berkontrak dengan satu lagi sektor awam atau badan berkanun, contohnya satu lembaga air untuk membekalkan perkhidmatan.

Perkara ini menyerlahkan perlunya satu proses perundingan awam yang lebih ekstensif dan bermakna yang melibatkan semua *stakeholder* termasuk Ahli-ahli Parlimen dan pengguna-pengguna sebelum dua rang undang-undang berkenaan diluluskan kerana kesannya adalah meluas dan menjejaskan generasi masa depan negara ini. Sungguh pun dua Rang Undang-undang Air berkenaan masih belum siap untuk dibentangkan di Parlimen sehingga mesyuarat Jun, ini bukan salah Ahli-ahli Parlimen. Satu jawatankuasa pilihan Parlimen mengenai dasar dan perundangan air harus ditubuhkan sebelum akhir mesyuarat Parlimen kali ini pada 28 April supaya para Ahli Parlimen dapat memulakan kerja dengan segera tanpa berlengah-lengah atau dua rang undang-undang berkenaan serta Dasar Air Nasional pada keseluruhannya.

Jawatankuasa Pilihan Parlimen tersebut harus dibenarkan mengadakan proses perundingan yang bermakna dan membentuk perspektif Parlimen yang tidak seharusnya merupakan dengan perspektif eksekutif mengenai *federalization* dan penswastaan air, dan ini adalah ..............

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, banyak lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, sikit, sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh cuba ringkaskan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, ini bahagian habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan tidak seharusnya sehubungan dengan perspektif kerajaan mengenai Persekutuan dan penswastaan air dan ini adalah alasan yang kukuh supaya jawatankuasa pilihan Parlimen ini tidak harus diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi atau oleh Timbalan Menterinya tetapi oleh seorang Ahli Parlimen Kanan supaya kementerian berkenaan tidak kelihatan mengenakan pengaruh yang tidak wajar dan tidak patut ke atas pertimbangan dan keputusan jawatankuasa pihak Parlimen berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada bertanya dalam tempoh masa Pertanyaan Lisan sama ada wujudnya sebarang konspirasi media terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memandangkan timbulnya banyak laporan yang melahirkan perasaan kesal terhadap kegagalan beliau untuk melaksanakan apa yang dijanjikan termasuk melancarkan Kempen Pembersihan Toleransi Sifar Terhadap Rasuah sungguhpun sepanjang tahun yang lepas atau lebih lama lagi beliau pernah dipuji oleh media antarabangsa.

Setahun yang lepas Yang Amat Berhormat boleh dikatakan “darling” media antarabangsa yang tidak akan buat apa-apa kesilapan. Hari ini kedudukan beliau menghadapi risiko merosot di pusara di mana beliau sukar melakukan sesuatu dengan betul. Ini merupakan laporan *Singapore Straits Times* yang dilaporkan di bawah tajuk *‘Successor in good form’*, dengan izin, “Abdullah *off to flying start but many challenges await new PM"* pada 29 Disember 2003 yang ringkasnya*, ‘A few months ago* Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi *look like a Prime Minister in waiting with some serious questions marks, he was too indecisive, he was too nice towards a pushover. Today he looks like the Prime Minister with everything.”* 17 bulan selepas Yang Amat Berhormat menjadi Perdana Menteri, persepsi media antarabangsa telah berubah.

*International Herald Tribune* dalam laporan pada 29 Mac 2005 yang bertajuk *“Leader Underwhelm* Malaysians” yang ditulis oleh Thomas Fuller berkata “Setahun yang lepas Perdana Menteri menikmati kejayaan pilihan raya yang memberikan 90% kerusi Parlimen kepada kerajaannya tetapi hari ini,” dengan izin *“with little to show for his promises to fight corruption, Malaysians are showing signs of impatience”* dan *Financial Times London* pada 12 April 2005 di bawah tajuk dengan izin*, “Mission Impossible to Stop the Rot in* Malaysia” memaparkan laporan yang lebih menjejaskan dari, ianya bermula dengan berikut, dengan izin:

*“We should have guessed when we drove to interview with the amiable Abdullah Badawi last year, that he was going to have a tough job as Prime Minister of Malaysia. This was not because of anything, it is said, “On the contrary, he is said to be about to cut the budget deficit and tackle corruption. The clues to Mr. Abdullah’s present difficulty were lounging on the roadside between the airport and his home. A gang of policemen in broad daylight was extorting sums of RM20 from passing taxi drivers*

*including ours on pain of prosecution for trumped-up traffic offenses. Petty bribe-taking is just a visible part of a scourge that includes dubious land deals and multi-million dollar pay-offs for government construction contracts. It is a small African dictatorship. Such corruption might be shut off as normal. In Malaysia a successful South-East Asian electronics exporter tourist destination and constitutional monarchy with ambitions to be an advanced economy by 2020, it is embarrassing and Incongruous."*

Tuan Yang di-Pertua, lebih memalukan dan serius lagi adalah di akhir laporan berkenaan adalah satu petikan kenyataan rakan rapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berkata bahawa beliau merasa sungguh kecewa kerana beliau telah berhenti menentang gejala rasuah setelah melaung-laungkan mengenainya pada peringkat awal dan sungguhpun Perdana Menteri ini penuh dengan janji-janji tidak banyak yang dilakukan. Tidak wujud apa-apa sistem tender terbuka, *competitive* untuk projek-projek kerajaan.

Yang paling merosakkan bukannya tulisan-tulisan wartawan asing tetapi kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin in the *International Herald Tribune* di bawah tajuk *leader of all* Malaysians, iaitu, dengan izin, satu perenggan *"as for criticisms that the government is not pushing hard enough against corruption". Jamaluddin said "Abdullah decided after the election not to dig up the past, we decided not to focus on retroactive actions", he said, "but other look forward"*.

Sungguhpun Khairy telah menjelaskan bahawa beliau tidak pernah menggunakan perkataan *immunity* apa yang penting daripada kenyataan beliau adalah amat jelas bahawa setelah mendapatkan kejayaan besar dari Pilihanraya 2004 Mac lepas, Yang Amat Berhormat telah mengambil keputusan untuk memberikan kekebalan kepada semua kes rasuah lama yang melibatkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dengan tidak *dig up the past* dan hanya akan menangani kes-kes rasuah yang baru.

Adalah penting bahawa sungguhpun beliau mendakwa bahawa tidak pernah menggunakan perkataan *immunity,* beliau tidak pula menafikan kebenaran kritikan yang sedemikian. Apabila saya ada mendesakkan Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri dalam perkara ini, beliau ada berulang kali menafikan bahawa kerajaan ada satu dasar memberi *immunity* kepada kes-kes korupsi yang lama kepada kes-kes

korupsi yang melibatkan orang-orang tertinggi. Kalau begitu, adakah bermakna bahawa Khairy adalah seorang pembohong dan dengan sengaja mengeluarkan satu laporan palsu. Kalau begitu macam Malaysiakini, adakah kamar Anthony General sedang siasat untuk ambil tindakan ini.

Tapi kita tahu sungguhpun Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri seorang Ahli Jemaah Menteri bahawa Khairy Jamaluddin bukan orang yang biasa. Kita tahu bahawa hubungan beliau bukan sahaja sebagai Timbalan Ketua Pemuda UMNO tetapi *son in law* Perdana Menteri seorang *the disease* yang terkunci dalam *inner circle* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan adalah maklumat dan boleh kata ada, *influence,* yang lebih ramai daripada Ahli-ahli Menteri di Kabinet. Sebab itulah perkara ini boleh dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Tidak ada sesiapa dalam Kabinet boleh menjelaskan perkara ini, sama ada apa yang dikatakan oleh Khairy Jamaluddin dalam *International Herald Tribune* bahawa dasar baru tidak akan *dig of the past* barulah akan ambil tindakan terhadap kes-kes yang baru sahaja, benar atau tidak benar.

Saya rasa sangat kesal kerana sehingga sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tidak menggunakan peluang yang ada untuk datang ke Dewan yang mulia ini, untuk menjelaskan perkara ini, khasnya apabila ada persepsi yang begitu berleluasa sama ada dalam negara atau bidang antarabangsa mengenai bahawa kempen antirasuah sudah hilang, *lose steam*. Ini adalah apa yang kita perlu hadapi iaitu satu kenyataan Parlimen, negara, kerajaan bahawa tidak ada satu konspirasi dalam media antarabangsa terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi ini membayangkan satu persepsi yang begitu dalam, yang begitu meluas, yang begitu tulen.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, boleh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar hujah-hujah daripada Ketua Pembangkang. Semua tuduhan-tuduhan ini dibuat secara sewenang-wenangnya. Saya berharap tuduhan-tuduhan seperti ini diberhentikanlah. Kadang-kadang ia merupakan lebih banyak fitnah, pembohongan

yang boleh menyebabkan pihak luar memandang buruk kepada negara kita, pemimpin kita dan kerajaan kita.

Jadi, saya haraplah tukar tajuk lainlah. Khairy, you kata dikatakan sebagai contoh *inhering* BN, ini tuduhan. Seolah-olah Khairy lebih tahu daripada Kabinet. ini satu tuduhan. *[Disampuk]* Yalah, betul dia anak menantu, tetapi kalau kita katakan bahawa dia campur dalam pentadbiran, seolah-olah Perdana Menteri bergantung kepada anak menantu dan ini tuduhan yang liar, yang tidak dapat kita terima kerana tidak ada asas-asasnya. Tidak akan menjadi salah seorang menantu kepada mana-mana orang, kalau ada menantu kepada anak orang, menantu itu yang menyebabkan orang itu begitu, begini, ini tuduhan. Walaupun dia memang menantu dan rapat dengan Perdana Menteri, mungkin dalam pentadbiran negara dia tidak campur. Tetapi kita lihat seolah-olah dia campur dan......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak, saya hendak menjelaskan supaya tuduhan-tuduhan liar seperti itu dapat diberhentikan kerana ini tidak menguntungkan sesiapa. Perdana Menteri jelas mengatakan bahawa rasuah menjadi salah satu agenda.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .....untuk diperangi. Perdana Menteri jelas.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .....dan tindakan-tindakan telah pun diambil. Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan tentang rasuah, bukan mudah untuk ambil tindakan kepada orang yang dituduh itu. Apabila dituduh tidak semestinya dia salah, masih dituduh. Tetapi pihak pembangkang kata apabila dituduh, sudah jadi salah. Ini undang-undang rimba.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudahlah Yang Berhormat. Cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Siapa cukup, Tuan Yang di-Pertua? Pembangkang cukuplah, Tuan Yang di-Pertua tahanlah dia bercakap, janganlah dia bercakap benda yang merapu tidak tentu pasal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hanya dapat menjalankan tugas saya mengikut Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya pun mengikut Peraturan Mesyuarat. Saya patuh kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memanglah, saya akan.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okay! Tetapi Ketua Pembangkang pun kena patuh kepada Tuan Yang di-Pertua jugalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Berapa panjang dia bercakap itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya lepas ini hendak bercakap juga. Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi Ketua Pembangkang bercakap satu jam, saya pun hendak satu jam juga, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, jangan tahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, duduklah. Saya akan membuat keputusan nantilah. Sama ada lima atau sepuluh minit, saya akan buat keputusan nantilah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak tahu apa itu bohong Yang Berhormat bagi Sri Gading sebut. Apa itu yang saya kata bohong? Saya tidak cakap apa-apa yang bohong. Kalau ada bohong, Yang Berhormat bagi Sri Gading sendiri cakap. Apa yang saya kata adalah semua benar. Tidak ada penafian mengenai kenyataan ini bahawa *we decided not to focus on retroactive actions, not to dig up the past but rather to look forward.* Adakah penafian? Ini tidak dinafikan. Siapa boleh kata ini bohong?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tahu bahawa Yang Berhormat bagi Sri Gading mahu menjadi pembela kerajaan tetapi jangan menjadi pembela kerajaan termasuk terhadap *cover up corruptcy*. Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya perlu jaga masa. Jadi, Yang Berhormat juga boleh bantu sayalah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya ingat masa kita terlampau panjang. Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya melihat kenyataan Yang Berhormat tidak konsisten di mana sebagai pengamal undang-undang, Yang Berhormat faham apabila tidak ada penafian tidak bermakna manusia itu salah.

Jadi, adalah bagi pandangan kerajaan tidak perlu untuk membuat penafian perkara-perkara atau tuduhan-tuduhan *hearsay,* iaitu pendengaran percakapan daripada luaran. Tidak perlu. Saya rasa Yang Berhormat terikut-ikut dengan situasi semasa cerita daripada luar. Apa yang perlu dinafikan? Boleh tanya kepada Yang Berhormat bagi Kota Bharu, kita punya peguam yang terkemuka di Malaysia. Tidak bermakna tiada penafian dia berlaku salah. Tengok, dia angguk dia setuju. Jadi, Yang Berhormat Ketua Pembangkang berhati-hatilah dalam mengeluarkan kenyataan. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya memang konsisten. Saya memang konsisten. Yang tidak konsisten ialah Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Di sini kenyataan yang dibuat oleh Khairy Jamaluddin, dia ada buat penafian. Apa penafian yang dibuat ialah bahawa dia kata dia tidak pernah menggunakan perkataan *immunity*, itu benar saya setuju. Dia tidak pernah kata ada *immunity* diberikan tetapi dia tidak nafi kenyataan dibuat bahawa satu keputusan dibuat selepas *election* jangan *dig up the past*, jangan *focus retroactive actions, look forward*. Betul dia kata, tidak ada menggunakan perkataan *immunity* tetapi ini maknanya, apabila kita *dig up the past* ialah semua kes-kes korupsi lama tidak akan disiasat atau didakwakan. Ertinya ialah immunity diberikan sungguhpun dia tidak pernah menggunakan perkataan immunity, itulah. Ada setuju? Ada setuju? Mengenai Kota Bharu saya tidak tahulah apa dia, akui atau tidak akui saya tidak tahu mungkin dia sendiri, mana boleh selesai!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mana boleh, mana boleh setujulah!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]* Boleh satu lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Yang Berhormat, negara kita ini adalah negara berperlembagaan. Kita mempunyai pendakwa raya, mempunyai hakim-hakim, memang ada tuduhan ataupun mungkin persepsi daripada masyarakat tetapi Peguam Negara telah menyatakan kepada kerajaan bahawa tidak ada kes untuk didakwa. Bagaimana kita mahu mendakwa seseorang kalau tidak ada kes mahu didakwa. Jadi Yang Berhormat jangan mahu menghukum seseorang yang belum didakwa, kita semua menerima pakai peraturan dan perlembagaan. Yang Berhormat adalah seorang peguam yang terkenal jadi jangan membuat andaian yang merapu dan memungkinkan seseorang tidak bersalah mahu dihukum salah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat hendak benarkan Yang Berhormat Ipoh Timor berucap selepas satu jam kalau tidak tolonglah jangan minta banyak lagilah.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ipoh Timor kalau boleh, lekaskan sebab ramai yang akan berucap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, ya boleh, ya saya tahu. Nampaknya Yang Berhormat dari Kinabatangan tahu, mungkin menteri-menteri pun tidak tahu. Nampaknya dia tahu bahawa Peguam Negara sudah beritahu kepada kerajaan tidak ada kes lah. Bagaimana dia tahu? Adakah Peguam Negara …..

**Puan Chong Eng:** Menyampaikan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Menyampaikan maklumat rahsia ini kepada Yang Berhormat Kinabatangan bahawa tidak ada kes, semua ikan-ikan yu di negara ini semua tidak berdosa, adakah secret information, saya percaya inilah presumption. Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Kinabatangan rela mempertahankan keadaan korupsi di negara ini tanpa apa-apa keadaan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Minta lagi satu boleh?

**Tuan Lim Kit Siang:** Okey, okey *[Ketawa]* silakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tidak ada pemimpin dan tidak ada wakil rakyat yang mempertahankan korupsi sebab korupsi ini bukan sahaja penyakit bahawa

ia adalah musuh negara termasuk keluarga kita kalau didapati melakukan unsur-unsur rasuah kita akan minta diambilkan tindakan tetapi perkara yang tidak ada penjelasan yang cuma dibuat tuduhan tetapi tidak dapat dibuktikan. Kalau dibuat di mahkamah pun tidak akan mendapat kemenangan Yang Berhormat faham semua ini tetapi Yang Berhormat jadikan ini isu politik, isu remeh-temeh.

Yang Berhormat faham apabila didakwa pun kalau tidak ada bukti menunjukkan dia melakukan kesalahan, kerajaan akan gagal. Jadi bagaimana apa Yang Berhormat mahu, kita mahu Yang Berhormat cadangkan kepada kerajaan hari ini apa tindakan-tindakan yang boleh diambil untuk memastikan mereka ini tidak terlepas, itu yang kita mahu dengar Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, terima kasih. Mengapa Yang Berhormat tahu bahawa tidak ada bukti? Siapa kata kepada Yang Berhormat Kinabatangan bahawa tidak ada bukti, siapa yang beritahu tidak ada bukti? Saya sangat gembira apabila kali pertama, seorang ahli parlimen Barisan Nasional khasnya Yang Berhormat Kinabatangan berkata mereka pun menentang rasuah tetapi dalam Dewan yang mulia ini untuk lebih daripada 30 tahun saya tidak pernah dengar seorang ahli parlimen Barisan Nasional berdiri untuk mengutuk rasuah, tidak ada. Semua daripada pihak pembangkang, kenapa? Kenapa? *[Dewan menjadi riuh seketika]* Korupsi negara Malaysia dalam *Transparency International Perception Index* sudah jatuh daripada tempat 23 di tahun...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]* Saya rasa Ipoh Timor, kerajaan kita menentang rasuah ......... kepada Barisan Nasional?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Nanti, nanti, nanti saya akan beri. Kedudukan korupsi Malaysia sudah jatuh daripada tangga 23 tahun 1995 kepada 39 dalam berapa tahun untuk 9 tahun, 10 tahun. Dalam 10 tahun ini kita tidak pernah dengar termasuk Yang Berhormat Kinabatangan berdiri dan kata kita perlu membersihkan pentadbiran, kita punya gambaran di dunia adalah sangat corrupt sebab tempat 23 jatuh 32, 35, 37…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ipoh Timor, Yang Berhormat......saya fikir cukuplah!

**Tuan Lim Kit Siang:** 39, nanti, nanti!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mana? Tidak pernah dengar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hey, diamlah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai apa cara untuk boleh melaksanakan satu kempen menjayakan satu kempen sangat senang, pergi rumah ke rumah semua orang-orang besar. Bandingkan dengan kekayaan mereka dengan pendapatan sebenar mereka, sepatutnya mereka saya tidak tahulah, mereka yang ada rumah yang besar-besar, berjuta-juta ringgit, kereta satu dozen mungkin berjuta-juta ringgit yang tidak boleh dijelaskan daripada punca-punca yang sah, itulah korupsi…..

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Minta penjelasan, last!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Adakah rela ACA ambil tindakan, adakah kerajaan rela mengadakan undang-undang yang ketat semacam ada di Hong Kong, itukah? Adakah Yang Berhormat Kinabatangan rela berdiri bersama-sama kita di sini untuk tukar Rang Undang-Undang…

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya berdiri ini, sekarang saya berdiri sama-sama…

**Tuan Lim Kit Siang:** Berdiri? Berdiri untuk menentang, menentang apa yang…..*[Dewan menjadi riuh seketika dengan sorakan]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Dengar dahulu, dengar dahulu!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ipoh timor, Kinabatangan, cukuplah, cukuplah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh?

**Tuan Lim Kit Siang:** Okeylah, terakhirlah!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Yang Berhormat cuba baca Hansard dan ungkapan ucapan saya….

**Tuan Lim Kit Siang:** Haiya! *[Ketawa]* Okey, tunjukkan, tunjukkan apa yang boleh saya baca tunjuk!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya telah meminta kerajaan menyiasat pegawai-pegawai kerajaan daripada Petronas, daripada Felda, daripada mana-mana…

**Beberapa ahli:** Eh mana ada? *[Menyampuk dan bersorak]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sebab mereka saya tahu, pegawai-pegawai kerajaan ataupun eksekutif-eksekutif syarikat swasta, gaji mereka lebih kurang RM7,000 hingga RM8,000 tetapi rumah berjuta-juta. Saya minta kerajaan menyiasat. Justeru itu pendirian saya jelas, kita menentang korupsi, kita menentang rasuah tetapi Yang Berhormat mungkin tidak mengikuti.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Batu Gajah, berdirilah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Habis ya, habis ya, okey!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Belum habis, Yang Berhormat belum membenarkan….

**Tuan Lim Kit Siang:** Cukuplah, cukuplah, cukup….

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kita menentang rasuah dan kita mahu minta kerajaan saya mahu Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan apa langkah-langkah yang perlu diambil untuk membantu kerajaan menangani isu rasuah sebab rasuah ini berlaku di mana-mana, di negara Amerika pun banyak rasuah, dia punya presiden pun ada rasuah, dalam dewan ini pun ada rasuah, dalam DAP pun ada rasuah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]*

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Hey, pergilah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Inilah, kelakuan yang tidak bertanggungjawab kalau kerajaan sebenar-benarnya mahu membanteras rasuah saya percaya bukan 18 orang di dakwa di mahkamah, 180 pun ada. Mungkin kita perlu satu mahkamah khas untuk rasuah, *special court* untuk rasuah tetapi tidak ada political will kita tahu dan Yang Berhormat pun tahu dan tidak menggunakannya dan itu mungkin kenapa ada reaksi yang begitu panik apabila Malaysia Kini adalah satu April Fool *prank*, 3 minit sahaja bahawa 3 Menteri, seorang Menteri Besar akan ditangkap dan didakwa kepada mahkamah dan kalau kita ada satu Kabinet dengan izin squeaky clean, setiap ahli menteri mereka berikan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua…

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh, boleh anggap ini sebagai satu joke.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat Ketua Pembangkang cukuplah!

**Dr. Mohd Hayati bin Othman:** *[Bangun dan menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun dan menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya laluanlah, beri saya laluan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti, saya beri….

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ipoh Timor, Ipoh beri saya laluan, sedikitlah, sedikitlah…..

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya sedikit, sedikit, okey.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timor ini Ketua Pembangkang ahli politik yang bijak. Dia bijak Tuan Yang di-Pertua, dia bijak berputar-belit, ahli politik terkenal memang itu kita salute dia punya putar belit, dia pandai…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau kata dia begitu, tidak payah minta penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dia tahu Tuan Yang di-Pertua, dia tahu ahli parlimen Barisan Nasional pun menentang rasuah, dia tahu bukan dia tidak tahu, dia pun menentang rasuah, kita pun menentang rasuah satu tujuan, dia pun tahu. Tetapi seperti lazimnya Tuan Yang di-Pertua, DAP apa modal mahu dia cakap? Apa modal DAP mahu bercakap, tuduh rasuahlah, tuduhan rasuah benda yang subjektiflah Tuan Yang di-Pertua yang samar, yang gelap-gelap, tetapi tuduhan rasuah ini Tuan Yang di-Pertua satu topik yang paling sedap DAP boleh tuduh Barisan Nasional main rasuah. Itulah cara dia hendak ambil perhatian rakyat, itu cara dia hendak politik Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ipoh Timor yang bijaksana tentang hendak memutar belitkan fakta, itu dia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang paling pandai berputar belit ialah daripada Sri Gading sendirilah tetapi perkara korupsi, rasuah lebih daripada satu parti.

**Dr. Mohd Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Pendang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti, nanti. Ini satu perkara demi kepentingan negara, kita jangan main-main dalam perkara ini oleh kerana kita perlu serius. Kalau kita serius, kenapa tidak ada suara lantang dalam dewan ini, daripada pihak Barisan Nasional mengenai kedudukan rasuah khasnya *transparency international corruption perspective index* 10 tahun ini. Tiada suatu suara!

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, okey Pendang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Belum, belum.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih Ketua Pembangkang dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Sekejaplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz**: *[Menyampuk]*

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Saya hendak mendapat penjelasan daripada Ketua Pembangkang. Semasa Perdana Menteri mula-mula menjadi Perdana Menteri , beliau mengatakan beliau ingin membanteras rasuah tetapi baru-baru ini dalam satu ucapan dia, dia mengatakan dia hendak mencegah rasuah. Maknanya mungkin yang membanteras itu sudah habis, sekarang hendak mencegah. Maknanya, perkara-perkara yang akan datang pula. Itu yang pertama. Yang keduanya.......

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pendang ini, dia tidak bolehkah membezakan cegah dengan.........

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.......

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ......samalah itu dia. Maksud dia, orang Melayu Tuan yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap di atas yang mana satu Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz**: Ini pun satu juga, putar belit PAS ini.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Ini, ini *floor* saya ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yalah, yalah. Saya .... mencegah dengan membanteras, samalah Tuan Yang di-Pertua.. Apa benda? *Lailahaillallahlah*, *astaghfirullahalazim*.....

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Satu lagi Tuan Yang di-Pertua.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ....apa ente ya Allah, ente kan parti Islam, tidak bolehlah putar-putar.

**Puan Chong Eng**: Cukuplah, cukuplah.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Satu lagi saya hendak tanya, minta penjelasan daripada Ketua Pembangkang ialah tentang wujudnya lima orang di antara tahanan-tahanan ISA ini disebabkan oleh mereka ini buat wang palsu. Jadi, kenapakah mereka ini tidak didakwa di mahkamah dan mencungkil bukti-bukti kenapakah perkara-perkara wang palsu ini terdapat di dalam negara kita. Mungkin di belakang itu ada perkara-perkara yang mempunyai unsur-unsur rasuah. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Sebenarnya tadi saya ada......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, bolehkah Yang Berhormat selesaikan sebelum 12.30?

**Tuan Lim Kit Siang:** Cubalah sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan cubalah. Saya buat keputusanlah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Give and take*lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya fikir ramai akan berucaplah. Bolehlah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okey, *give and take*lah. Sebab itu, kita tahulah. Saya ada sebut mengenai *international media*. Saya tidak sebut mengenai persepsi rakyat Malaysia. Oleh kerana dalam Malaysia pun, ini persepsi tetapi kita boleh lihat, baca dalam surat khabar tempatan oleh kerana semua di*control*. Sebab itu, kita mahu Yang Amat Berhormat datang ke Dewan yang mulia ini untuk memberikan penjelasan bagaimana untuk menghidupkan (*resuscitate)* kempen ini, bukan sahaja untuk mencegah tetapi untuk membanteras rasuah.

Sebab itu, saya ada tanya Yang Berhormat Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri, sama ada kerajaan bersetuju untuk mengadakan ACA, BPR sebagai satu agensi yang bebas, yang bertanggungjawab kepada Parlimen sahaja melalui satu *Parliamentary Select Committee* mengenai keutuhan *national integrity* terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen, separuh Barisan Nasional, kerajaan, separuh pembangkang sebagai satu mekanisme untuk membanteras rasuah. Ini penting oleh kerana kalau tidak, masalah keyakinan terhadap ACA akan timbul......

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, okey.

**Puan Chong Eng:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Rasanya pihak di sana, *backbenchers* mereka tidak setuju apabila Yang Berhormat bagi Ipoh Timor memanggil bahawa Dewan ini sebagai "*rubber stamp"* dan sebagai satu "*talk shop"*. Bolehkah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur jelaskan, apakah sebenarnya, bagaimana Ahli Parlimen sama ada di sebelah sini atau sana boleh sama-sama menjadikan Dewan ini lebih unggul dan lebih mulia dan dihormati oleh rakyat. Sekarang seolah-olahnya rakyat tidak percaya bahawa Dewan ini atau Parlimen boleh melaksanakan kerjanya untuk *check and balance the government*. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Ipoh Timur?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya percaya sebenarnya Yang Berhormat Barisan Nasional pun tahulah, apa mereka patut buat untuk meyakinkan rakyat ialah mereka berani berdiri menyuarakan hasrat rakyat. Sekarang tidak ada menyuarakan hasrat rakyat. Perbahasan ialah mempertahankan kepentingan sendiri sahaja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi dengan lima minit, sesuatu perkara yang saya mahu bangkit ialah oleh kerana keutuhan, keyakinan orang ramai terhadap ACA, selalu menjadi persoalan. Pada 1 Mei 2003, semua surat khabar termasuk Utusan Malaysia ada memberi liputan mengenai Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor,

khasnya mengenai satu kes yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Selangor dan Ahli Dewan Undangan Negeri bandar Klang, ‘Ting Chang Kim’ mengenai pemberian tanah seluas 0.4 hektar seorang kepada 107 orang pemohon, termasuk anggota exco dan beberapa pegawai kanan kerajaan.

Inilah, apa yang dilaporkan di dalam Utusan Malaysia. “*Bercakap kepada pemberita di lobi Dewan Undangan Negeri di sini hari ini,* “*Mohamad Khir Toyo Menteri Besar Selangor memberitahu semasa ekspo kerajaan negeri membuat keputusan itu, beliau telah meninggalkan bilik mesyuarat selepas mengisytiharkan kepentingan*. *Tuduhan pembangkang kata saya tidak keluar mesyuarat, tidak betul. Selalunya bila saya tinggalkan mesyuarat Timbalan Menteri Besar atau Datuk Tan See Hang akan mempengerusikan. Itu sudah jadi prosedur” katanya*. Itulah di dalam Utusan Malaysia.

Tuntutan dakwaan Yang Berhormat Menteri Besar Selangor ini adalah dinafikan serta-merta masa itu, oleh Timbalan Menteri Besar Selangor, Dato’ Dr. Zainal Abidin Ahmad yang ada menulis kepada Ketua Pengarah ACA, Dato’ Zulkifli Mohd. Noor, hari yang sama yang menyebut bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Selangor itu adalah tidak benar, bahawa dalam kes tersebut, dalam keputusan mengenai kes tanah tersebut, sungguhpun Menteri Besar dan ahli-ahli exco yang berkenaan telah mengumumkan kepentingan mereka, tetapi tiada seorang pun ada meninggalkan bilik mesyuarat dan mesyuarat akan diteruskan dan ada dipengerusikan oleh Menteri Besar untuk meluluskan tanah-tanah tersebut.

Inilah, sangat jelas satu *abuse of power*, satu perbuatan korupsi yang sangat jelas dalam kes-kes yang ada diputuskan oleh mahkamah. Kenapa sampai sekarang tidak ada apa-apa tindakan diambil oleh ACA, sungguhpun surat itu hari yang sama, 1 hari bulan .... 2003 ada ditulis kepada Ketua Pengarah dan nampak tahun itu 2003 kita lihat bahawa pegawai tertinggi ACA dianugerahkan dengan pingat negeri Selangor. Bukankah ini akan menimbulkan syak wasangka orang ramai sama ada kakitangan tertinggi di ACA, mereka adalah bebas atau mereka di.........

Sebab itu, perlulah ACA dapat keyakinan orang ramai dan bukan semacam sekarang, ada banyak soal ditimbulkan dan minggu lalu, kita baca bahawa satu dakwaan yang dibuat oleh Ahli Parlimen UMNO sendiri, Ahli Parlimen Dewan Undangan Negeri UMNO Taman Templer, Ahmad Bahari yang membuat tuduhan mengenai tanah.

89 hektar tanah yang dimiliki oleh satu *state subsidiary Shah Alam Property SAP Sdn. Bhd.* yang ada diberikan kepada syarikat-syarikat swasta oleh Menteri Besar tanpa kelulusan exco. Kenapa sampai sekarang? Bolehkah kita ada satu keterangan sama ada oleh kerajaan atau ACA, kenapa tindakan belum diambil mengenai perkara-perkara semacam ini, oleh kerana kalau tidak, tentulah kempen untuk anti rasuah akan memberi soalan-soalan sama ada boleh berjaya. Saya harap bahawa perkara semacam ini, khasnya mengenai korupsi boleh diberi satu jawapan ............

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Satu jawapan yang memuaskan oleh menteri yang berkenaan. Kalau bukan dalam masa menggulung masa ini, dalam peringkat bacaan kedua, sekurang-kurangnya dalam jawatankuasa peringkat, apabila Jabatan Perdana Menteri timbul oleh kerana ada satu *vote*, satu untuk peruntukan untuk BPR hari ini, sama ada dalam *policy stage*, kalau tidak bahawa menteri ...Jabatan Perdana Menteri dalam *committee stage* boleh memberi satu jawapan yang memuaskan. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ramainya. Yang Berhormat bagi Kota Baharu. Yang Berhormat, saya cadangkanlah, kalau boleh semua selesaikan dalam 20 minitlah.

**12.30 tengah hari.**

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya akan mengambil masa 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang 7/2005 Perbelanjaan Tambahan Bagi Tahun 2004. Saya ingin merujuk kepada hasrat kerajaan untuk memberi elaun yang agak lebih kepada Ahli Parlimen. Tetapi perkara ini telah menjadi perkara yang menarik dalam media dan bermacam-macam reaksi telah timbul.

Saya ingin memberi pandangan kepada kerajaan supaya kalau boleh perkara ini dikaji semula. Terutamanya saya berpendapat perkara keperluan Ahli-ahli Parlimen ini memanglah perkara yang tidak mudah kita selesaikan kerana tanggungjawab kita amat besar dan sudah tentunya keperluan kita juga besar. Tetapi yang perlu ialah rakyat memahami bahawa apa-apa yang kita dapat daripada kerajaan adalah untuk kepentingan mereka. Kita bukan pegawai kerajaan, kita bukan bekerja untuk sesuatu gaji, jadi kefahaman ini perlu bahawa segala peningkatan atau penambahan adalah untuk rakyat.

Dalam hal ini perbincangan konsultansi mestilah diadakan. Kita perlu bincang antara Ahli-ahli Parlimen sama ada Barisan Nasional atau pembangkang dengan kerajaan tentang keperluan sebenarnya. Selepas itu barulah kita dapat memahami bagaimana kita dapat menolong rakyat melalui peningkatan elaun dan sebagainya. Perkara yang kita mahu ialah kita tidak mahu dapat elaun 10% lebih menjadi isu kerana kita tahu peningkatan RM500 amat tidak memadai kepada semua kita. Kita perlu perbelanjaan untuk pembantu kita, pejabat kita, pejabat Wakil Rakyat, untuk membantu meningkatkan khidmat kita. Sebab itulah saya berharap kerajaan tidak merasa tersinggung kalau kita katakan kita tidak perlu peningkatan sedemikian buat masa ini. Kita lebih suka kalau perbincangan diadakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, apa yang dikatakan bukan kerana 10% itu tidak cukup, bukankah?

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Bukan soal 10%.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Baik.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Bukan soal RM500 tetapi soal besar lebih daripada itu. Soalnya ialah untuk memberikan perbekalan yang secukupnya untuk membolehkan kita menjalankan tugas sebagai wakil rakyat yang sempurna.

Perkara kedua ialah saya ingin menarik perhatian kerajaan supaya bila saya sebut konsultansi ataupun perbincangan tadi ini adalah satu perkara yang perlu kita praktikkan. Kita selalu dengar janji kerajaan sebelum Rang Undang-undang digubal kita perlu perbincangan bukan sahaja dengan Ahli Parlimen tetapi dengan pihak-pihak tertentu. Tetapi amalan ini pada saya Tuan Yang di-Pertua, belum lagi dilaksanakan dengan baik. Kita harus tukar cara kita kerana demokrasi tidak akan begitu berkesan

kalau tidak ada konsultansi kita tidak ada perbincangan, itulah asas demokrasi bahawa hasrat orang ramai itu dapat kita selesai kita cuba atasi. Kita tidak dapat atasi masalah ini kalau kita tidak ada perbincangan. Inilah satu perkara yang perlu diingatkan.

Perkara kedua ialah mengenai *mind set* kerajaan kadang-kadang menganggap kita ini sebagai pegawai kerajaan mungkin pegawai kerajaan menteri dapat *increase* 10% atau 15% saya tidak tahu. Mungkin secara automatik mereka menganggap kita juga memerlukan peningkatan sedemikian atau penambahan sedemikian. Saya ingat lagi semasa kita pinda Perlembagaan hari itu meningkatkan tarikh persaraan hakim-hakim kepada 65 tahun. Satu perkara yang diberi penjelasan ialah kerana *civil servant* juga telah ditambah setahun seolah-olah *mind set* kita bila *civil servant* tambah setahun maka hakim-hakim juga tambah setahun. Saya bimbang dengan cara begini kerana hakim bukan *civil servant.* Hakim ada tugasnya, kebolehannya dan keperluannya kalau kita pinda hari itu untuk meningkatkan tarikh persaraan lebih pun saya kata kita bersetuju jika hakim-hakim itu berkemampuan tinggi.

Kita tahu di Amerika misalnya pada tahun 70-an *the cost of civil right* dengan izin dapat diperjuangkan dengan berjaya kerana ada hakim-hakim masa Justice Douglas dan sebagainya walaupun pada masa itu umurnya 75 tahun. Di England misalnya ada hakim-hakim yang terkenal telah diteruskan khidmatnya kerana mereka mempunyai kepakaran dan pemikiran yang begitu luar biasa Lord Deaning misalnya.

Begitulah di negara kita, kita tidak perlu mengikut cara-cara yang kita gunakan untuk pegawai-pegawai kerajaan. Inilah sesuatu perkara yang saya harap dapat dipertimbangkan bukan kerana kita tidak *appreciative* bukan kerana kita tidak menghormati keputusan pemimpin. Kita hormat tetapi kadang kala kita juga mempunyai pendirian dan pendapat yang tertentu untuk kebaikan semua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Santubong.

**12.36 t.h**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. 20 minit sebagai mana Tuan Yang di-Pertua sebut. Saya tidak dapat tidak terpanggil untuk mengatakan saya bersetuju dengan apa yang Kota Bahru sebut.

Saya juga ingin menentukan bahawa kita patut melihat sama ada kita Ahli Parlimen atau Menteri dan pegawai-pegawai kerajaan. Kita berasingan. Ahli Parlimen itu ahli daripada *Legislature* sementara pegawai-pegawai kerajaan sebahagian daripada eksekutif dan hakim adalah sebahagian daripada *Judiciary.* Perasingan ini sepatutnya tidak dibuat sebagai satu akan diterima sebagai satu *consequential* berlaku kepada yang lain. Kita sepatutnya melihat asas yang awal iaitu kita mempraktikkan Perlembagaan Berparlimen di negara ini. Hakikat ini mesti difahami oleh pihak pentadbir kerajaan supaya dengan melihat Ahli Parlimen ini dibandingkan dengan pegawai-pegawai kerajaan ataupun sesiapa yang lain mahupun dengan hakim.

Soal hakim ini saya juga bersetuju sebagai mana Lord Deaning yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Bahru tadi saya bersetuju di mana ia meninggal masih dalam perkhidmatan. Kerana sebagai kepakaran hakim dalam satu bidang yang tertentu amatlah disanjung tinggi oleh masyarakatnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berpindah kepada satu perkara lain iaitu soalan rasuah. Soalan rasuah ini memang kita banyak dibincangkan khususnya oleh Ahli Parlimen pembangkang Ketua Pembangkang khususnya. Tetapi kita kena melihat *index* rasuah antarabangsa ialah berlandaskan kepada persepsi.

Kalau kita bina satu persepsi menunjukkan bahawa Malaysia adalah negara yang banyak rasuah dengan sendirinya *index* ini akan menurun, kedudukan Malaysia akan menurun kerana negara ini dianggapkan sebagai negara yang banyak rasuah. Tetapi kalau kita sendiri yang menyebut tiap-tiap hari yang Malaysia ini negara rasuah maka persepsi akan dibina *on that line* dengan izin. Jadi kita kena berjaga-jaga dalam kita mempertahankan kedudukan sedemikian, kita memperjuangkan persoalan-persoalan masalah dalam masyarakat kita, kita mesti berjaga-jaga. Bukan soalnya perkara ini dibawa dalam surat khabar kerana sekarang kita bercakap soal rasuah di sini sudah masuk dalam *internet* percakapan kita. Ini akan dilihat nanti dan dibandingkan apa sahaja perkataan kita.

Saya amat bersetuju apa disebut oleh Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Kinabatangan bahawa tidak semua desas desus di kaki lima, di kedai kopi dan sebagainya itu adalah satu kenyataan. Kadang-kadang manusia boleh *build up any perception* berlandaskan *faults impression* dengan izin. Kalau inilah kita terima

hakikatnya maka kita membina satu persepsi kepada negara lain kepada penilai lain berlandaskan satu maklumat yang tidak tepat dan tidak betul. Kita kena berjaga-jaga.

Sebagai pemimpin negara ini kita sayang negara ini. Kita tidak ada negara lain. Saya tidak boleh sebut kalau kita susah di negara ini kita berpindah ke tempat lain itu tidak boleh. Ini hanya satu sahaja negara kita. Negara Malaysia ini kita kena *protect* dia. Kena *protect* negara ini bukan sahaja dari segi tamparan daripada serangan senjata tetapi daripada semua tamparan yang lebihnya daripada tamparan persepsi yang boleh dibina menerusi alat komunikasi yang begitu meluas sebarannya.

Dengan itu kita kena berjaga-jaga. Sebelum kita membuat tuduhan kita kena berjaga-jaga bahawa yang kita sebut sebagai pemimpin kepada rakyat ini amat besar maknanya. Dia masuk dalam *internet*, dia masuk dalam media dan keluarlah dia sebagai satu *impression* ataupun *perception* yang akan membina arahan yang Malaysia sebagai satu negara yang *corrupt*.

Tuan Yang di-Pertua, macam mana kita menjadi negara yang *corrupt*, kalau kita boleh mendapat posisi ataupun tempat sebagai negara pedagang ke 17 terbesar di dunia. Kalau kita negara *corrupt* kita tidak boleh berkedudukan yang sedemikian. Kita lihat jiran kita. Tanya kita sendiri, kenapa jiran kita tidak boleh meningkat sebegitu. Oleh kerana inilah sebab dia.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena berjaga-jaga soalan persepsi ini, indeks ini bukanlah satu kebenaran. Tetapi adalah persepsi yang kita sendiri buat. Selepas itu kita buat, inilah orang putih kata, '*Give the dog a bad name and hang it*'. Kita beri nama yang buruk dan kita bunuh dia selepas itu. Kena buat, senang buat. Kata Wan Junaidi ini jahat, besok hari tembaklah sebab dia ini jahat.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena berjaga-jaga, termasuklah Ketua Pembangkang. Kita hormati dia membuat satu perkara yang penting untuk negara, tetapi janganlah dilonggokkan sebagai Malaysia ini tidak tempat lagi yang bersih. Dalam satu tahun Tuan Yang di-Pertua berapa banyak benda yang kita boleh laksanakan dalam negara yang begini luas dan besar. Prosedur-prosedur kerajaan ada tertentu. Perundangan kerajaan ada perundangan kerajaan tertentu. Prosedurnya kena diikut. Kalau tidak ikut, kita juga yang salah nanti. Kalau kita tidak ikut perkara ini, pembangkang juga yang sebut. Kenapa tidak ikut undang-undang?

Undang-undang, garis panduan undang-undang ini adalah terletak di sana. Janganlah anggap dalam masa setahun kita akan dapat *target*. Saya tidak bersetuju dengan yang 100 *days*, yang satu tahun, yang satu *target* ini, tidak ada, saya tidak setuju benda ini. Kalau kita hendak buat macam itu betullah.

Mana Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, sebutkan tadi ini *[mengalihkan pandangan kepada Yang Berhormat Sri Gading]* Undang-undang hutanlah itu, undang-undang rimba. Itu yang ada. Kalau gajah hendak hentam, gajah hentamlah. Kalau harimau hendak baham, bahamlah. Inilah dia. Tetapi kita ada garis panduan undang-undang daripada peringkat laporan penyiasatan, penilaian. Sebelum dia menjadi satu petuduhan. Kita kena berjaga-jaga. Kalau tidak, ambil pukul kayu kepala sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya ada 20 minit, saya ingin jugalah menyebut cerita hal nilai ini. Tuan Yang di-Pertua, selama ini saya berasa sedih jugalah melihat pengaruh yang terbesar di negara kita ialah media - surat khabar, televisyen sama ada Astro, ntv7, TV3, TV1, TV2 dan sebagainya. Inilah pengaruh yang besar di negara kita. Pengikut yang ramai ialah pelakon-pelakon, penyanyi dan sebagainya, bukan Ahli Parlimen. Kita sebut tidak keluar pun dalam surat khabar, yang elok-elok kita sebut di sini tidak ada, yang jahat-jahat baru masuk dalam surat khabar.

Kita buat *research* bagaimanapun tidak keluar dalam surat khabar, tidak keluar dalam itu. Yang remeh itu yang keluar. Ditanya Ahi Parlimen, kata Ahli Parlimen tidak pandai berdebat. Baca dalam *Hansard*, tengok dahulu. Kita buatlah *research*, yang keluar nanti yang remeh. Sebab itu yang indah. Kadang-kadang *create* lagi satu perkara *impression* yang Ahli Parlimen ini debat remeh. Tidak buat kerja. Saya baca buku Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak. Tiap-tiap bulan dekat RM500 atau RM600 belanja buku sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ledang.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sedikit sahaja Yang Berhormat. 20 minit.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Santubong. Saya cuma hendak minta pendapat Santubong. Kadang-kadang dalam Parlimen ini kita membuat kiasan, kita berhujah kadang-kadang secara berkias kerana kita hendak tuju kepada satu matlamat secara tegas. Misalnya Yang Berhormat bagi Sekijang, dia cadangkan supaya penagih dadah ini hantar sahaja satu pulau, beri sahaja

dadah secara percuma sama ada baik atau tidak baik. Itu kias namanya. Tetapi itulah yang menjadi satu medan perbincangan seolah-olah Ahli Parlimen tidak ada modal, tidak ada IQ, IQ rendah dan sebagainya. Bila saya baca surat khabar, saya kecewalah. Apa pandangan daripada Santubong?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai penjelasan. Saya berbincang soalan seksyen 161 dalam pembentangan Undang-undang Tentera. Satu pun perkataan yang saya sebut soalan 161 itu, dalam perundangan ini yang boleh implikasi pelbagai, keluar dalam surat khabar. Bahkan dalam televisyen Malaysia pun tidak ada.

Persoalannya kenapa? Adakah hak tentera ini tidak penting? Keselamatan negara tidak penting? Moral pegawai-pegawai dan ahli-ahli tentera ini tidak penting? Kalau tidak penting Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apa yang penting. Tetapi mengapa tidak keluar dalam surat khabar? Mungkin orang tidak faham apa yang saya sebut. Jangan kata saya tidak pandai.

Tuan Yang di-Pertua, ini persepsi lagi satu. Saya berpindah kepada…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Pendek sahaja ya. Habis masa saya nanti.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya bagi Santubong. Saya bersetuju dengan Santubong dan mencadangkan supaya media, khususnya surat khabar**, s**emasa sesi Parlimen ini mereka mengadakan satu sisipan khas. Sebab kalau kita tengok surat khabar ia ada sisipan khas. Artis sebagai contoh, sampai lima, enam muka.

*Why not*, kenapa tidak dalam sesi parlimen ini setiap perbahasan yang kita bahas di sini dikeluarkan secara penuh. Pertama saya setujulah, kita kadang-kadang membuat bukanlah baik sangat *research* kita, sedikit *research*. Kita ambil *quotation* daripada UNDP, kita ambil *quotation* daripada mana-mana konvensyen. Sebagai contoh semalam, kita bahas tentang senjata kimia. Dahulu kita bahas tentang maritim. Kita ambil sedikit-sedikit pandangan-pandangan ini dan kalau disiarkan oleh akhbar **i**ni akan membuat satu persepsi rakyat bahawa ada Ahli-ahli Parlimen yang membuat

kajian dan membuat apa dan kita tidak jauhlah sangat dari segi mutu perbahasan kita dalam Parlimen. Ini tidak ada ………

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Faham saya. Saya bersetuju Yang Berhormat. Soalan liputan itu**, t**iap-tiap kali saya baca surat khabar**, s**aya tidak banyak baca surat khabar, enam surat khabar satu hari. Saya baca enam sahaja. Enam surat khabar satu hari. Kalau di Sarawak saya baca enamlah, di sini kadang-kadang saya baca tiga, empat sahaja.

Tetapi yang saya tengok itu, di belakang, kalau tengok di belakang, yang *sport* itu sampai 10 muka. Semua ceritalah, sebutlah nama *sportsmen and women of the world*, dengan izin. Itulah cerita dia. Tetapi bila kita cari di manalah letaknya Parlimen. Hari ini dalam Berita Harian kalau tidak salah saya, pandang sepintas lau, dua kali sahaja, lepas itu tidak nampak pun ada laporan. Tidak pentingkah cerita senjata kimia semalam. Tidak pentingkah kepada masyarakat Malaysia soalan yang dibincang di Dewan semalam. Tidak penting. Hanya usaha RTM sahaja yang buat untuk menunjuk. Tetapi itu persepsi dan pandangan peribadi Ahli-ahli Parlimen dia tunjuk banyak.

Tuan Yang di-Pertua, berpindah saya ke perkara lainlah. Daripada segi persepsi ini lagi satu kita bina Tuan Yang di-Pertua. Kita banyak menilai barang-barang dari segi sumber kewangannya. Umpamanya saya sebutlah kenapa saya kata soalan nilai ada perhubung kait dengan perbincangan sini. Tiap-tiap perkara kita sebut, seorang Ahli Parlimen berapa gaji dia, **p**egawai **k**erajaan ini gaji dia. Kalau kita menang bertanding umpamanya, bertanding baru-baru ini yang di buat oleh para artis dan sebagainya itu**, p**ertandingan di antara penyanyi dan pelakon itu, dia dapat trofi sebagai pelakon yang terbaik. Kalau di Amerika dia kata itu sahaja. Tidak sebut pun berapa untung duit dia, dia sebut duit. Kita oleh *tied up* kemenangan itu dengan nilai wang dan kita sebut juga pada Roda Impian. Saya sebut Roda Impian, kalau sudah menang dia tunjuk itu, satu, dua, tiga, empat ratus ringgit. Duit juga.

Tidak ada pertandingan di Malaysia ini **s**ama ada pendidikan, moral dan sebagainya **t**idak diikat dengan pendapat kewangan. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua apa sahaja tugas kita**, t**ugas dengan orang ramaikah, tugas dengan siapakah, mestilah ada pulangan wang daripadanya.

Jadi, kalau nilai inilah kita hendak tanamkan dalam minda masyarakat Malaysia, jangan cerita soalan lawan hal rasuah, Tuan Yang di-Pertua. Kita sendiri sudah tanam, tidak ada benda yang besar daripada kita, pandangan kita kalau tidak ada sumber kewangan diikat dengan bersama. Jadi, saya bermohon kepada pihak-pihak tertentu, saya sudah sebut kepada TV7, tolonglah jangan tunjuk yang dapat menang Roda Impian itu mesti ikut duit ini dia. Dapat kereta, dapat keretalah. Yang orang kita lari menang dapat ini, bolehlah bagi tahu akan diberi ini sekali sahaja. Tetapi, janganlah itu sahaja, menang jadi pelakon terbaik, menang ini duit dia, inilah kemenangan dia. Makna nilai barangan yang dapat itu tidak lagi nilai kewangan itu yang ditekankan.

**Tuan Loh Seng Kok:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, bangun.

**Tuan Loh Seng Kok:** Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit sahaja. Dalam rancangan TV sekarang ini, kita pernah nampak adanya program macam *Who Want To Be A Millionaire*. Apabila menjawab soalan betul, diberi ganjaran, apabila soalan seterusnya betul lagi, berlipat ganda ganjarannya. Apakah Yang Berhormat setuju tentang program seperti ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, ini juga satu masalah penyakit. Kalau salah betul, kalau betul salah. Yang Berhormat bagi Ketereh selalu sebut ini, Yang Berhormat bagi Tangga Batu sebut cerita ini, tetapi masih jugalah program itu dibuat. Kuasa Ahli Parlimen ini tidak ada Yang Berhormat. Jangan you sendiri cakap ada kuasa. Kita ini cakap sahaja, pegawai kerajaan mana hendak dengar cerita kita ini, remeh sahaja. *Sorry*lah, media kerajaan pun tidak hendak dengar. Kalau benda macam itulah kita buat, yang betul jadi salah, yang salah jadi betul ini, apa lagi Malaysia ini hendak buat.

Jadi, makna tidak ada salah, tidak ada betul. *There is no* nilai ditanamkan dalam jiwa kita ini. Kita sudah banyak sebut perkara ini, Yang Berhormat. Minta maaf saya, tidak ada jawapan kepada soalan itu. Sudah bangkit selalu, Yang Berhormat bagi Ketereh tidak mahu lagi sudah, Yang Berhormat bagi Tangga Batu tidak hendak sebut benda ini lagi, janganlah suruh Yang Berhormat bagi Santubong sebut pula.

Yang Berhormat, saya pindah kepada perkara yang lain. Ini perkara yang khusus. Kita sudah bincang soalan memartabatkan mahkamah syariah, Yang Berhormat. Kita mendengar jawapan daripada kementerian ada beberapa negeri yang belum lagi bersetuju. Tetapi hal meningkatkan martabat mahkamah syariah ini sampai sekarang masih kita tidak buat. Sudah berapa tahun kita merdeka? Bukan lama kemerdekaan Malaysia itu, tidak lama. *Achievement* kita tinggi. Tetapi bidang ini kenapa pula kita tidak boleh duduk semeja bersetuju dengan satu-satu perkara?

Ada mekanismenya kerajaan sudah buat dalam Perlembagaan kita sudah wujudkan Perlembagaan. Ada mekanisme-mekanisme yang tertentu yang boleh di mana persoalan dan jawapan kepada perkara-perkara ini boleh diatasi. Umpamanya, yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, soalan umpamanya disetujui oleh mahkamah syariah ataupun hakim syariah mengatakan bahawa timbangan bagi harta macam ini, tetapi kalau salah satu daripada adik-beradik tidak setuju dengan harta ini, dia kaveatkan hartanah itu. Kalau dia kaveatkan hartanah itu, di mana letaknya kuasa mahkamah syariah. Tidak ada kuasa pun. Walaupun keputusan sudah ada.

Maknanya, keputusan mahkamah syariah diperlekehkan oleh mekanisme-mekanisme lain. Kalau ini berlaku kepada mahkamah sivil, dia boleh bawa ke mahkamah semula dan dia dan dihakimi dan dialihkan berlandaskan keputusan yang dibuat oleh mahkamah syariah. Tetapi kalau sekarang kita hendak buat mahkamah sivil akan mengatakan ini persoalan bukan mahkamah sivil, ini persoalan mahkamah syariah. Tetapi adakah kuasa mahkamah syariah memberikan arahan kepada *registrar* untuk mengalihkan caveat yang dimasukkan. Kalau tidak masuk apa guna mahkamah syariah ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulungkah?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sudah gulung itu,Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya gulung dalam masa enam minit, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada lagi dua minit.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya ingat 20 minit tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, 20 minit, memang.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sudah habis?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi, Yang Berhormat mula berucap 12.36 tengah hari.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Okey, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang celaru saya. Saya pindah ke - pendeklah, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, soalan Kementerian Luar Negeri ini. Saya banyak sebut dalam Kementerian Pengangkutan, jadi kalau Kementerian Luar Negeri ada dekat sini, pegawai-pegawainya, bacakanlah *Handarsd* saya itu. *Transfer* apa yang saya sebut dalam Kementerian Pengangkutan itu masuk dalam soalan yang akan saya debat hari ini. Bacakanlah itu. Itulah saya kata, so, berilah sumber kewangan kepada pegawai-pegawai kita di luar negara untuk mencerminkan, membuatkan imej negara ini lebih elok, lebih sempurna lagi dipandang masyarakat. Saya tidak hendak lagi dengar kereta yang buruk terjatuh, tidak boleh jalan, rumah yang bocor, rumah yang tidak senonoh untuk pegawai-pegawai, termasuk duta kita di luar negara.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita berbanggalah dengan kemajuan Malaysia. Tetapi malangnya pula di luar negara gambaran yang kita tunjuk itu tidak menunjukkan kenyataan apa yang berlaku di sini. Pihak yang berkuasa dan pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan, JPA dan sebagainya, janganlah buat penilaian sendiri atas pandangan sendiri. Jangan jadi kodok bawah tempurung. Saya tahu ada seorang pegawai dari JPA ini, apabila seorang pegawai ini - cerita sebenar berlaku, seorang pegawai datang berjumpa dengan pegawai ini, dia kata, *"Saya tidak boleh duduk di situ, rumah ini jauh sangat dari tempat kerja saya di luar negeri."* Dia kata, "*No, saya boleh duduk di Subang turun kerja dekat Kuala Lumpur".* Masa itu pejabat pegawai kerajaan di Kuala Lumpur. *"Boleh kerja di Kuala Lumpur, kenapa pula awak bekerja di sana tidak boleh turun ke pejabat?"*

Ini keadaan berlainan di Kuala Lumpur dengan tempat di negara dia berkhidmat itu berlainan. Dia tidak setuju. Ditakdirkan Tuhan, dia keluar masuk Wisma Putera, dihantar, *posting* yang pertama. ke *Cambodia*. Ikut sistem dia itu, dia dalam lingkungan orang duduk dalam *mine field*, padi, ladang padi dan sebagainya. Dia balik ke sini jumpa dengan pegawai yang sama. Dia tanya, *"Saya minta, saya ini tidak boleh duduk, macam mana hendak diam di Cambodia?"* Dia kata ini isteri dia sendiri yang buat cadangan dahulu. Kita terima sahaja. Ini Tuhan telah menunjukkan bahawa kebodohan manusia ini boleh ditunjukkan serta merta.

Tetapi janganlah berlaku perkara ini selalu sangat. Kita kena tengok secara *holistic*. Kita tahu betul apa yang berlaku. Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang benda yang kita buat itu akan mengena sendiri kalau tidak salah betul-betul. Jadi gambaran kepada masyarakat lain kepada negara Malaysia itu mestilah tunjukkan.

Baliklah saya kepada apa yang saya sebut tadi persepsi. Kalau kita hendak tunjuk persepsi yang buruk, buruklah pandangan orang. Kalau kita tunjukkan persepsi yang elok, Yang Berhormat kena ingat, persepsi ini penting untuk negara kita kalau kita betul-betul ingin menjadi masyarakat antarabangsa. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**1258 tgh.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut terpanggil untuk melontar beberapa isu untuk dikongsi bersama dengan pihak kerajaan. Sebelum itu saya ternampak kita punya Timbalan Menteri dengan baju *orange* dia. Cantik dia punya warna, Timbalan Menteri Kewangan. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu hendak kaitkan dengan……….

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ini berkaitan dengan warna-warni Malaysia. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua saya hendak bertanya kepada kerajaan berapa peruntukan yang diguna pakai untuk rombongan yang besar ke luar negara. Saya melihat apabila MITI membuat lawatan, wakil rakyat, Ahli Parlimen cuma dibawa dua orang tetapi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan saya tengok, satu kampung. Sudahlah satu kampung, kerajaan-kerajaan negeri pun menghantar dia punya rombongan. Saya faham pegawai-pegawai kerajaan ini suka melawat luar negara ini sebab itu di *accommodate*, dimasukkan mereka. Jadi, kos ini saya melihat satu kali lawatan ini beratus-ratus ribu ringgit diguna pakai sebab kapal terbang dia *first class*, hotel dia *first class* dan sebagainya. Jadi, ini merugikan kerajaan. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, lawatan-lawatan seumpama ini dikurangkanlah penyertaannya.

Jangan terlalu. Saya pernah mengikuti dua kali, memang saya tengok. Satu dewan, *hall* itu rombongan Malaysia sahaja. Kita hendak buat *vision* ini, umpama memancing, iaitu *convence* kepada masyarakat di sana supaya melabur di negara kita. Tetapi negeri-negeri punya *investment*, saya tengok kalau sepuluh negeri hantar delegasi, satu negeri yang berjaya, yang lain tidak berjaya, tetapi dia terus sahaja mengikuti rombongan, Menteri dia bawa sana sini, pegawai dia yang tidak perlu pun masuk. Jadi, saya mahu tanya kerajaan, berapa kos yang dibayar, yang diguna pakai di keseluruhan kementerian termasuk kakitangan kerajaan setiap satu tahun ataupun satu rombongan ke luar negara. Ini perlu kita tahu sebab adalah lebih baik kewangan ini…………

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Memang banyak, masalah terlampau banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang banyak. Boleh sambung pada jam 2.30 petang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Boleh,boleh. Kalau saya tidak sakit, saya sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi tidak boleh lebih dari 20 minitlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Mula semulalah 20 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak, kena tolak 3 minit. Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan mesyuarat ini dan Dewan ini akan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sila sambung ucapan.

**2.32 ptg.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan hujah saya, bersesuaian dengan ketika ini iaitu kita membahaskan Belanjawan Tambahan, jadi saya suka menyentuh, tadi terdengar bunyi loceng, kalau boleh ini pun diberi *supplementary bill.* Loceng ini berbunyi seperti orang yang sakit tekak (*sore throat)*. Dia tidak berbunyi dengan baik, macam ada bunyi batuk yang terkeluar dari dalam *speaker.* Jadi ini pun hendak diperiksa jugalah, perlu menggunakan sistem baru. Dewan kita sudah baru, loceng kita pun kasi baru jugalah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada soal pokok iaitu saya meminta kerajaan - kalau Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen tidak ada, saya meminta pegawai-pegawai dia tolong catat apa yang saya cakap. Saya mahu minta laporan terperinci jumlah perbelanjaan kewangan, dari semua kementerian termasuk agensi-agensi kerajaan, berapakah kos lawatan ke luar negara bagi satu tahun dan apa pula yang kita peroleh daripada ROI, berapa kita dapat setiap satu lawatan, contohnya ke Melbourne, Jepun atau Korea, kita mahu tahu.

Dan rombongan ini adakah ia *negotiate* ataupun berunding dengan produk-produk baru ataupun cuma *maintain* hubungan yang sedia ada ataupun sengaja mahu makan angin. Saya tahu banyak pegawai kerajaan ini dia suka melancong makan angin, bukan sahaja atas nama dia, satu keluarga pun dia bawa. Ini merugikan negara kita, merugikan rakyat kita dan merugikan wang kerajaan.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Beluran.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sekejap ya.

**Datuk Ronald Kiandee:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya tertarik dengan permintaan untuk memperincikan perbelanjaan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan bahawa Yang Berhormat juga harus meminta perincian terhadap perbelanjaan Kementerian Belia dan Sukan seperti yang dilaporkan oleh *New Straits Times* baru-baru ini. Kementerian ini membelanjakan sebanyak RM6 juta untuk kertas sukan *(sport papers)*, mungkin ini termasuklah dasar dan strategi sukan. RM6 juta untuk *sport papers*!

Adakah Yang Berhormat setuju bahawa perkara ini juga harus diperincikan oleh Kementerian Kewangan ketika menggulung perbahasan untuk *bill* ini agar semua orang tahu di mana RM6 juta itu? Adakah itu memadai? Adakah itu benar-benar memberikan pulangan? Sedangkan kita lihat sekarang ini komen-komen daripada pengkritik sukan sudah cukup untuk membentuk satu dasar sukan yang baik. Adakah itu perlu untuk dibelanjakan terutama jika kita memerlukan konsultan daripada luar yang membelanjakan wang yang begitu banyak untuk satu *sport paper*? Adakah Yang Berhormat setuju bahawa perkara ini harus juga diperincikan oleh Kementerian Kewangan pula? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Saya bersetuju agar semua, saya minta semua agensi dan juga kementerian-kementerian sebab perkara ini bukan lagi perkara yang remeh-temeh. Masyarakat telah memperkatakan keseluruhan di mana ramai masyarakat beranggapan bahawa terdapat pembaziran kewangan sehingga memungkinkan pembangunan di luar bandar terincit sebab diguna pakai untuk perkara-perkara yang cuma boleh di"*enjoy*" oleh satu, dua orang sahaja. Perkara ini saya harap dapat diberi penjelasan terperinci semasa penggulungan nanti sebab kita tidak mahu.

Yang kedua, saya juga ingin bertanya, sebab kerajaan juga terpaksa mengeluarkan bajet kewangan untuk delegasi luar sama ada menghadiri forum dan

sebagainya. Jadi berapa peruntukan yang diguna pakai oleh kerajaan dalam pembayaran untuk delegasi-delegasi daripada pihak luar ini?

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga saya ingin bertanya kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebab saya dimaklumkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk PJK luar bandar selama lima tahun di Sabah iaitu cuma RM200 juta lebih sedikit. Jadi ini dalam lima tahun terdapat 25 kawasan bahagian termasuk kawasan Tuan Yang di-Pertua pun memerlukan peruntukan juga, jadi saya rasa ini perlu di"*review*", perlu dikaji semula selaras dengan tuntutan negara kita iaitu mahu mengadakan pembangunan seimbang.

Demikian juga dengan bekalan air luar bandar, RM500 juta untuk lima tahun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi ini pada saya tidaklah memadai dan tidak mencukupi untuk kita menuju Wawasan 2020, untuk kita sama-sama melihat negara kita sama-sama maju.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, sudah lama saya tunggu iaitu pewujudan bank di Kinabatangan. Sehingga hari ini belum ada tindakan daripada kementerian ataupun daripada Bank Negara. Jadi saya meminta perkara ini dapat diselesaikan. Saya tidak tahulah, bagaimana kita mahu maju kalau prasarana yang penting ini pun tidak dapat kita perolehi. Bagaimana kita mahu menjadi *role model* kepada negara-negara yang membangun, negara-negara yang lain kalau prasarana yang sebegini rupa masih belum diadakan. Jadi saya meminta kerajaan - Kementerian Kewangan tolong bagi saya jawapan. Kalau tidak, saya akan bangkit menyatakan perkara yang sama dan saya tidak akan biarkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang mungkin perlu kita berbincang bersama iaitu berhubung dengan *prepaid card* iaitu yang dibekalkan oleh operator-operator telefon selular. Hari-hari yang sebegini *prepaid card* ini bukan lagi digunakan untuk kepentingan tetapi digunakan untuk memindah, untuk menghantar mesej yang bukan-bukan yang boleh menjatuhkan reputasi seseorang tanpa kerajaan boleh *trace* atau boleh menyemak siapa penghantarnya, siapa pengirimnya sebab sekarang ini *prepaid card* boleh dibeli dengan harga hanya RM18.

Jadi dengan hanya RM18 ini, seseorang boleh membeli sampai 10 *prepaid card* ini, disimpan di *wallet* atau poket dia dan dia gunakan ini berganti-ganti menghantar SMS yang bukan-bukan. Jadi ini perlu Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bagus ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mungkin Yang Berhormat bagi Jerai kena SMS ini, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bukan, saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju bahawa walaupun *prepaid*, setiap pembeli *prepaid* itu mesti mendaftar nama dia di tempat lokasi yang dibeli dengan nama, kad pengenalan dan juga alamat. Ini mesti menjadi satu undang-undang sebab sesiapa pun boleh jual, ini kedai minyak boleh jual, kedai runcit boleh jual - tidak ada masalah. Tetapi dia mesti ada *log book* di mana, kalaulah Arau membeli maka nama Arau kena ada di situ…..

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** .....kad pengenalan dia supaya kita boleh *trace* balik siapakah pengguna telefon bergerak tersebut dan kad-kad tersebut. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju…..

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Setuju, setuju.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** .......demi menjaga ketenteraman dan keadilan serta kebahagiaan di negara kita ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Setuju. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Jerai, sebetulnya inilah yang saya mahu cadangkan. Supaya kerajaan, kementerian mengadakan satu peraturan baru dan dimestikan semua pembekal kad *prepaid* ini, pembeli harus didaftarkan mengguna kad pengenalan pembeli dia. Dan barulah kita boleh melihat siapa sebenarnya pemilik-pemilik kad *prepaid* ini. Jangan senang sahaja dia *purchase* di kedai RM18 tidak ada *detail,* jadi siapa pun boleh, budak-budak pun boleh.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Jadi mesti didaftar atas nama kad pengenalan si pembeli dan siapa yang melakukan kesalahan ini bolehlah diheret ke mahkamah. Sebab sekarang ini yang ada dalam, .......sekejap ya. Yang ada cuma email sahaja ataupun dalam laman web ada peraturan dia. Yang kad *prepaid* ini belum ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Beluran.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Saya bersetuju, saya menyokong Yang Berhormat, tapi saya melihat bahawa menyekat *prepaid* ini satu daripada kaedah dia, tapi kalau kita lihat melalui internet, melalui email banyak juga perkara-perkara yang menghasut, yang memfitnah boleh dilakukan melalui email. Dan ini sebahagian daripada proses teknologi yang berlaku sekarang. Adakah Yang Berhormat juga bercadang bahawa email ini, melalui webs ini, fitnah melalui webs ini seperti yang berlaku dalam satu *web site* popular sekarang ini, *Malaysia Today.* Juga harus disekat oleh kerajaan untuk menentukan perkara yang sama, yang dibahaskan ini tidak berlaku bukan sahaja melalui *prepaid card* melalui SMS, tetapi melalui *digital news* dan email terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat dari Beluran. Memang ini yang berlaku, sebab kalau kita melayari laman web Malaysia Kini, Malaysia *Today* dia sudah tukar - macam-macam ada. Dia ada unsur fitnah kepada pemimpin dengan berbagai-bagai pengirim dia yang tidak boleh disekat, jadi ini pun bukanlah satu fenomena yang baru, sebab kita sekarang ini dalam zaman orang kata, 'teknologi tinggi dunia tanpa sempadan' jadi itulah yang berlaku.

Jadi kerajaan harus bersedia dengan undang-undang, biarkan dunia itu tanpa sempadan tetapi undang-undang ada sempadan dia. Kalau kita menyediakan prasarana yang begitu tinggi *hi-tech,* tetapi kita tidak dilindungi oleh akta, maka ciptaan-ciptaan yang baik itu akan memangsa mereka yang tidak bersedia. Jadi saya meminta kepada kerajaan supaya mengkaji dan dia punya Timbalan Menteri ada sini, saya rasa kali ini dia tidak boleh *missed,* dia mungkin boleh bagi input teknik kepada Kementerian Kewangan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Dahulu dia *missed* satu subjek, jadi kerana ini hari dia ada di sini mungkin boleh memperingatkan kepada Kementerian Kewangan nanti bagaimana cara yang boleh untuk memudahkan pengguna-pengguna, mengenai keselamatan dia.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Mahu tanya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jiran pun mahu bertanya juga.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, sebelum itu saya ucapkan syabaslah pada Yang Berhormat kerana Puteri daripada Kinabatangan turut hadir pada hari ini, syabas.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa] [Menyampuk]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tanya pada Yang Berhormat kitalah. Yang Berhormat saya memang bersetuju kalau masalah *prepaid-prepaid* kad ini didaftar untuk kita dapat mengawal tentang penyalahgunaan *prepaid* kad ini untuk menyebarkan fitnah dan juga perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang negara kita ini. Kerana kita tahu ianya mudah, mudah untuk dipersalahgunakan.

Masalahnya satu lagi ialah masalah tentang penerimaan sesetengah *hand phone* ini masih lagi di kawasan-kawasan luar bandar yang masih lagi kita menunggu sampai bila, macam kawasan saya sebagai contohlah, tidak boleh hendak pakai langsung *hand phone.* Saya pun susah jugalah kalau hendak menerima panggilan kecemasan daripada penghuni atau penduduk-penduduk di kawasan itu, itu sebagai contoh mungkin kawasan Yang Berhormat pun begitu juga

Jadi selari dengan kehendak kita supaya kita memperkemaskan balik akta undang-undang yang ada, kita mesti melihat juga supaya penerimaan ataupun *line hand phone* ini dapat segera diperluaskan lagi di serata tempat. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Yang Berhormat mungkin ter*missed* waktu saya berucap dalam Menjunjung Titah Ucapan Diraja. Saya telah meminta, bukan saya, Seri Paduka Baginda meminta sehingga hujung tahun ini semua telefon selular ini

diberi liputan secara meluas sebab adalah tidak logik, tidak usah kira di luar bandar, dalam bandar 7 kilometer dari bandar pun tidak boleh dapat *coverage* yang sempurna.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jasin.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Di Dewan ini pun tidak ada……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jasin bangun Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Cakap seminit, dua minit putus.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Dah, dah bercakap Datuk. Dewan ini juga termasuk. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Ketawa]* Jadi, harap di Dewan ini pun Timbalan Menteri dia tegur-tegurlah*……[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ledang Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Ledang, sila.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Ini tentang dalam Dewan ini Yang Berhormat Kinabatangan, adakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju bahawa oleh kerana sistem dalam Dewan ini tidak ada *roaming.*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ada ini, ada *roaming.*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Ada sistem lain yang belum *roaming*, kita bimbang sistem itu juga akan menyebabkan kita yang duduk dalam ini daripada pagi sampai ke malam mungkin atau petang menerima kesan buruk daripada itu, sekian terima kasih. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya sependapat dengan Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada *roaming* mungkin kita menghadapi fenomena yang negatif, sebab di Dewan ini walaupun kita bersidang tetapi kita juga mempunyai keperluan-keperluan di mana untuk dihubungi dan ini merupakan satu keperluan kalaupun tidak ......

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Yang Berhormat sikit lagi. Mungkin saya *missed* dari segi kesihatan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Ketawa]* Dari segi kesihatan – memang, saya terbaca beberapa artikel di mana telefon selular ini ada juga unsur-unsur negatif dia,

iaitu terutama sekali budak-budak di bawah 12 tahun ke bawah telah dapat dibuktikan bahawa akan terdedah kepada satu virus kepada penggemar-penggemar telefon ini termasuk juga komputer - memang ada.

Barang-barang teknologi tinggi ini jangan kita sangka semua baik, banyak juga yang tidak baik, misalnya komputer kalau kita duduk lebih daripada 4 jam, maka ianya akan mendatangkan juga satu unsur yang boleh membahayakan diri seseorang pemakai itu melebihi 4 jam. Jadi Ketua Pembangkang saya tengok dia selalu tekan dia punya komputer, jangan lebih 4 jam ya. Kalau lebih nanti susah tidak boleh pula…..*[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya. Yang Berhormat baca artikel, saya difahamkan Arau juga baca artikel. Telefon selular tu, kerana kuasa-kuasa bateri-bateri mikro itu boleh merosakkan pendengaran terutama sekali kalau macam Yang Berhormat Kepong dia ada penyakit *migraine*.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau dia pakai telefon ini mungkin akan mudah mereka ini untuk mendapat penyakit *migraine,* begitu juga Yang Berhormat Bukit Mertajam, kalau dia sakit pinggang kalau telefon itu bubuh dia punya *handbag* digantung di sini dia boleh *effect* kepada pinggang jadi betul atau tidak Tuan Yang di-Pertua? Dan saya takut Yang Berhormat, orang laki-laki suka letak dalam poket bawah.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini juga akan merbahaya. Jadi apakah cadangan Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Ketawa]* Saya memang percaya sebab ada dia punya implikasi.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sebab telefon ini menggunakan, ia kecil tetapi kuasa dia tinggi dengan dia punya kuasa bateri dan sebagainya dan boleh memudaratkan justeru itu.... *[Ketawa]*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya belum habis Yang Berhormat. Boleh atau tidak saya mencadangkan Yang Berhormat supaya kerajaan membuat satu kajian secara halus untuk memastikan telefon-telefon selular ini tidak memudaratkan penggunanya.

Sekarang ini hanya kita baca artikel itu dan ini, tidak ada *confirmation, no confirmation* dengan izin, daripada badan-badan tertentu yang boleh mengatakan telefon itu selamat digunakan kerana saya nampak Yang Berhormat Papar ada tiga, Yang Berhormat Arau ada tiga telefon, Jerai satu sahaja fasal modal tidak besar, jadi Jerai satu. Kalau tiga telefon kita bubuh dalam badan, sama ada mereka sedar atau tidak sedar, mereka juga membawa bom tangan yang boleh secara senyap-senyap melemahkan tenaga mereka. Saya minta *clearance* daripada satu badan atau Kementerian Kesihatan atau mana-mana untuk *confirm*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Jerai. Ini perkara bukan remeh-temeh ya? Perkara ini memang keperluan kita untuk mengetahui dan saya rasa kerajaan tidak perlu mengadakan R&D sendiri cuma meminta kepada semua produksi-produksi telefon selular ini membuat kajian mereka sebab mereka yang mengaut keuntungan jadi merekalah yang kena membuat satu kajian dan memastikan bahawa telefon selular ini untuk masa hadapan boleh diguna pakai tanpa mengakibatkan apa-apa masalah dan penyakit kepada penggunanya.

**Dr. James Dawos Mamit:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, di belakang bangun, Mambong Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ya, saya tengok kita punya Timbalan Menteri Kerja Raya pun dua saya tengok, kiri kanan dia simpan *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya memang ada kajian tentang kegunaan *cell phone* tetapi kajian belum mencukupi lagi. Oleh yang demikian,

kesimpulannya, *cell phone* adalah selamat untuk digunakan. Tetapi ada satu kajian yang mengatakan, kalau kita tekan *cell phone* ini di telinga kita, ia akan mengakibatkan satu penyakit yang dinamakan *disorder control dermamaititis.* Ini mengakibatkan telinga kita ini terkena, bengang. Yang kedua, kalau kita menggunakan cell phone di tempat yang dikatakan bahaya, ada bahan-bahan yang boleh meletup, ini memang betul. Oleh itu janganlah guna cell phone di tempat yang begitu. Yang saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Kinabatangan ini, kenapa tiang ataupun menara cell phone ini terlalu banyak di negara kita? Tidakkah kerajaan boleh mengurangkan supaya *service providers* ini boleh berkongsi kerana di Sarawak hanya satu sahaja yang telah pun diturunkan iaitu di kaki Gunung Santubong. Bolehkah kerajaan menurunkan lebih banyak menara agar *service providers* boleh berkongsi? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Kinabatngan, sila gulung.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Mambong. Ini merupakan satu cadangan yang baik sebab apabila terlalu banyak kita punya antena dan tiang-tiang telefon yang berasingan syarikat, jadi mereka tidak ada perundingan secara perniagaan dan ini boleh mengakibatkan pemandangan kita tersekat. Di Australia contohnya, dia punya antena tidak tinggi, rendah-rendah tetapi dia punya liputan, menyeluruh. Di negara ini, tengok macam KLCC dia punya tinggi tetapi dia punya respons tidak begitu meyakinkan.

**Tuan Huan Cheng Guan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Kawan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sekejap ya, sedikit sahaja.

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tadi Yang Berhormat ada bincangkan berkenaan dengan *prepaid card*. Selalunya *prepaid card* digunakan oleh mereka yang berpendapatan rendah selalunya, kalau kita tidak apalah, kita mandi boleh bayar *fees* apa-apa kan? *[Disampuk]* Apa dia? Pakai dua? *[Ketawa]*

Buat masa ini, kalau katakan kita gunakan *prepaid card*, kita pergi mana-mana kedai pun dapat beli – RM10, RM30, RM50 tetapi masalahnya *prepaid card* ini ada had. Okey, katakan *you* beli RM30, dia bagi tempoh masa dalam satu bulan, you mesti pakai,

*you* mesti guna semua.  Kalau you tidak pakai, dia kira *burn*, dalam masa sebulan, dia kira habis.  Kalau *you* hendak, *you* kena tambah duit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:**  Ya, cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Huan Cheng Guan:**  Bermakna you kena tambah lagi, maka saya cadangkan kalau boleh, Timbalan Menteri pun ada di sini, sesiapapun yang pakai *prepaid card*, tidak ada sekatanlah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:**  Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Huan Cheng Guan:**  Tidak ada sekatan, *so* bila-bila pun boleh pakai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:**  Yang Berhormat bagi Kinabatangan, cuba habiskan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:**  Ya, saya mahu gulung ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun dia dengar, saya mencadangkan, saya setuju dengan dia.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua iaitu saya meminta FELDA supaya mengambil peneroka-peneroka di Sabah untuk ditempatkan di kawasan FELDA di negeri Sabah sebab hari ini FELDA mempunyai lebih kurang 80 ribu hektar ladang pada asalnya untuk menempatkan peneroka-peneroka tetapi mereka telah lari daripada konsep asal dan mereka telah membuat FELDA ini secara komersial 100%.  Saya meminta supaya FELDA mengambil semula yang kita lihat, lebih kurang 30 ribu peneroka di Sabah yang tidak ada tanah dan dimasukkan dalam skim FELDA yang sedia ada untuk memberi jaminan dan menjana ekonomi masyarakat luar bandar di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin**:  *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:**  Ya, Jerai.

**4.37 ptg.**

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:**  Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Perbelanjaan Tambahan sebanyak RM597

juta yang telah dibelanjakan tetapi kita bincangkan setelah perbelanjaan pun tidak apa. Ada dua, tiga perkara yang saya hendak bercakap Tuan Yang di-Pertua, pertamanya berkenaan dengan perkhidmatan pasukan Polis Diraja Malaysia.

Saya terpaksa bercakap kerana kita kena ingat, pasukan Polis Diraja Malaysia ini pasukan yang menjaga keselamatan, ketenteraman dan keamanan negara kita ini. Saya hendak mengucapkan tahniah dan syabas kepada IGP – Tan Sri Bakri dan juga timbalannya, Datuk Musa dan seluruh pasukan polis kerana kita dapat lihat di akhir-akhir ini, prestasi kerja mereka begitu baik sekali. Banyak kes-kes yang telah dapat diatasi dengan begitu cepat.

Di samping itu juga kita ucapkan takziah kepada keluarga seorang pegawai penyiasat polis yang telah ditimpa kemalangan semasa dalam perjalanan untuk menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, polis hari ini, walaupun kita katakan pasukan polis yang terbaik di antara yang terbaik di dunia, tetapi saya melihat kelengkapan-kelengkapan, alat-alat mereka adalah agak ketinggalan masa. Kita dapat lihat kenderaan-kenderaan mereka sendiri pun kadang-kadang *breakdown* di merata tempat. Dalam perjalanan....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Saya pernah bertanya anggota polis di kawasan saya, di Kinabatangan – berapa uniform mereka ada? Dia kata satu sahaja. Bayangkan satu minggu, dia bertugas pakai satu uniform? Ini merupakan satu diskriminasi dan perlu pihak pentadbiran polis dan kerajaan perlu mengatasi masalah ini. Kadang-kadang senjata dia, itu selalu polis ramai yang kena tembak. Belum sempat dia tembak, orang sudah tembak sebab senjata dia pun sudah *jammed*, kalau *jammed* yang lain lagi, dia lagi susah. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya terkejut kerana seorang pegawai dalam pasukan polis hanya ada satu *uniform*. Kalaulah uniform itu hilang, macam mana? Sebab itu saya kata, alat-alat dan senjata mereka mesti *up to date.* Kalau *jammed* itu, mereka akan menjadi mangsa. Apabila mereka sedang memburu penjenayah yang hari ini penjenayah mempunyai senjata yang cukup moden.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Larut bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, sila, sila.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Sekarang ini kita menggalakkan IT. Kadang-kadang kita buat kes-kes *report* di balai polis terutamanya di daerah dan sebagainya, tidak ada langsung komputer yang disediakan di pejabat-pejabat polis ini. Setuju atau tidak Yang Berhormat, kalau boleh kita minta mulai hari ini semua balai polis dilengkapkan dengan komputer supaya selaras dengan IT supaya segala *report* yang dilakukan mudah untuk mereka *online* dengan mana-mana agensi. Ini kita minta daripada hari ini, supaya dilengkapkan. Setuju atau tidak setuju Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itu satu permintaan yang cukup wajar kerana zaman IT ini. Kita memahami Tuan Yang di-Pertua, saya memahami kita *constrain* dari segi kewangan dan sebagainya, tetapi kita terpaksa menyoalkan ini kerana kita tidak mahu dalam keadaan negara yang kurang selamat di peringkat antarabangsa dan dikelilingi oleh musuh-musuh yang ingin masuk ke Malaysia, yang ingin melakukan sesuatu agar ekonomi dan politik negara kita ini terumbang-ambing,

kita mesti memberi kelengkapan senjata, kenderaan, segala-galanya. macam marin, pasukan marin polis, bot mereka ini *maintenance* kosnya memang tinggi Tuan Yang di-Pertua. Benda duduk dalam air, duduk dalam laut, tentu cepat *wear and tare*. Macam mana mereka ini? Lanun sekarang ni Tuan Yang di-Pertua, bukan zaman lanun dulu. Saya tidak tahu lanun yang berada di Selat Melaka ini adalah lanun yang dicipta oleh sesiapa untuk mengucar-ngacirkan Selat Melaka kita. Hendak tunjukkan kepada dunia Selat Melaka tidak selamat, mungkin manusia yang mencipta lanun ini kerana lanun ini mempunyai kelengkapan yang lebih canggih daripada pasukan marin kita ataupun pasukan tentera laut kita, dengan komputer dan sebagainya lanun-lanun ini. Lanun ala moden, adakah lanun ini lanun sebenarnya ataupun lanun yang dicipta untuk merosakkan ketenteraman perairan Selat Melaka kita.

Ini pun harus kita tanya, sudah tentu jawapan ini ada pada pasukan polis dan pasukan tentera. Kita hanya hendak bertanya. Jadi kalau pasukan polis kita - saya balik ke Alor Setar mengikut lebuh raya, kadang-kadang saya jumpa dua, tiga

kenderaan polis *breakdown.* Kadang-kadang saya nampak kenderaan askar di tepi jalan rosak. Jadi ini menunjukkan bahawa kenderaan-kenderaan mereka itu mungkin telah uzur dan perlu diganti. Tambahan pula polis Tuan Yang di-Pertua, mereka kejar *round the clock*, semua mereka jaga. Kalau Larut bawa bola, mereka kena hantar FRU pergi, kalau hantar Larut seorang saja, tak boleh lawan. Ramai orang tunjuk perasaan, kalah, bergaduh dan sebagainya. *Football barbarian*, selesai dah kalau tidak Arau dan Larut, seorang ragbi, seorang bola.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta penjelasan lagi, saya ingat itu kena perbetul semula Yang Berhormat. *Soccer is a gentleman game,* main pun *gentleman* juga bukan *barbarian*. Ragbi *is a barbarian game*, main pun *barbarian.* Setuju tak setuju Yang Berhormat? *[Ketawa]* Terima kasih.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Macam mana Arau, tidak mahu minta penjelasan? Tak apa, Arau beralah dia kata. Sebenarnya *all game is a good game and always be sporting,* dengan izin. *[Ketawa]*

**Seorang ahli:** *[menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, saya nak meminta kerajaan, kadang-kadang kita pergilah balai polis, dalam kawasan saya, Ibu Pejabat Polis Daerah Yan, ini contoh. Saya bercakap dari segi Malaysia tapi ini contoh, dengan tidak ada kelengkapan yang cukup, dengan tempat yang tidak sesuai, dengan lokap yang teruk, dengan keadaan kenderaan yang kasihan kalau kita tengok. Kadang-kadang polis ini bekerja dengan mayat 10 hari dah busuk dan pergi angkat bawa naik, macam-macam. Kadang-kadang kita tengok mereka naik jip, kasihan. Kita ni naik kereta *air-cond*, depa naiklah, macam kelmarin saya balik ada satu batalion askar duduk belakang trak, terangguk-angguk di belakang trak dengan panas dan hujan. Yang kita di dalam kereta pasang *air-cond*, cuba bayang?

Itu pula macam Kinabatangan kata yang uniform tiada. Saya minta uniform bagi *smart* sikit. Bagi uniform jenis kain yang tidak menghangatkan depa. Kain yang tebal dalam cuaca yang hangat Tuan Yang di-Pertua, itu yang kadang-kadang polis naik angin. Kita selalu marah kata polis ni ’cengeh’, bukannya ’cengeh’, mereka duduk tengah jalan cuba fikir, pakai uniform dengan kasut sampai ke lutut. Wap tak boleh keluar, angin hangat dalam, lepas itu mereka datang kepada kita, mereka terlajaklah

marah sikit. Macam-macam ada dalam badan dia, kita kena tengok pakaian mereka, saya hendak tengok pakaian, bagi kain yang nipis, elok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, sila.

**Dr. James Dawos Mamit:** Ini Yang Berhormat Jerai, terima kasih dululah Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Jerai ini bincang hanya anggota polis lelaki ataupun wanita juga. Kadang kala uniform polis termasuk juga anggota wanita ini tidak cukup, hanya satu pasang sahaja. Wanita ini dia mesti *dress up properly* dengan izin. Jadi kalau uniform satu pasang sahaja, bagaimanalah mereka hendak pergi ke pejabat untuk membuat tugas di pejabat itu, pakai uniform yang tidak digosok dengan seterika. Ini juga satu masalah kerana saya nampak di kawasan saya ada satu stesen di Kota Padawan, ada lima anggota wanita di situ, kadang-kadang kita lihat uniform yang mereka pakai itu tidak digosok kerana hanya satu pasang sahaja yang disebut oleh Yang Berhormat.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, uniform untuk wanita ini, berapa pasangkah yang benar-benar mencukupi untuk mereka?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau pandangan sayalah, kalau saya bertanggungjawab di kementerian tersebut, sekurang-kurangnya tiga pasanglah. Satu untuk uniform kalau orang besar-besar datang, perasmian dan sebagainya dia pakai satu itu elok. Yang dua itu untuk mereka punya rutin bekerja.

Kita pergi sekolah pun kasut dua pasang Tuan Yang di-Pertua, kalau kena hujan waktu pi balik mai, tak kan nak ambil kasut itu bubuh bawah peti ais bagi dia hangat kering malam tu, tidak. Zaman itu orang tak buat dah, zaman dulu buatlah, zaman saya sekolah dulu, kasut sepasang, orang susah. Kena hujan, malan tu mak ambil kasut letak bawah peti ais. Jadi hangat peti ais tu, kasut itu kering.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Peti ais hangat ke Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tak, enjin dia tu, di bawah, peti ais sejuklah tapi enjin tu hangat. *[Ketawa]*. Jadi enjin hangat tu pukul bagi kasut, kasut jadi kering. Ini kalau saya cerita orang tak faham, orang tua-tua fahamlah, susah.

Jadi saya nak minta yang itu sahaja, kita kata pasukan Polis Diraja Malaysia, ni banyak kali saya kata ni. Bila kita sebut Diraja itu, tidak begitu Arau?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** Ya, betul.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kita kena menunjukkan kesegakan, ketampanan, disiplin polis. Ini kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, bukan nak kata, kasihan kepada mereka. Naik motor pun, hari tu saya lintas kereta polis, kereta dia pakai Perodua. Perodua nak hambat kereta apa Tuan Yang di-Pertua? Dengan 600cc, motor pun tak boleh hambat walaupun dia kereta. Tapi tidak tahulah kereta itu untuk apa tapi saya tengok dia tulis POLIS dan letak lampu lip-lap liplap ada atas bumbung, saya anggap itu petrol carlah. Jadi kalau petrol car besar itu nak hambat *motorcycle* 100cc pun tak berupaya. Kerana kereta Perodua tu kalau tak silap saya 600cc saja. Dia hendak hambat macam mana. Bagi depa kereta Malaysia yang terbaik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pensiangan bangun Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, sila. Ini sahabat saya.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben:** Saya terpanggil. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kawasan saya, sempadan di antara Indonesia dan Sabah, tempat ini kalau kita lihat secara terperinci hanya seorang polis saja yang telah ditugaskan di kawasan tersebut. Jadi sekarang ini kita lihat konfrontasi, pergeseran di antara Indonesia dan Malaysia sekarang ini macam menjadi-jadi ya. Jadi sekiranya perkara yang tidak diingini akan tercetus di antara Malaysia dan Indonesia ini di persempadan khususnya di Pensiangan, Bantu ini.

Saya percaya anggota kita yang seorang sahaja polis itu tidak dapat mengawal *[Ketawa]* keadaan yang sebenarnya biarpun kita telah diberi jawapan bahawa ada angkatan tentera dan sebagainya, itu tugas yang lain. Yang kita bincangkan sekarang ini adalah tugas-tugas polis sebenarnya. Saya minta belas kasihan supaya pegawai-pegawai polis diperbanyakkan lagi di perbatasan tersebut supaya mengawal keadaan di mana penyeludupan senjata, penyeludupan manusia itu sendiri pun ada, penyeludupan syabu, dadah dan sebagainya perlu dibanteras dengan sebaik-baik mungkin. Jadi, adakah Yang Berhormat bagi Jerai bersetuju dengan saya bahawa anggota polis di

bahagian Bantul, Pensiangan, Sabah ini, berbatasan dengan Indonesia, ditambah lagi. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Pensiangan kerana keadaan tegang antara Malaysia dengan Indonesia di saat-saat ini walaupun kita serumpun, sebangsa dan sebahasa tetapi mungkin kerana jolokan-jolokan yang tertentu telah menjadikan keadaan kurang selesa. Memang kita memerlukan sempadan kita ini dijaga dengan sebaik mungkin. Ini memang perlu dan lagi satu, kita perlu ingat, saya hendak minta kalau boleh pihak suruhanjaya yang dibentuk untuk mengkaji pasukan polis ini memastikan *welfare* polis ini diambil kira sebagai *priority,* keutamaan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** *[Bangun]*

**Tuan Donald Peter Mojuntin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ledang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun. Ledang dengan Penampang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha? Ledang dengan Penampang. Kita bagi dua-dua. Yang mana dahululah, bagi yang belakanglah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ledang, sila.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat bagi Jerai menyebut tentang polis saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jerai adakah Yang Berhormat bagi Jerai berhajat untuk menyambung ucapan tentang polis tadi berkaitan dengan keterbukaan balai-balai polis di dalam negara kita. Kalau kita lihat di luar negara, balai polis tidak ada pagar.

Oleh yang sedemikian, mudah bagi orang ramai masuk ke dalam balai polis dan memberikan maklumat supaya lebih mesra, akhirnya lebih cekap dan betul. Sekian, terima kasih. Adakah Yang Berhormat setuju?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** saya bersetuju dengan tidak bersetuju sama banyak. Saya bersetuju diadakan pagar tapi balai polis pagar dia buka

cuma dia kena pagar kawasan itu takut binatang-binatang masuk. Pasal balai polis ini kadang-kadang ia di dalam kampung dengan lembu, kerbau yang orang kampung dok lepas masuk mai, dia susah juga. Jadi, dia bubuh pagarlah. Tetapi pagar untuk orang masuk balai polis itu ia tidak pernah tutup. Ia tidak pernah tutup, saya dok *round* tengok tengah malam, tidak pernah tutup.

Jadi, yang itu kalau kita beri pagar itu pun bagus. Kalau tidak pagar pun itulah saya kata susah, pasal hak yang lari daripada lokap itu senang lari. Dia keluar lokap itu dia senang lari. Jadi, kalau ada pagar itu, hak tahanan-tahanan ini susah sedikit hendak lari. Itu pun dalam kita bubuh pagar dia lari keluar juga. Jadi, yang itulah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung, gulung.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Nanti sat, sahabat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Penampang.

**Tuan Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Di Malaysia ini, pada masa kini, *coverage ratio*, dengan izin, polis kepada penduduk adalah satu kepada 5,000, bermakna seorang anggota polis menjaga 5,000 orang penduduk. Salah satu daripada masalah yang menyebabkan kekurangan ini, Yang Berhormat, adalah pihak polis di Malaysia ini tidak mempunyai kredibiliti atau menerima penghormatan yang sama seperti umpamanya di *United Kingdom*. Apakah pandangan Yang Berhormat untuk meningkatkan kredibiliti atau *respectability* pihak polis kita. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya memang hendak sampai tang tu dah sat lagi. Memang *'kui-kui'* hendak masuk dah. Jadi,.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ya. Gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** .....kita tengok.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hendak gulung, Tuan Yang di-Pertua! Bagi peluang, Tuan Yang di-Pertua, kes ini......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudahlah. Cukuplah Yang Berhormat bagi Batu Kawan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Batu Kawan. Kalau tidak bagi kawan ini macam mana, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi ada sentuh berhubung dengan Suruhanjaya polis. Kalau saya tidak silap dua Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri ada di dalam jawatankuasa tersebut. Saya hendak cadangkan kalau boleh, dua atau tiga Ahli Parlimen dilantik dalam suruhanjaya tersebut. Apakah Yang Berhormat setuju dengan cadangan ini? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Suruhanjaya tersebut telah pun membuat laporan mereka hendak serah dah. Jadi, depa tubuh yang baru kita masuklah. Hak ini tidak berapa payahlah. Okey! Hak tadi itu, saya hendak pasukan polis ini bila kita kata Polis Diraja Malaysia orang tengok dia satu benda yang cukup hormat. Sebab itulah saya hendak minta, pertamanya, kaji balik *salary* atau gaji mereka. Depa ini kadang-kadang *overtime* bukan ada. Macam pegawai-pegawai lain ada *overtime*. Depa ini *overtime* pun kadang-kadang, saya biasa ini bila tsunami berlaku, Tuan Yang di-Pertua, depa dok *feedback* kat saya, Dato ini keadaan macam ini, macam ini. Ribut macam ini, angin macam ini dok *contact*. Dok tang mana ini inspektor? Dok dalam bilik operasi ini pukul tiga pagi. Hangpa makan dak lagi? Senyap sahaja. Makan dak lagi? Dah hendak makanlah ini Dato'. Tidak habaq tidak makan itu, tengah malam. Tapi kita faham. Inspektor pergi makan, jangan budak-budak kita tidak makan. Kasihan kat depa. Mai pilihan raya, depa duduk di bawah, kerja dengan kita ini susah payah.

Jadi, saya hendak minta kerajaan dengan adanya kepimpinan pasukan polis hari ini supaya melihat semula dan saya harap suruhanjaya hak ini lihat sebenar-benarnya supaya bila dia jadi Polis Diraja itu adalah sebenar-benarnya pasukan keselamatan, ketenteraman dalam negara kita ini dan kita rakyat kena memberi penghormatan kat depa. Jangan marah kat depa. Saya biasa hendak balik saya kena *speed trap*

walaupun saya Ahli Parlimen. Saya habaq minta maaflah Dato', saya hendak buat macam mana. Hendak balik rumah, dah tiga empat hari tinggal anak bini di rumah. Tidak tahu hal apa jadi kat rumah. Cakap dengan elok-elok kat dia, jangan marah kat dia, pasal dia menjalankan tugas untuk menjaga keselamatan. Jalan dia jaga, rumah dia jaga, rata tempat dia jaga. Kadang-kadang bukan pun dalam bidang dia tetapi orang tuju kepada polis kerana apa-apa sedikit polislah tempat rakyat hendak mengadu.

Yang kedua, hendak gulung dah, Tuan Yang di-Pertua. Hendak gulung cepat-cepat. Saya tidak mahu gulung lambat. Saya hendak minta pihak Kementerian Kewangan, saya dah minta dua tiga kali hari ini, berapa banyak dah syarikat-syarikat hatta milik kerajaan ini yang telah diswastakan? Kepada siapakah yang telah diswastakan dan siapakah yang telah bayar dan siapa yang swasta tidak bayar, siapa yang swasta tidak bayar dia tinggal dia lari? Ha! Itu dia tiga jenis soalan. Jangan terkejut, Yang Berhormat bagi Tampin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, saya hendak tahu pertama, berapa banyak syarikat yang telah kerajaan swastakan ini. Kemudian swasta pergi kat siapa? Ketiga, depa swasta bayar atau tidak? Keempat, depa swasta, depa tidak bayar dia cabut tinggal serah balik syarikat kepada kerajaan. Siapa dia? Saya hendak tahu hak penyangak-penyangak ini siapa dia? Pasal depa tipu duit rakyat.

Orang-orang ini bukan orang kecil-kecil. Orang-orang yang berlagak. Orang-orang yang kononnya jutawan tetapi mereka mengkhianati negara, mengkhianati duit rakyat dan mereka ini jangan kita lepas daripada tanggungjawab. Ini swasta hak milik kerajaan. Bawa *working paper,* Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh kawasan Tuan Yang di-Pertua pun depa hendak swasta. Bawa *working paper* dan sebagainya konon ada duit banyak, kerajaan bagi. Dia rogol syarikat itu, dia balas duit dengan syarikat itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kementerian dah faham Yang Berhormat. Cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia tidak faham, hendak cerita lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukuplah Yang Berhormat. Bagi peluang orang lain.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia gulung lepas itu kena simpul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat sudah gulung tiga minit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, tidak. Lepas itu kena simpul, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak dia terlondeh. Jadi, hendak simpul ini. Jadi, saya hendak minta supaya orang-orang macam ini jangan bagi muka. Yang terakhirnya hendak simpul mati ini, saya hendak minta Kementerian Kewangan ataupun kerajaan kalau hendak swasta jangan swastakan satu benda itu kepada seseorang sampai empat, lima jenis perniagaan. Awat, orang lain tidak reti berniagakah?

Tidak apa, tidak bagi kepada wakil rakyat pun tidak apa, kami bukan mahu sangat. Tapi bagilah satu orang itu satu sahaja, lepas itu hang hiduplah. Ini semua angin, api, air, lantai, tanah, bukit semua dia hendak. Lepas itu, orang lain hendak makan apa? Awat, dia seorang rakyat Malaysia? Dia seorang reti berniagakah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pengkalan Chepa.

**3.19 ptg.**

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil perhatian sedikit dalam membahaskan Belanjawan Tambahan ini pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan tahunan terkini Bank Negara Malaysia Laporan Tahunan 2004, dianggarkan Kerajaan Pusat telah membelanjakan sebanyak RM118.9 bilion pada tahun 2004 berbanding hasil sebanyak RM99.4 bilion.

Ini bermakna kerajaan menanggung defisit sebanyak RM19.5 bilion bersamaan kira-kira 4.3% daripada keluaran negara kasar pada nilai pembeli. Perbelanjaan mengurus tambahan kedua yang dipohon pada hari ini berjumlah RM15.1 bilion sementara perbelanjaan pembangunan tambahan kedua berjumlah RM0.6 bilion. Oleh

itu perbelanjaan tambahan yang dipohonkan berjumlah RM15.7 bilion. Dengan pertambahan ini jumlah perbelanjaan bagi tahun 2004 menjadi RM138.6 bilion terdiri daripada RM102.4 bilion perbelanjaan mengurus dan RM35.7 bilion perbelanjaan pembangunan. Kalau hasil bagi tahun 2004 kekal pada RM99.4 bilion ini bermakna defisit akan melebarkan kepada RM39.2 bilion bersamaan dengan 8.8% daripada KDNK pada nilai pembeli. Dalam tahun 2003, perbelanjaan berjumlah RM113.5 bilion laporan Bank Negara 2004, terdiri daripada RM375.2 bilion perbelanjaan mengurus dan RM38.3 bilion perbelanjaan pembangunan. Defisit yang ditanggung oleh kerajaan pusat berjumlah RM20.9 bilion atau 5.3% dari KDNK pada nilai pembeli JDP *at purchase value* dengan izin.

Berbanding tahun 2003 perbelanjaan kerajaan bertambah sebanyak 22%, ini satu penambahan yang amat besar. Defisit melonjak daripada 8.8% jauh melebihi piawaian belanjawan berhemat yang diamalkan di negara-negara Eropah iaitu 3.5% daripada KDNK. Ini bermakna pertumbuhan ekonomi sebahagian besarnya dipacu oleh perbelanjaan sektor awam. Selama 7 tahun kerajaan berbelanja besar, Pilihan Raya Umum Kesebelas dalam bulan Mac 2004 telah mendorong kerajaan berbelanja besar yang dianggapkan untuk mendapatkan sokongan rakyat.

Sebagaimana yang disebutkan di atas, tambahan belanjawan yang dipohon adalah satu tambahan yang besar. Ini menyebabkan defisit belanjawan semakin membesar, bukan menurun. Ini membuktikan bahawa kerajaan tidak menghormati dan tidak patuh kepada disiplin belanjawan, janji-janji belanjawan secara berhemat sebagaimana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi dan untuk mengelakkan pembaziran kepada rakyat tidak tepat. Belanjawan negara sudah dalam defisit selama 7 tahun berturut-turut ....

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Assalamualaikum Yang Berhormat.

**Dato’ Haji Abd. Halim bin Abd. Rahman:** Waalaikumsalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Jerai Yang Berhormat.

**Dato’ Haji Abd. Halim bin Abd. Rahman:** Ya, sila. *[Masih berdiri]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bercakap tentang belanjawan defisit ini..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa duduk dahulu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Adakah Yang Berhormat juga bersetuju dengan saya bahawa Amerika sebuah negara yang terkaya di dunia, duitnya diguna seantero dunia juga menghadapi belanjawan defisit*, trillion dollars* US. Ini pandangan saya, bagi pandangan saya kalau kita meminjam wang untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat, mungkin kita tidak dapat belanjawan yang seimbang, mungkin kita jadi belanjawan defisit. Tetapi kita kena ingat belanjawan itu adalah untuk kesejahteraan rakyat jadi bermakna kita pusing balik duit itu untuk pembangunan dan ekonomi dan akhirnya mungkin daripada keuntungan itu kita dapat menyeimbangkan balik belanjawan negara kita. Tetapi dalam keadaan yang tertentu, bagi saya kalau kerajaan terpaksa meminjam duit dengan faedah (*interest)* yang begitu murah pada masa kini, kita dapat membangunkan negara kita. Kalau kita menunggu pada masa hadapan mungkin kos-kos pembangunan itu akan lebih tinggi dan kita lihat pada hari ini di Dewan Rakyat, desakan-desakan boleh katakan di tiap-tiap kementerian terdesak supaya diberi itu dan diberi ini dan ini mungkin membebankan kerajaan kerana mungkin pendapatan kita tidak seimbang dengan perbelanjaan.

Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita meminjam wang tetapi wang ini kita gunakan dengan berhemat untuk membangunkan negara? Terima kasih.

**Dato' Haji Abd. Halim bin Abd. Rahman:** Memang saya bersetuju, seperti di Amerika hampir 3 trillion dollar defisit yang dianggapkan oleh sesetengah pakar ekonomi bahawa mereka akan bankrap dalam 2007. Pinjaman wang untuk pembangunan adalah biasa dan ini adalah perlu dan ini menunjukkan kecekapan kerajaan itu sendiri tetapi penggunaan itu yang mesti dikawal. Seperti yang berlaku dalam Bajet 2003, di mana 4 bilion diperuntukkan untuk membina sekolah-sekolah baru tetapi terpaksa juga kerajaan bila sekolah itu tidak siap terpaksa kerajaan menambahkan RM3.5 bilion lagi untuk menampung supaya sekolah-sekolah itu siap. Ini yang kita tidak mahu, kenapa kita boleh siap dengan berbelanja RM4 bilion? Ini menunjukkan bahawa kurangnya dalam

pelaksanaan itu berhemat ataupun salah satu salah laku dalam pelaksanaannya bukan dalam perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna pertumbuhan sebahagian besar dipacukan oleh sektor awam selama 7 tahun berturut-turut kerajaan berbelanja besar. Sebagaimana yang disebutkan di atas ramai belanjawan Jepun adalah satu tambahan yang agak besar dan yang menyebabkan defisit belanjawan semakin melebar bukan menurun. Ini membuktikan bahawa kerajaan tidak menghormati dan tidak patuh kepada janji-janji yang sebagaimana yang dikatakan tadi. Hutang kerajaan termasuk syarikat bukan kewangan berjumlah RM217 bilion atau 51% daripada *Gross National Product* (GNP) dengan izin, ini adalah satu jumlah yang agak tinggi. Hutang luar negara telah meningkat dengan ketara daripada RM116 bilion dalam tahun 2000 kepada RM197 bilion dalam tahun 2004. sebahagian besarnya dipinjamkan oleh kerajaan persekutuan dan perlembagaan syarikat kerajaan bukan kewangan. Hutang luar negara merupakan 47% daripada GNP ini amat tinggi berbanding dengan piawaian berhemah yang diterima yang merupakan tidak melebihi 30% daripada GNP, ini menyumbangkan kepada kelemahan nilai pertukaran antarabangsa Ringgit Malaysia. Ternyata kita berbelanja besar dengan berhutang, ini tidak salah kalau untuk projek-projek yang boleh membawa kepada kesejahteraan rakyat ataupun manfaat kepada rakyat.

Beban bayar balik hutang dan bunga tidak kurang daripada RM10 sehingga RM12 bilion setahun, atau melebihi 10% belanjawan, ini membebankan rakyat dan pembayar hutang sendiri. Sejak awal tahun 1980-an kerajaan telah melaksanakan dasar penswastaan, perlaksanaannya semakin meluas dalam tahun 1990 dan diteruskan sehingga kini. Tujuan penswastaan ini ialah untuk mengurangkan belanja kerajaan, mengecilkan saiz sektor awam dan meringankan beban cukai ke atas rakyat, ini tidak berlaku ataupun kurang tepat berlakunya.

Perbelanjaan semakin meningkat, saiz sektor awam semakin besar dan beban cukai ke atas rakyat semakin tinggi. Malah rakyat terpaksa menanggung beban berkembar harga barangan dan perkhidmatan naik melonjak kerana peningkatan keefisienan operasi dan kos yang diharapkan dari pengurusan yang tidak terjadi dan kuasa monopoli yang ada pada entiti-entiti di swasta pada masa yang sama rakyat terus dibebani dengan cukai yang tinggi bagi menanggung perbelanjaan sektor awam yang

besar. Bukan itu sahaja, akibat daripada krisis ekonomi 1997/1998 berbilion-bilion wang telah diguna untuk menyelamatkan pelbagai entiti yang telah diswastakan yang mengalami krisis kewangan kerana tidak diurus dengan baik dan betul.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menswastakan lebuh raya. Bilangan kenderaan yang menggunakan lebuh raya telah meningkat berkali ganda, bayaran tol juga telah naik berkali ganda, namun syarikat yang memiliki projek lebuh raya yang telah diswastakan ini dari dahulu sampai sekarang tetap dalam defisit. Setiap tahun kerajaan kena bayar pampasan kepada syarikat berkenaan kerana tol yang dipungut tidak mencukupi dan tidak dapat menampung untuk perbelanjaan penyelenggaraan.

Untuk tahun 2004, kerajaan telah meluluskan sebanyak RM250 juta. Ini minta tambahan sebanyak RM118 juta lagi. Ini cukup membebankan rakyat. Sudahlah bayaran tol semakin tinggi, kena pula bayar pampasan lagi. Kenapa syarikat terbabit terus menjadi rugi? Ini sukar difahami. Gesaan supaya perjanjian konsesi didedahkan tidak dilayani. Rakyat kena tahu bagaimana bayaran pampasan itu dikira. Kenapa kerajaan tidak mahu berterus terang dalam hal ini? Apa yang hendak disorokkan kepada pengetahuan umum?

Tuan Yang di-Pertua, dalam membentangkan bajet tadi, ada sorotan yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri mengenai prestasi ekonomi Malaysia. Tetapi, saya tengok tidak meliputi sebagaimana diamalkan oleh Majlis Kewangan Negara dalam memberi positif kepada pertumbuhan ekonomi tetapi yang negatif pun begitu juga, diberitahu sama kepada Ahli-ahli Majlis Kewangan Negara. Izinkan saya menyentuh sedikit secara ringkas prestasi ekonomi Malaysia.

Dalam tahun 2004, laporan tahunan Bank Negara Malaysia menganggarkan ekonomi Malaysia tumbuh pada kadar 7.1%, yang tertinggi dalam tempoh Malaysia yang kelapan. Ekonomi Malaysia merakamkan pertumbuhan kecil 0.3% dalam tahun 2001, 4.1% dalam tahun 2002 dan 5.3% dalam tahun 2003.

Pertumbuhan akan menjadi perlahan pada sekitar 5% hingga 6% dalam tahun 2005. Oleh itu, untuk tempoh lima tahun, pertumbuhan ekonomi tidak akan mencapai kadar purata 7.5% setahun andainya pertumbuhan ini diguna pakai untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020. Pertumbuhan dipacukan sebahagian besarnya oleh sektor perkilangan yang tumbuh pada kadar 9.8%, dan sektor

perkhidmatan yang tumbuh pada kadar 6.3%, sektor pembinaan mengalami kemelesetan negatif 1.9% akibat daripada penawaran melebihi permintaan. Dari segi permintaan, pertumbuhan ekonomi mendapat manfaat daripada peningkatan pengguna swasta yang ketara sebanyak 10.1% dan pemulihan pelaburan tumbuh pada kadar 15.8% pada tahun 2004 setelah meleset sebanyak 15.1% dalam tahun 2002, dan pertumbuhan kecil 0.4% dalam tahun 2003.

Di sebalik pertumbuhan yang dikira baik ini, ekonomi Malaysia terus dihantui oleh pelbagai kelemahan yang tidak dipaparkan kepada Dewan ini dalam membentangkan bajet tambahan tadi. Walaupun kadar penukaran ringgit Malaysia dengan dolar Amerika stabil pada USD1:RM3.80. Oleh kerana dasar kekangan, nilai pertukaran ringgit Malaysia dan mata wang utama dunia terus merosot. Misalnya, nilai pertukaran ringgit Malaysia berbanding *special drawing right* (SDR) telah merosot sebanyak 7.3% dalam tahun 2002, 8.5% dalam tahun 2003 dan -4.3% dalam tahun 2004.

Nilai pertukaran ringgit Malaysia juga telah merosot dengan ketara berbanding *pound sterling* dalam tempoh 2 September 1998 hingga 31 Disember 2004, negatif sebanyak 12.9%, dollar Singapura negatif sebanyak 5.4%. Yen Jepun negatif sebanyak 25.1%, rupiah Indonesia sebanyak 13.3% berbanding euro yang merosot sebanyak 16.7% dalam tahun 2003 dan negatif sebanyak 7.6% dalam tahun 2004.

Kemerosotan ini berpotensi untuk memacu inflasi dan kenaikan kadar faedah dan melebihi, yang mana akhirnya membataskan kadar pertumbuhan ekonomi. Tuan Yang di-Pertua......

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Sri Aman bangun.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Aman, sila.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Setakat manakah penurunan ini berkaitan dengan ringgit kita di*peg* dengan dolar Amerika?

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Pada pendapat saya, sekiranya dolar Amerika merosot, duit kita akan terus kukuh. Tetapi, berbanding dengan euro, duit kita

bertambah lemah. Tetapi faktor-faktor ini tidak sahaja bergantung kepada itu, bergantung kepada faktor-faktor yang saya sebutkan di sini. Sebabnya, ia tidak disebutkan di dalam ucapan belanjawan tadi, faktor-faktor yang boleh menghantui kelemahan ekonomi kita, menghantui pertumbuhan ekonomi kita yang menyebabkan apa-apa yang berkaitan dengan kewangan ringgit Malaysia akan terlibat.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, walaupun rizab antarabangsa....

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Puchong bangun.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Sila.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Tadi, saya dengar Yang Berhormat kata, bila dolar Amerika menurun, wang kita akan meningkat. Saya hendak tahu, apakah teori ini, sebab bukankah kita ini telah ditambahkan dengan dolar Amerika. Kalau dolar Amerika naik, ringgit akan naik secara realiti ini. Okey, itu yang pertama.

Yang keduanya ialah mengenai pertumbuhan ekonomi. Bagaimana tambatan ini akan menyusahkan pertumbuhan ekonomi kalau eksport kita meningkat? Saya minta sedikit penjelasan.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada ikatan ringgit kepada dolar, tidak akan berlaku apa-apa perubahan. Tetapi sekiranya kerajaan melepaskan kekangan ini, ikatan ini, ia akan berubah. Buat masa ini kalau kita tengok, nilai-nilai pasaran yang tidak rasmilah, kalau kekangan ini dibuat dalam keadaan sekarang ini, mungkin ringgit Malaysia lebih tinggi daripada RM3.80, tetapi dalam keadaan kadar tertentu sebelum ini, ringgit Malaysia mungkin lebih tidak RM3.80 tetapi ialah di antara RM4.20 satu dolar. Tuan Yang di-Pertua......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Boleh gulung Yang Berhormat, ya.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Ada sikit sahaja, hendak gulung ini. Walaupun rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia telah meningkat kepada RM170.5 bilion dalam tahun 2003 kepada RM253 bilion dalam tahun 2004, kenaikan ini berpunca daripada kelemahan kadar pertukaran ringgit Malaysia berbanding mata wang utama

dunia, dan peningkatan hutang luar negara daripada RM186.6 bilion dalam tahun 2003 kepada RM197.3 bilion dalam tahun 2004. .

Yang ketiganya, tekanan inflasi sudah menampakkan dirinya Indeks Harga Pengguna telah meningkat daripada 1.2% dalam tahun 2003 kepada 1.3% dalam tahun 2004. Kadar ini dijangka meningkat dua kali ganda dalam tahun 2005 iaitu 2.5%, indeks harga pengeluar telah terus meningkat dengan ketara daripada 4.4% dalam tahun 2002 kepada 50.7% pada tahun 2003 dan 8.8% dalam tahun 2004. Kadar pengangguran adalah tinggi dan degil untuk turun, 3.6% pada tahun 2003 dan 3.5% dalam tahun 2004 walaupun melihatkan bahawa penurunan 1%.

Kadar pinjaman tidak berpotensi . ataupun NPL di dalam sistem perbankan adalah relatif tinggi. 8.9% tiga bulan dalam tahun 2003 dan 7.6% dalam tahun 2004. Kadar NPL ini dikira amat tinggi bagi bank saudagar iaitu bagi tahun 2003 sebanyak 21.5% dan pada tahun 2004 sebanyak 19.4%.

Perbankan Islam pada tahun 2003 - 15%, pada tahun 2004 telah menurun kepada 13.7%. Syarikat Kewangan 2003 sebanyak 90.8% dan pada tahun 2004 naik kepada 11.8%. Kenaikan kadar faedah yang 'pemerlahanan' pertumbuhan ekonomi yang mendadak boleh memburukkan kesihatan sistem kewangan.

Kelemahan-kelemahan di atas berpotensi meletakkan pertumbuhan ekonomi pada risiko yang besar lebih-lebih lagi jika sekiranya berlaku 'pemolahan' pertumbuhan di negara rakan yang utama kita di Amerika Syarikat dan Jepun. Saya ingin menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri supaya semasa membentangkan bajet akan datang ini perlu bukan sahaja soal positif tentang pertumbuhan ekonomi dibentangkan kepada kita tetapi juga kelemahan-kelemahan yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi itu sendiri perlu diterangkan di Dewan ini supaya Ahli Dewan ini mengetahui dan mengikuti dengan tepat bukan sahaja sebelah pertumbuhan tetapi kelemahan-kelemahan yang akan menjejaskan pertumbuhan itu sendiri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bera.

**3.50 ptg**

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bersama dengan rakan-rakan untuk membincangkan mengenai Belanjawan Tambahan yang dibentangkan pada sidang kali ini. Seperti yang kita tahu bahawa negara kita bergerak maju dan penggunaan komputer begitu meluas. Kita ke arah menggunakan elektronik di dalam banyak bidang. Kita menggunakan elektronik untuk membeli barangan misalnya. Kita menggunakan elektronik di dalam transaksi kerajaan misalnya. Sekolah-sekolah dilengkapkan dengan IT dengan adanya *school net.* Kampung-kampung dilengkapkan dengan komputer dengan program *info* desanya. Pengeluaran duit juga sekarang boleh digunakan dengan cara menggunakan komputer. Kita menggunakan e-dagang, e-kerajaan dan berbagai-bagai e- lagi.

Walau bagaimanapun, persoalannya adakah undang-undang kita mampu untuk melindungi pengguna-pengguna yang menggunakan transaksi secara elektronik ini. Inilah persoalan yang perlu kita perhatikan dengan cara teliti. Kalau kita lihat *Consumer Protection Act* kita, tidak melindungi pengguna-pengguna yang berurusan secara *on-line.* Begitu juga dengan Undang-undang Perlindungan Data yang sepatutnya ada yang sepatutnya telah diluluskan lama di negara kita. Tetapi pada hari ini Undang-undang Perlindungan Data masih belum lagi diluluskan. Dengan itu apa-apa transaksi yang dibuat secara elektronik sama ada e-dagang, sama ada e-kerajaan dan sebagainya yang menggunakan *on-line, data*, perlindungan peribadi kita tidak dilindungi. Dengan itu mana-mana pihak mungkin boleh menyalahgunakan data peribadi yang kita gunakan untuk sebarang transaksi yang digunakan.

Saya hendak memberi makluman bahawa *ranking* kedudukan *e-government* kita di dalam dunia sekarang adalah menurun kepada ke nombor 83.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ketereh bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bera. Saya tertarik bila Yang Berhormat bercakap mengenai penggunaan IT dalam hidup harian dan kita sangat-sangat berbangga kononnya kita ini adalah negara *multimedia super coridor,* hebat di mana-

mana. Tetapi apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawasanya prasarana yang ada untuk penggunaan IT pada hari ini sebenarnya lebih publisiti daripada realiti. Persepsi sahaja seolah-olah kita ini negara IT tetapi sebenarnya tidak.

Sekarang ini kalau kita hendak masuk internet kalau kita guna line biasa kita terpaksa tunggu berjam-jam. Kita terpaksa bayar *an extra cost* dengan izin untuk ambil *extremix* itu pun belum tahu, *slow* juga. Kononnya kita ada *broad band.* Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita bercakap berdegar-degar mengenai IT yang ada di negara tetapi sebenarnya kalau kita bandingkan dengan negara kecil di Timur Tengah mereka jauh lebih baik.

Kita pergi ke hotel bunyinya ada *broad band* tetapi bayarannya mahal, berpuluh-puluh malah beratus-ratus. Ertinya penggunaan IT ini sebenarnya tidak *user of really* kata sahaja *user of really .* Boleh Yang Berhormat tambah? Terima kasih.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Ketereh tadi bahawa memang banyak lagi kawasan-kawasan yang masih belum menerima *service* untuk *internet* dan sebagainya. Di Petaling Jaya sendiri di kawasan tempat tinggal saya *tm-net streamix* kadang-kadang ada kadang-kadang tidak ada macam iklan itu . Macam iklan biskut itu, kadang-kadang ada kadang-kadang tak ada. Itu di Petaling Jaya. Saya tahu di tempat lain lebih dahsyat daripada ini. Saya difahamkan *even* di Putrajaya dan di Syberjaya juga banyak terdapat *blind spot* yang kadang-kadang menyebabkan gangguan mengenai ada dan tak ada *service* yang saya maksudkan tadi. Saya bersetuju Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Saya ingin bertanya tentang masalah *e-government* ini yang cuba kita galakkan IT dan sebagainya. Kita mahu di bawah program-program remaja yang begitu dahagakan kemudahan ini termasuk pelajar sekolah dan sebagainya. Kementerian Belia dan sukan kita lihat mereka ini ada program-program Rakan Muda dan macam-macam program yang cuba diperkenalkan tetapi sejauh mana kita lihat peranan kementerian ini untuk menyasarkan kepada belia remaja, tentang pengenalan kemudahan-kemudahan yang kelak boleh mencelikkan lagi remaja ini ke dalam penggunaan kemudahan yang serba canggih ini. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat apakah Kementerian Belia dan Sukan ini perlu selain mengadakan program

Rakan Muda ini turut ke bawah. Kita amat berterima kasih jika Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimennya supaya mendekatkan diri dengan pemimpin-pemimpin belia mengenal pasti kaedah-kaedah baru yang boleh mereka sama-sama melibatkan diri. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Menterinya memang dah bagus tu. Dari segi program Rakan Muda saya bersetuju dengan Yang Berhormat jika program Rakan IT dan sebagainya diperkenalkan untuk memberikan pendedahan kepada golongan belia terutamanya di luar bandar dan sebagainya. Tetapi mungkin salah satu kekangannya ialah di luar bandar saya kira di Sabah dan Sarawak terutamanya masih lagi banyak kawasan-kawasan yang masih tidak dapat *service* talian telefon, telefon selular dan sebagainya. Jadi bagaimana kita hendak bercakap soal hendak membawa program IT ke luar bandar kalau asas untuk *service* ini pun tidak ada.

**Dr. James Dawos Mamit:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bera. Di kawasan saya sendiri bukannya jauh dari Bandar Kuching hanya 20 kilometer sudah sampai kampung yang terdekat. Tetapi kampung yang terjauh ialah 6 jam berjalan kaki di sempadan

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hoh!

**Dr. James Dawos Mamit:** Betul ini 13 buah kampung di sempadan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Huh! Tetapi yang 20 kilometer ini daripada Bandaraya Kuching pun tidak ada perkhidmatan untuk telefon bimbit jadi bagaimanalah kita hendak berkomunikasi dengan orang-orang di bandar?

Saya telah pun memohon daripada Telekom Malaysia agar ada *fixed line* untuk disambung ke kampung-kampung yang berdekatan sahaja. Tetapi mereka mengatakan mereka tidak ada duit. Kenapa mereka boleh mendapat subsidi daripada kerajaan dan setiap tahun mereka mengumumkan keuntungan. Jadi, manakah duit ini Yang Berhormat?

Saya ingin tahu kenapa Telekom Malaysia enggan menyambung telefon di kampung-kampung yang berhampiran. Bukan mereka tidak bayar, mereka rela membayar. Minta penjelasan, terima kasih.

**Datuk Ismail Sabri Yaakob:** Susah hendak menjawab kenapa mereka enggan itu. Tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Mambong bahawa dari segi jurang peluang mesti dikurangkan iaitu penduduk luar bandar mesti diberi peluang untuk menikmati kemudahan yang ada, terutama seperti servis telefon dan sebagainya.

Sedikit lagi. Saya ingin menjelaskan, negeri China begitu luas. Tetapi penggunaan telefon sama ada *cellular* dan sebagainya menyeluruh ke seluruh negara. Ada rakan saya, Yang Berhormat bagi Indera Mahkota, dia baru balik daripada negeri China agaknya, dia kata di bawah *tunnel Great Wall* pun boleh dapat *line* dan sebagainya. Itu kena tanya dialah. Tetapi itulah gambaran yang diberi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya membangkitkan perkara ini kerana kita ada Kompleks Rakan Muda. Ini saya bagi contoh, di Kamunting, Taiping. Lima bulan telah pun diserahkan mengambil perbelanjaan RM17 juta. Tetapi sehingga ke hari ini, Kompleks Rakan Muda ini, masih belum digunakan. Apakah Kompleks Rakan Muda ini untuk apa? Rakyat melihat sebuah projek yang begitu besar yang telah didirikan.

Sebab itu saya lihat, macam kita ada *internet* desa sebagai contoh, yang telah diwujudkan oleh Kementerian Komunikasi di setiap kawasan Parlimen untuk menggalakkan lagi penyertaan remaja. Walaupun kita tahu ia terbuka.

Di sinilah kita lihat supaya peranan Kementerian Belia dan Sukan terutamanya supaya hendak menggalakkan *e-government* IT ini dapat berkembang dengan begitu berkesan lagi. Bukan hanya setakat kita seolah-olah tidak begitu konsisten dalam melakukan pendekatan kepada remaja kita. Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri Yaakob:** Saya rasa, saya telah jelaskan tadi dan perbahasan saya lebih kepada soal *internet* dan elektronik *government* dan sebagainya. Jadi, soal Kementerian Belia tadi mungkin saya serahkan pada pihak Menterilah yang menjawabnya.

Saya hendak sambung sedikit lagi mengenai undang-udang perlindungan data yang saya sebutkan tadi. Di dalam APEX *Summit* di Chile pada akhir tahun 2004 telah

pun meluluskan satu *primary frame work*, dengan izin, yang meminta, mensyaratkan ahli-ahli supaya mewujudkan perlindungan data peribadi tadi. Saya ingin bertanya kenapa negara kita masih belum membentangkan undang-undang perlindungan data yang amat penting tadi.

Saya ingin berpindah sedikit kepada undang-undang juga dari segi mengenai perlindungan pengguna. Bank misalnya, *e-banking*, elektronik *banking*. Saya rasa semua pihak sekarang telah pun menggunakan elektronik *banking*. Tetapi sama ada sedar atau tidak sedar bahawa banyak terma di dalam penggunaan *internet banking* adalah terlalu berat sebelah yang tidak melindungi pihak pengguna.

Biasanya, apabila timbul masalah di dalam e-*banking* tanggungjawab adalah akan ditanggung oleh pihak pengguna, bukannya bank. Saya ingin memberi contoh salah satu peraturan yang kita tandatangani sama ada sedar atau tidak. Sebuah bank - Maybank2u.com. Di dalam perjanjian tersebut ada menjelaskan bahawa Maybank Group, dengan izin, '*and each partner shall in no event be liable for any loss and damages house or ever arising*'. Bermakna secara terbukanya, secara jelas pengguna-pengguna menandatangani satu perjanjian yang telah menyerahkan hak sebulat-bulat kepada pihak bank. Jika terjadi apa-apa…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri Yaakob:** …. perkembangan yang merugikan pihak pengguna, pihak bank akan bergantung pada perjanjian yang ditandatangani tersebut. Silakan Santubong dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Yang Berhormat. Inilah kenapa Yang Berhormat saya bangkit. Lepas itu, saya tanya dengan pandangan Yang Berhormat. Saya bangkit dengan pihak kerajaan berhubung dengan pindaan undang-udang ini.

Saya bertanya dengan pihak kerajaan adakah kerajaan hendak meminda dan menubuhkan satu badan yang khusus untuk melihat keperluan undang-undang yang sedemikian? Bukan itu satu sahaja, banyak lagi keputusan, bahkan keputusan mahkamah yang begitu konservatif, yang *protecting* kaedah kepentingan pihak yang

besar-besar macam bank dan institusi-institusi sedemikian, yang tidak memihak kepada pihak *consumer*.

Apa pandangan Yang Berhormat sama ada setuju tidak kita minta pihak kerajaan supaya selidik semula undang-undang, lihat semula supaya tidak begitu sangat memihak kepada yang besar dan *balancing bargaining authority* ini sepatutnya di*create* melalui perundangan daripada dibuat oleh pihak institusi itu sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan mesyuarat]***

**Datuk Ismail Sabri Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya bersetuju bahawa Jabatan Pendrafan Undang-undang kita agak kurang aktif dan saya rasa sependapat dengan Yang Berhormat Santubong bahawa Jabatan Pendrafan Undang-undang kita mesti proaktif dan tidak hanya bertindak setelah timbul masalah perundangan. Tetapi apa yang berlaku apabila timbul masalah perundangan, seperti yang disebut oleh ramai Ahli Yang Berhormat. Apabila timbul masalah digigit anjing barulah Jabatan Pendrafan Undang-undang cuba melihat undang-undang mana yang sesuai.

Apabila timbul masalah alam sekitar misalnya, undang-udang yang ada sekarang ini tidak berat dan tidak menakutkan pihak yang menceroboh. Akhirnya barulah Jabatan Pendrafan Undang-undang mula memerhatikan apakah undang-undang yang paling sesuai. Jadi, saya bersetuju dengan pihak Yang Berhormat Santubong bahawa mesti ada proaktif. Mestilah proaktif bagi pihak pendrafan undang-undang. Saya hendak sebut sedikit lagi Yang Berhormat Larut. *[Memandang ke arah Yang Berhormat Larut]*

Walaupun, di Indonesia, kita selalu sebut Indonesia, ‘semua beres Pak, beres pak’ dan sebagainya. Tetapi Jabatan Undang-undang mereka adalah proaktif. Mereka mempunyai satu jabatan yang khusus yang akan mengkaji, yang akan merubah dan akan meminda ataupun menghapuskan undang-undang yang tidak sesuai. Begitu juga, di negara jiran seperti Filipina, *Thailand* dan sebagainya. Tetapi kita masih lagi belum.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Bera. Saya hendak sentuh tentang *e-banking*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sebenarnya ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, dia signal kepada saya Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya bangun dahulu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya belum tegur lagi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya belum minta lagi. Saya belum benarkan Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Selalu sangat Tuan Yang di-Pertua sudah bagi. Itu saya bangun tanya itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selalu tidak semestilah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya. e-banking. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Selalu Tuan Yang di-Pertua Pemurah. *E-banking*.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tentang *online system* yang begitu baik pada hari ini bagi kemudahan kepada pengguna. Tidak kiralah pengguna ini remajakah, beliakah. Simpanan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat dari segi keselamatan pengguna, tentang keselamatan simpanan pengguna kerana sekarang ini kita boleh guna *internet* untuk mengetahui kedudukan kewangan simpanan kita atau simpanan orang yang menghantar, *transfer*.

Macam katakanlah. Contoh, Indera Mahkota hantar, memindahkan wang simpanan beliau kepada Bera. Bera boleh *check* dalam *internet system* tadi. Cuma saya hendak tahu dari segi keselamatan. Apakah dalam masa *online system* itu, Muar mungkin boleh ketahui berapa banyak yang telah dihantar kepada Bera ataupun Sri Gading menunggu tengok berapa yang telah keluar, masuk.

Ini hendak minta pandangan tentang keselamatan di pihak pengguna. Terima kasih.

**Datuk Ismail Sabri Yaakob:** Terima kasih. Sebenarnya, seperti yang saya sebut tadi bahawa data peribadi kita tidak dilindungi. Sesiapa sahaja boleh meng*access* dan kalau tahu dari segi cara meng*access* data peribadi orang lain, boleh memasukinya dan kita tidak dilindungi.

Jika terjadi kehilangan misalnya, saya hendak sebut pada 17 Februari 2005, di dalam *Metro, News Straits Times* ada melaporkan bahawa seorang pelanggan telah hilang wang sebanyak RM16 ribu yang dibuat melalui transaksi *online banking*. Apabila pegawai bank ditanya, dia akan mengatakan bahawa dia akan menyiasat perkara. Jadi, *remedy* ini tidak jelas sebab seperti saya sebutkan tadi, bahawa kita telah menandatangani satu perjanjian yang berat sebelah tadi bahawa kita telah melupuskan hak kita kerana bank telah mengatakan bahawa apa-apa *liability, lost, damages* dan sebagainya mereka tidak akan bertanggungjawab. Bukan sahaja di May Bank, ada *Clause* 15 OCBC juga begitu, mengatakan OCBC *shall not be responsible for any lost or damages linked by customers.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaacob:** Saya ingat tadi apabila Timbalan Yang di-Pertua masuk dia *start* 20 minit baru tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaacob:** Tidak macam itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, untuk makluman kita, perbahasan untuk dasar ini sehari.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaacob:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri belum dijemput jawab lagi.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaacob:** Okey, akhirnya untuk penggulungan. Selain daripada, saya minta maaf, Yang Berhormat bagi Parit, akhirnya saya hendak sebut sedikit sahaja, satu, dua perkara, iaitu mengenai kelemahan………

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]**: Tidak apalah Yang Berhormat, yang lain boleh bangkitkan semasa di peringkat Jawatankuasa.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaacob:** Saya seorang yang berdisiplin, akur kepada Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terima kasih, satu contoh yang baik.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ramai lagi. Yang Berhormat. Saya terpaksa hadkan masa lagilah. Masa setiap ahli berucap dibenarkan 10 minit. Yang Berhormat bagi Sri Gading sudah tunggu lamakah?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hendak bagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**4.03 ptg**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak kata panjang pun boleh, hendak kata pendek pun boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau macam ini, lima minitlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]* Janganlah, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bersama-sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini tetapi sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya apakah sudah jadi *trend* bahawa rakyat Malaysia ini sudah tidak sayang dia? Orang Melayu sudah tidak sayang Melayu dia? Orang Malaysia, buang nama Malaysia, orang Melayu buang nama Melayu. Tidak tahu apa sudah jadi dunia ini, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tahu? Tuan Yang di-Pertua, dengar saya punya ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tahu saya tidak mahu buat komenlah. Saya kena adillah. Cakap tahu pun tidak boleh, cakap tidak tahu pun tidak boleh. Lebih baik saya tidak mahu cakap.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okey, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan ucapan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dahulu terkenal dengan Telekom Malaysia. Tiba-tiba hilang Malaysia jadi TM *(Talk Much).* Saya tidak fahamlah, Tuan

Yang di-Pertua, syarikat-syarikat sudah untung besar, sudah begitu lama dengan nama Malaysia, tanpa segan silu tukar nama Malaysia, gugurkan nama Malaysia. Ini apa hal, Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia ini? Saya hendak tanyalah, apakah CEO yang baru jadi bangga buang nama Malaysia. Ya! Mungkin alasan masuk dalam perniagaan antarabangsa. Kalau pun masuk dalam perniagaan antarabangsa, apakah perkataan Malaysia itu menjadi satu kehinaan kepada Telekom? Ini apa benda, jadi rakyat Malaysia ini, tidak bangga ke dengan perkataan Malaysia? Juallah, juallah nama Malaysia, apa salahnya biar orang kenal nama Malaysia.

Ini gugurkan. Hendak jadi apa, Tuan Yang di-Pertua? Saya tidak tanya, Tuan Yang di-Pertua, cuma saya bertanya bercakap dengan Tuan Yang di-Pertua. Hendak jadi apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya pun hendak tengok sama ada Yang Berhormat berhadapan dengan saya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak tunggu Menteri yang jawab, macam mana? Dia membela Malaysia atau tidak, hendak tengok. Nanti adalah alasan membenarkan menghalalkan, kena digugurkan Malaysia. Telekom Malaysia gugur, jadi TM (*Talk Much*) Cakappppppp cakap, dia suruh kita cakap panjang-panjang pasal dia dapat untung besar. Tetapi *line* dekat kampung-kampung tidak juga ada. Saya hendak supaya rakyat Malaysia cinta kepada Malaysia, orang Melayu cinta kepada Melayu. Ini bukan soal perkauman, ini soal

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat bagi Sri Aman. Okay! Aman saya.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Pada dua, tiga minggu yang lepas kita riuh rendah hendak memberi jenama Malaysia, *branding* Malaysia. Jadi, saya sudah keliru, apa terjadi sekarang?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pasal ramai rakyat Malaysia khianati negara dia sendiri. Itu sahaja jawapannya. Tidak sayang nama Malaysia. Orang hendak buat nama ini, Yang Berhormat bagi Jerai, buat bubur merah bubur putih, hendak sesuaikan. Ini buang - Astaqfirullahhalazim. Okaylah, Tuan Yang di-Pertua. Hendak masuk yang kedua, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh

pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam yang mengatakan bahawa peruntukan RM2.4 bilion untuk 26 projek bagi merancakkan kegiatan ekonomi dalam negara yang dilihat dan dirasai begitu murah.

Jadi, dengan suntikan RM2.4 bilion untuk 26 projek ini, Perdana Menteri berharap, ini bukan kata saya, Tuan Yang di-Pertua, kata Perdana Menteri, Perdana Menteri berharap kerancakan ekonomi kita akan dapat dipulihkan semula.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okey, Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya turut sama berkongsi dengan Yang Berhormat mengenai RM2.4 bilion. Tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat, yang kering sekarang ini ialah rakyat jelata, kontraktor kecil, kontraktor kelas F, orang kampung. RM2.4 bilion ini sebenarnya untuk 26 projek, mungkin mega, mungkin semi mega, tetapi tidak untuk kontraktor kecil. Saya tidak tahulah, saya tidak faham. Saya hendak minta Yang Berhormat tolong jelaskan, apakah dengan turunnya RM2.4 bilion ini, akan basahlah kekeringan itu di kampung-kampung.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sebenarnya dalam ayat berikut saya, soalan Yang Berhormat bagi Ketereh akan dapat saya jawab. Kita sokong untuk RM2.4 bilion, 26 projek mungkin megalah. Kalau RM2.4 bilion bahagi 26 pun memang mega, projek mega. Tidak pedulilah, kita sokong. Cuma saya hendak mencadangkan, siapa hendak dengar ini. Saya hendak mencadangkan dan harap diluluskan olong bagi RM 2 bilion, peruntukan RM2 bilion lagi, jadi RM4.4 bilion. RM2 bilion ini *diecer-ecer.* Apa ini, tidak faham? *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Bahasa Kelantankah itu, *ecer*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *Diecer-diecer* ini cakap Jawalah, di bahagi-bahagilah, diagih-agihkan, Tuan Yang di-Pertua. Diagih-agihkan kepada semua Parlimen, kalau boleh dapat satu Parlimen RM10 juta, buat jalan kampung. *[Tepuk]* Bukan sahaja jalan kampung boleh selesai, malahan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh, basahlah bumi Malaysia, kontraktor-kontraktor kelas ‘F’ dapat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Nanti sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, hanya ada lagi dua setengah minit.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Janganlah, Tuan Yang di-Pertua. Nafas saya baru hendak naik sedikit. Tolonglah bagi saya. Ini untuk rakyat. Kalau kita bagi kontraktor 'F' dapat, duit itu tersebar ke seluruh negara, jalan kampung kita selesai, warung kita hidup, teksi kita hidup, kedai makan kita hidup, kedai runcit kita hidup, macam-macam hidup, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Apa pula Yang Berhormat bagi Sri Aman ketawa, macam-macam hidup. Apa makna hidup? Ialah……

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Assalamualaikum. Yang Berhormat bagi Sri Gading, jiwa Yang Berhormat adalah jiwa rakyat. Perjuangan Yang Berhormat untuk rakyat, begitulah juga kami di sini. Syukur RM2.4 bilion akan mengalir di bumi Malaysia ini. Saya hendak Yang Berhormat setuju atau tidak setuju dengan saya kalau bagi kepada 26 syarikat, saya nampak hak syarikat besar itu dia senang, tetapi kita ingat dahulu kerajaan biasa berkata bahawa gunakanlah Konsep Payung. Bermaknanya projek itu turun, turun, turun, sampai ke bawah.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi. Bermaknanya Mak Long Timah yang dok buat cekodok pun boleh cari makan. Yang hak goreng pisang pun boleh cari makan. Jadi saya hendak supaya projek-projek ini jangan kita dok bagi syarikat-syarikat besar, hak yang dok kaut keuntungan sahaja dan keuntungan itu tidak dibahagi kepada yang di bawah. Dia kena bagi keseluruhan. Sedikit sama-sama sedikit, banyak sama-sama banyak, kecil sama-sama kecil, besar sama-sama besar. *[Ketawa]* Jadi Yang Berhormat bersetuju atau tidak bersetuju dengan saya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Besar sama besar itu, setujulah. Tuan Yang di-Pertua, jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat bagi Jerai betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Betul? Cukuplah masa Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Nantilah dahulu, Yang Berhormat, sedikit lagi, sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa sudah cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya lima minit sahaja. Lima minit, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya *salute* Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertualah seorang Yang di-Pertua yang baik hati, yang memang bertimbang rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang manis punya tidak payah ceritalah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okey, okey, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Terutama kepada jalan-jalan di Sarawak *[Disampuk]* *[Tepuk]* dan di Sabah. Sarawak *special*, Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak lama lagi akan ada pilihan raya peringkat negeri. Jadi kalau sudahlah kontraktor kita dapat, orang Sarawak dapat, masalah rakyat kampung yang selama ini dapat diselesaikan, yang pertama.

Yang kedua, saya hendak tanya, waktu pilihan raya Sarawak yang lalu, pilihan raya negeri, saya ada, Tuan Yang di-Pertua. Banyak janji pemimpin kita yang masih belum ditunaikan. Ambil contoh, saya pergi bersyarah di hadapan 3,000 orang, Tuan Yang di-Pertua, di Kampung Beladin, untuk menunggu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu, Pak Lah, untuk merasmikan sebuah masjid. Sampai sekarang masjid itu belum ditunaikan, belum dibangunkan. Pilihan raya akan datang.

Saya bertanggungjawab, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, apa jadi kepada pegawai-pegawai? Apa jadi kepada pemimpin-pemimpin punya janji? Adakah tidak ada catatan? Kalau begitu lama-lama pemimpin bercakap bohong. Saya bertanggungjawab pasal saya bersyarah dekat dua jam, hendak menunggu Pak Lah sampai depan 3,000 orang, hendak meyakinkan orang untuk merasmikan tapak masjid di Kampung Beladin, hari ini belum ada. Pilihan raya akan datang, bagaimana hendak jawab?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat. Yang Berhormat, memang saya minta sebab saya terpaksa selesaikan perbahasan sekejap lagi untuk Menteri sendiri datang menjawab.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu saya patuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hanya benarkan dua Ahli Yang Berhormat berucap setiap seorang 10 minit. Yang Berhormat bagi Kepong.

**4.14 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan singkat. *[Disampuk]* Tidak boleh dua minit. Di sini pada mulanya saya hendak mengucapkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membenarkan "Al-Kitab" di dalam bahasa Malaysia tetapi dengan catatan "Bukan Untuk Orang Islam". Ini memang satu langkah yang baik, yang pertama

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lepas saya ada dengar Yang Berhormat Menteri Kerja Raya menjawab 25 soalan saya tetapi tidak menjawab dengan betul.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkasnya, ini seolah-olah Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak berminat langsung untuk menyaksikan kerja-kerja yang dibuat di Hospital Temerloh dibuat dengan betul. Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya, *residue current device* (RCD), ini penting di semua hospital moden, sangat penting, tetapi tidak dipasangkan. Walhal Yang Berhormat Menteri kata dia pasang. Tidak dipasang langsung dan tidak ada *shop drawing*, tidak ada *as-built drawing*, tidak ada *quality assurance and quality control accuracy* dan sebagainya dan tidak ada *built of quantity* (BQ).

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mewujudkan satu jawatankuasa bebas untuk menyiasat Hospital Temerloh dan juga hospital-hospital yang lain termasuklah Hospital Pandan dan Hospital Sultan Ismail di Tebrau. Ini memang satu perkara yang perlu dibuat kerana bukan sahaja RCD tidak dipasang bahkan juga *standby generator* tidak ada *synchronizing test* dan sebagainya dan juga jalan-jalan di sekitar hospital itu kebanyakannya dibuat dengan batu kapur, bukan granit seperti di dalam kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak tahu untuk QAQC sama ada ada *organization*, ada kakitangan, ada rekod, ada *schedule*, ada format, ada sistem ataupun tidak. Dan kemudian kita tidak nampak ada ujian untuk hawa dingin, tidak ada. Sebelum *Certificate of Practical Completion* (CPC) diluluskan, adakah semua ini dibuat? Dan juga adakah ujian untuk gas-gas perubatan, *medical gases* seperti oksigen? Adakah ini dibuat?

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, helipad itu begitu aneh binti ajaib, aneh binti ajaib. *[Disampuk]* Tidak tahulah perempuan atau lelaki, susah itu.

**Seorang Ahli:** Binti, perempuanlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Di sekeliling helipad itu ada hospital yang tinggi bangunannya, di sebelahnya ada hostel dan sebelah itu ada jalan-jalan dan tempat letak kereta, di situlah letaknya helipad. Ketua Pengarah JKR, dia pandu helikopter sendiri untuk mendarat pada 18 Oktober tahun lepas seolah-olah dia buat ujian untuk diluluskan helipad itu

Dengan inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri dapat menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyiasat. Untuk *extension of time* (EOT) sudah diluluskan pada 7 Disember 2004 kerana dikatakan masalah bomba dan sebagainya, saya pun tidak tahulah sama ada bomba bermasalah ataupun JKR yang bermasalah, tidak tahu, tidak tahu.

Kita hendak tahulah sebab apa CPC diluluskan pada 15 Januari 2004 dengan tidak ada senarai kerja-kerja yang belum disiapkan termasuklah CO2 *fire fighting system* tidak dipasang untuk satu stesen, untuk *generator house*, untuk *switch rooms* dan yang paling aneh sekali, kita ada *transfer of technology* (TOT) - pemindahan teknologi, lawatan Ketua Pengarah JKR dengan isteri dan beberapa orang pergi ke London dan ketua pengarah itu berada dengan Yang Berhormat Menteri.

Kemudian isteri dan juga beberapa orang pergi ke Milan, pergi ke Venice, pergi ke Rome. Pergi ke Milan itu untuk *shopping*...

**Seorang Ahli:** Cerita lamalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ...untuk melancong dan sebagainya. *[Disampuk]* Kemudian pihak Projek Hospital Temerloh Sdn. Bhd., (PHTSB) dia buat tuntutan - *claim* kepada JKR pada bulan Julai dan Ogos. Berapa *claim* yang dibuat? Yang Berhormat bagi Jerai mesti mengambil perhatian. TOT kita...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita tidak ada masa, saya belum habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai bangun, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Benda yang tidak betul boleh diperbetulkan, Yang Berhormat ya.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tetapi bagi fakta-fakta yang benar.

**Seorang Ahli:** Dah diam!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang. Saya mesti ada siasatan satu Jawatankuasa untuk menyiasat semua ini dan saya berharap lah pihak kementerian boleh menjawab 25 soalan saya dengan tepat kerana yang dijawab pada dua, tiga minggu yang lepas itu tidak lengkap. Tidak lengkap dan Tuan Yang di-Pertua jadi seterusnya kerana ada lima minit lagi,……………

**Seorang Ahli:** Sepuluh, sepuluh minit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, sepuluh minit lagi dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak adalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak adalah. Tidak ada, sepuluh lagi dah. Saya pun setuju lah tidak ada.. Tuan Yang di-Pertua…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa yang duduk, bila masa sampai saya minta Yang Berhormat duduk ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, baik, baik. Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa dengan izin Tuan Yang di-Petua, "*I have directed the Ministry of Higher Education to develop a system of ranking Malaysia's Institute of Higher Learning both public and private. It is hoped that by ranking them, healthy competition between the institutions would be fostered, thereby motivating them to improve the quality of teaching, research and so forth conducted, and look forward to seeing the information on ranking of public learning institutes becoming available soon.*"

Saya setuju kita mesti ada satu *ranking* untuk semua ini tetapi sebelum saya mengakhiri ucapan yang penting sekali termasuklah Universiti Malaya. Yang penting sekali kita mesti ada profesor-profesor yang *world class.* Kerana 15 tahun lagi kita akan mencapai satu tahap sebagai negara maju, kalau hendak mencapai negara maju universiti-universiti kita mesti mencapai satu tahap yang tinggi juga. Untuk mewujudkan universiti-universiti mempunyai *standard* yang tinggi yang pertama kita perlukan profesor dan pensyarah yang bertaraf tinggi.

Yang kedua kita mesti ada pelajar-pelajar bertaraf tinggi. Kalau dia hendak masuk universiti dia mesti mencapai satu *standard*, kalau tidak capai satu *standard* boleh dia duduk kolej, kita banyak kolej. Itulah yang dibuat. Kalau profesor dan pelajar mencapai tahap tinggi kita akan ada *higher university* yang mencapai tahap yang tinggi, dan kemudian kita mesti ada kewangan yang cukup, kewangan yang cukup kerana kita nampaknya wang yang diberi kepada universiti tidak cukup. Kalau kita hendak adakan….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cukup dah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang banyak lagilah kemudahan-kemudahan mesti cukup, wang peruntukan mesti cukup dan masa pun cukup. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jasin lima minit.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lima minit ha?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Lima minit Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama untuk Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan ini. Saya sedih Tuan Yang di-Pertua, pembangkang ini bila cakap daripada ketua pembangkang dia termasuk dua, tiga orang ini seolah-olah negara kita ini apa? Ini yang dikatakan oleh Sri Gading kawan saya, dalam Dewan ini pun kita tidak tahu hendak berterima kasih dan tidak tahu hendak menjaga nama baik negara kita ini semua tidak betul, walhal kita tahu negara kita

Saya hendak bagi tahu pembangkang, negara kita ini baru merdeka 48 tahun. Mana ada negara macam Malaysia ini yang pada hari ini menjadi *Trading Nation* nombor 18 dalam dunia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Duduk dulu, tidak ada masa. Kita sudah maju sekarang ini tinggal lagi kita perlu Tuan Yang di-Pertua sedikit *fine tuning* sahaja. Tidaklah buruk sangat macam mana digambarkan oleh pembangkang, dan lebih-lebih lagi pada hari ini ada di kalangan orang pembangkang pula sanggup pergi keluar negara memburuk-burukkan negara kita.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Betul ke ini? Patutnya dia orang Tuan Yang di-Pertua kita seret pergi ISA dulu. Yang Berhormat Datuk, yang penting pada kita ini ISA kita akui kita ini bukan betul semua, yang betulnya kita bukan malaikat. Kita manusia biasa menteri manusia biasa, Ahli Parlimen manusia biasa yang penting *fine tuning* sahaja. *Fine tuning* ini Tuan Yang di-Pertua kita pun hendak kena jaga juga kerana akhir-akhir ini kita lihat kita banyak menswastakan syarikat-syarikat kita pada swasta.

Tetapi malangnya, apabila kita swastakan sepatutnya menguntungkan negara dan menguntungkan rakyat tetapi ada Tuan Yang di-Pertua, ada juga syarikat-syarikat penswastaan yang kita beri kepada orang-orang biasa tetapi merugikan, merugikan rakyat. Sebagai contoh, West Port. Hari ini wah, kalau tengok di dalam surat khabar dengan iklan dia "West Port Cemerlang" tapi untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kalau dulu di West Port itu pekerja-pekerja dia, orang-orang tempatan orang-orang Melayu juga di Kelang pun bekerja situ. Hari ini pergi tengok…..

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Tidak bercakap di Kelang pada hari ini Pulau Indah sudah jadi pulau India, minta maaf kawan saya. Orang daripada India diambil Tuan Yang di-Pertua, pekerja asing diambil untuk bekerja di West Port anak tempatan hilang begitu sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Mungkin kerajaan untung, tetapi anak tempatan hari ini, pekerja-pekerja dekat West Port yang dulu membuat kerja memunggar *stevedoring* pada hari ini, hari ini dah jadi nelayan Tuan Yang di-Pertua, dan yang datang gantikan dia adalah pekerja-pekerja asing yang dibawa daripada India. Itu satu. Ya, Jerai, dah la lima minit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, mustahak pasal West Port ini. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa untuk memutarkan pemandangan kita, boleh dikatakan separuh kontena-kontena yang ada di West Port itu adalah kontena kosong yang hendak menunjukkan seolah-olah West Port ini begitu banyak barang-barang yang masuk. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa boleh dikatakan semua kerja-kerja itu tidak diturunkan kepada syarikat-syarikat bumiputera.

Malah pengerusi West Port itu sendiri telah memperalatkan West Port untuk mengaut keuntungan dan tidak langsung memanfaatkan rakyat-rakyat di Malaysia. Terima kasih, Yang Berhormat setuju tidak dengan saya?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih sahabat saya Jerai, saya setuju sangat. Kadang-kadang bila menteri tidak turun ke bawah jadi CEO-CEO ini bagi angin syurga sahaja. Dengan iklan-iklan dia dalam TV yang mega ini banyak kontena, kadang-kadang kontena kosong yang dia susunkan kita pun tidak tahu. Ini yang jadi masalahnya dan kita berharap Kementerian Kewangan ataupun Menteri Pengangkutan saya berharap supaya menyiasat sehabis-habisnya West Port ini dan kita kena tengok kebenarannya.

Kerana pada hari ini jelas dilihat bahawa kebanyakan daripada orang-orang tempatan orang-orang Melayu khususnya yang dulu bekerja dekat West Port, yang buat kerja *stevedoring* , yang buat kerja-kerja *lashing* dan sebagainya pada hari ini tidak mempunyai tempat langsung dekat West Port, ini menyedihkan kita. Orang-orang kita pada yang dulunya buat kerja mempunyai pengalaman lebih 30 tahun, 40 tahun dalam pelabuhan tetapi apabila dia diswastakan tidak mempunyai tempat langsung Tuan Yang di-Pertua di pelabuhan West Port ini.

Oleh demikian saya berharap satu penyiasatan yang rapi oleh Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Pengangkutan kita tak mahu besok West Port menjadi perwaja nombor dua dekat Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua oleh kerana masa itu saya tengok Tuan Yang di-Pertua pun dah pandang saya, saya menghormati Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian Tuan Yang di-Pertua memanggil saya untuk bersama-sama ini. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sama-sama terima kasih. Yang Berhormat Menteri sila jawab.

**4.29 ptg**

**Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalammualaikum w.b.t. Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan Kedua 2004/2005 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 2004 di Dewan yang mulia ini dan telah memberi cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam Rang Undang-undang tersebut.

Saya akan menjawab soalan-soalan dan berusaha menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Mana-mana perkara yang tidak dapat saya menjawab pada petang ini suka saya memaklumkan bahawa perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberi bagi menangani perkara tersebut.

Antara Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini ialah Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Kota Bharu, Santubong, Kinabatangan, Jerai, Pengkalan Chepa, Bera, Kepong dan Jasin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tentang peranan Parlimen. Ada kenyataan yang telah dibuat bahawa kerajaan khasnya pihak eksekutif menganggap Parlimen, Dewan Rakyat sebagai *rubber stamp*. Ini memang tidak benar langsung. Kerajaan dan pihak eksekutif tahu dan sedar tentang peranan eksekutif, peranan legislatif dan juga peranan *judiciary*, dengan izin. Tiap-tiap bahagian kerajaan ada peranan masing-masing.

Tentang isu bajet, saya ingin memberi sedikit penjelasan tentang proses dan kaedah bajet supaya tidak timbul kekeliruan dan anggapan bahawa Parlimen, Dewan Rakyat dianggap sebagai *rubber stamp*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentukan bajet, dalam proses bajet bagi sesuatu tahun, bajet disediakan pada tahun sebelumnya. Bagi Bajet 2004, kerajaan menyediakan peruntukan dan cadangan bajet dalam tahun 2003 dan biasanya pada bulan September atau Oktober, kerajaan membawa cadangan ke Dewan yang mulia ini, membentangkan cadangan dan Dewan yang mulia ini memberikan kelulusan selepas perbahasan. Itu dalam tahun 2003 untuk tahun 2004. Memang dalam praktis, bajet diwujudkan, dibentuk berasaskan kepada beberapa anggapan dan seperti biasa di dalam mana-mana keadaan pun, anggapan ialah anggapan dan dengan izin, *reality on the ground* adalah berlainan.

Jadi, dalam tahun 2004 dan dalam bulan September, kerajaan telah membawa *Supplementary Budget* ke Dewan yang mulia ini dan *Supplementary Budget* itu dibentangkan untuk mendapat kelulusan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk perbelanjaan yang belum dibelanjakan, memang belum dibelanjakan dan kerajaan meminta kelulusan dalam bulan September untuk mendapat tambahan ataupun membuat penyelarasan dan Dewan yang mulia ini telah pun memberi kebenaran dan kelulusan. Itu dalam bulan September 2004 untuk perbelanjaan 2004. Pada hari ini kita membawa *Supplementary Budget* yang kedua bukan untuk meminta tambahan yang banyak, bukan. Saya ingin juga memberi butiran untuk memberi penjelasan tentang maksud dan tujuan *Supplementary Budget* yang kedua. Dalam *Supplementary Budget* yang kedua, jumlah perbelanjaan pengurusan yang terlibat ialah RM15 bilion. Ini tidak bermaksud kita hendak membelanjakan RM15 bilion, memang tidak. Dari RM15 bilion yang terlibat dalam perbelanjaan pengurusan, RM8 bilion merupakan pemindahan dari perbelanjaan pengurusan kepada perbelanjaan pembangunan.

Pemindahan ini wujud sebab kerajaan begitu berhemat, begitu *prudent* dengan izin dalam perbelanjaan. Pemindahan RM8 bilion ini wujud sebab hasil kerajaan dalam tahun 2004 melebihi perbelanjaan sebanyak RM8 bilion. Ini satu perkara yang harus dibanggakan oleh setiap rakyat sebab kerajaan memastikan bahawa perbelanjaan

pengurusan kurang, tidak lebih dari hasil, malah kurang dari hasil dan kelebihan RM8 bilion itu dipindahkan pada perbelanjaan pembangunan, itu satu. Itu dari RM15 bilion...

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat. Dalam proses penyediaan bajet tadi, supaya jangan timbul lagi soal-soal seperti yang dikatakan Parlimen ini sebagai *rubber stamp*, bolehkah ditimbangkan satu proses seperti selepas draf bajet dibuat, draf ini dibuat oleh pegawai-pegawai kemudian dibentangkan dalam Jemaah Menteri. Sebelum itu, bolehkah ditimbangkan supaya misalnya daripada Kelab BBC dibentangkan kepada perwakilan Kelab BBC itu untuk apa yang hendak ditambah dan diubah sebelum dibentangkan kepada Dewan ini. Bila dibentangkan kepada Dewan ini, kita tidak boleh buat apa, kita bercakap sahaja. Jadi kalau BBC di sana ada peranan sebelum draf itu dimuktamadkan, saya rasa tidak timbul. Boleh?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Isu ataupun perkara yang saya ingin menegaskan ialah perkara ini tidak melibatkan perbelanjaan sebab RM8 bilion yang timbul ini ialah sebab kerajaan membelanjakan kurang dari hasil dan ini merupakan satu penjimatan, satu *saving* dengan izin, yang kita masukkan, yang kita pindahkan ke tabung pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, dari baki RM1.7 bilion merupakan pembayaran balik pinjaman. Bukan perbelanjaan untuk projek-projek, pembayaran balik pinjaman. Saya ingin memberi sedikit penjelasan tentang pembayaran balik pinjaman ini Tuan Yang di-Pertua. Di banyak negara khasnya negara-negara membangun, kerajaan negara-negara membangun tidak dapat membayar balik pinjaman mengikut jadual, jadi banyak negara kita tahu, kita baca dalam *paper*, kita tahu bahawa negara-negara ini meminta peminjam-peminjam khasnya peminjam luar negeri termasuk IMF, termasuk World Bank untuk menjadualkan kembali, untuk membuat satu jadual baru supaya mereka dapat membayar balik kemudian sebab tidak mampu membayar balik, itu satu.

Ada juga negara-negara yang kita tahu, kita baca dalam surat khabar, kita tengok dalam CNN yang minta peminjam-peminjam untuk melupuskan atau untuk menghapuskan pinjaman. Mereka meminta *debt forgiveness* ataupun *debt relief* dengan izin. Tetapi negara kita berlainan. Negara kita merupakan satu negara yang unik di

antara negara-negara yang membangun sebab kita bukan sahaja membayar balik hutang mengikut jadual, kita pernah dan selalu membayar balik hutang sebelum tarikh tempoh. Kita *prepay* dan saya sendiri dalam tahun 80-an, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak ceritakan sedikit sebab kadang-kadang kita tidak sedar tentang kelebihan negara kita sendiri.

Dalam tahun 80-an kerajaan telah memulakan proses membayar balik pinjaman sebelum jadual, *prepayment* dan itu adalah satu perkara yang jarang dilakukan di mana-mana negara termasuk negara yang sudah membangun atau negara yang sedang membangun. Semasa kita mula membuat pembayaran balik pada hujung tahun 80-an, saya adalah di antara pegawai kerajaan pada masa itu yang telah pergi ke merata tempat untuk berunding bagi membayar balik pinjaman, *prepayment* dan banyak bank telah bersetuju.

Semasa kita pergi ke Jepun untuk membayar balik, untuk *prepay Yen credit*, pihak bank Jepun tidak bersetuju. Pihak bank Jepun kata, Malaysia tidak boleh *prepay,* tidak boleh membayar balik pinjaman lebih cepat dan lebih awal daripada jadual. Kita pun tanya sebab apa kita tidak dapat bayar balik. Dia kata sebab dalam jadual pembayaran balik, jadual pinjaman, tidak ada *clause*, tidak ada peruntukan untuk membolehkan kita membayar balik.

Jadi, saya terangkan kepada pegawai bank, bahawa sungguhpun tidak ada *clause,* apa salahnya kita membayar balik lebih cepat sebab untuk pihak bank ia satu keuntungan kerana pinjaman dibayar balik lebih awal. Tetapi dia kata dia tidak mahu kita membayar balik lebih awal kerana suka nama Malaysia kekal dalam senarai dia. Sebab dia kata Malaysia ini satu negara yang begitu dihormati dan suka kerana dia bangga dengan nama kita kekal dalam senarai dia. Akhirnya, kita tidak dapat membayar balik dan bila saya balik saya ceritakan kepada bos saya pada masa itu, arwah Tan Sri Jaafar Hussin, pada masa itu Gabenor Bank Negara dan ........

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tak habis ya?

*[Dewan gamat seketika]*

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Saya hendak habiskan sikit lagi. Saya ceritakan kepada arwah Tan Sri Jaafar Hussin, dan dia begitu terharu dengan cerita dan begitu terharu tentang penghormatan yang diberi kepada negara-negara lain, kepada bank-bank lain kepada Malaysia dan air mata dia mengalir. Ini cerita benar, ikhlas, arwah dan dia sudah pun meninggal. Ini satu kelebihan Malaysia, kadang-kadang kita dalam menyebut begitu banyak perkara tentang Malaysia.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat menangis atau tidak?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Kita pun menangislah, bos kita menangis takkan kita tidak menangis.

*[Ketawa]*

Tapi yang penting arwah bos saya menangis, isu dan moralnya ialah negara kita banyak kelebihan. Tuan Yang di-Pertua, balik kepada budget ini, RM1.7 juta, ini bukan kita belanja untuk projek tetapi kita bayar balik pinjaman, itu satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang daripada beberapa segi membayar balik hutang, kita memang ada sedikit kelebihan.

**Seorang Ahli:** Terima kasih, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dan juga di dalam banyak perkara termasuk hubungan dengan Indonesia pun kita ada sedikit kelebihan. Walau bagaimanapun, kita mintalah penjelasan kerana 26 projek yang disebutkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan belanja RM2.4 bilion ini, Tuan Yang di-Pertua, memang ia satu untuk pembangunan, adakah ini dimasukkan di dalam pinjaman juga?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh tentang perkara ini, perkara ini saya anggap penting tetapi saya akan menjawab soalan ini sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dari RM15 bilion, RM3 bilion ialah untuk membayar balik cukai yang telah dikutip oleh kerajaan yang merupakan cukai yang terbayar, *extra payment.* Ada syarikat di Malaysia, ada individu, ada rakyat Malaysia yang telah membayar cukai tetapi mengikut pengiraan, mereka telah terbayar. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, itu adalah satu amanah, itu bukan duit kita, itu duit

rakyat, itu duit syarikat dan di mana-mana negara pun satu kerumitan, satu kesulitan yang selalu disebut dan dihadapi oleh rakyat ialah bila mereka bayar cukai, kerajaan menyuruh mereka bayar cukai dengan cepat dan jika tidak membayar dengan cepat, mereka akan didenda. Tapi bila mereka terbayar cukai lebih dari yang patut dibayar, kerajaan mengambil masa begitu lama untuk membayar cukai. Tapi kita di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, RM3 bilion daripada RM15 bilion ialah untuk membayar balik cukai yang terbayar. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, RM1 bilion dari RM15 bilion dalam baki itu ialah untuk membayar gaji. Selalu bila kita membuat peruntukan, kita kadang-kadang tidak memberi peruntukan yang cukup untuk bonus tapi dalam tahun 2004, kerajaan telah memberi penekanan kepada perkhidmatan, sumbangan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan kerajaan telah membuat keputusan yang memang disokong oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, kebanyakan kakitangan kerajaan adalah mereka yang berpendapatan rendah, RM800, RM900, gaji yang memang tidak mencukupi dalam keadaan sekarang.

Kerajaan telah membuat keputusan untuk membayar bonus yang lebih sedikit kepada kakitangan kerajaan dan ini merupakan RM1 bilion daripada RM15 bilion. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, RM15 bilion yang dibentangkan hari ini, bukanlah untuk perbelanjaan, hanya untuk pindaan, membayar balik pembayar cukai yang telah terlebih bayar dan juga untuk membayar balik pinjaman, itu satu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dari segi perbelanjaan pembangunan yang nilainya disebut dalam pembentangan kita hari ini ialah lebih kurang RM600 juta, kurang dari RM600 juta. Jumlah ini telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dalam jumlah RM170 bilion dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Ini termasuk dan telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Kerajaan pada mulanya bercadang untuk membelanjakan jumlah ini pada tahun 2005 tetapi memandangkan pentingnya kerajaan memberangsangkan ekonomi dalam tahun 2004, kerajaan telah mempercepatkan perbelanjaan pembangunan sebahagian dari tahun 2005 kepada 2004, itu sahaja.

Tetapi jumlah RM170 bilion telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Saya ingin juga memberikan sedikit penjelasan perkara

yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa tentang defisit. Jumlah yang dibentangkan pada hari ini tidak merupakan jumlah yang menambah defisit. Defisit kita pada tahun 2002 ialah 5.6%, defisit pada tahun 2003 ialah 5.3%, defisit pada tahun 2004, *target* kita ialah 4.5% tapi pencapaian kita ialah dapat mengurangkan defisit kepada 4.3%, lebih dari objektif. Untuk tahun ini, insya-Allah, objektif kita ialah untuk mengurangkan budget ke tahap 3.8% dan kemudian kita akan menurunkan lagi. Jumlah-jumlah perbelanjaan tidak berubah, masih 118 dan jumlah hasil tidak berubah, jumlah perbelanjaan tidak berubah dan jumlah defisit masih 4.3%.

Jumlah-jumlah yang kita sebutkan hari ini untuk dalam *supplementary budget* merupakan perpindahan dalam rangka yang sama. Tentang isu sama ada bajet itu harus merupakan satu *surplus* bajet ataupun satu defisit bajet ini adalah satu polemik - satu perkara yang banyak dibahaskan di seluruh negara. Bagi kita di Malaysia perkara *surplus* bajet ataupun defisit bajet tidak merupakan satu ideologi. Kita tidak mempunyai satu ideologi bahawa *surplus* bajet ialah satu perkara, satu isu atau satu kaedah yang lebih berfaedah berbanding dengan defisit bajet ataupun defisit bajet lebih berfaedah atau lebih menguntungkan kita berbanding dengan *surplus* bajet.

Bagi kita surplus bajet ada tempatnya dan ada waktunya dan defisit bajet pula ada tempatnya dan ada waktunya. Dalam masa kesusahan, dalam masa kita menghadapi tekanan seperti pada tahun 1997, 1998 dan 1999 di mana *private sector* tidak begitu mempunyai keyakinan - tidak begitu yakin untuk melabur, kerajaan perlu memainkan peranan sebagai agen proaktif dan kerajaan kena membelanjakan lebih untuk memberangsangkan ekonomi. Itu tugas kerajaan dan kalau sekiranya kerajaan tidak berbuat demikian, kerajaan itu tidak boleh dianggap sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan memang kita ini sebuah kerajaan yang bertanggungjawab.

Jadi pada masa kita susah, pada masa kita menghadapi begitu banyak cabaran; cabaran-cabaran bukan sebab kita lemah sebab cabaran-cabaran ini timbul dari faktor-faktor antarabangsa dan juga timbul berasaskan kepada manipulasi dan spekulasi oleh penjahat - *speculator currency*, *speculator stock market* yang bertujuan satu untuk mendapatkan keuntungan dan satu lagi untuk menjatuhkan kerajaan negara kita. *So*, dalam keadaan sedemikian memanglah kita sebagai kerajaan kena belanja lebih dan kerajaan telah pun memulakan defisit bajet.

Sekarang apabila kebanyakan masalah-masalah telah pun diatasi dan kita dalam satu keadaan yang boleh dianggap juga sebagai keadaan selesa kita mula menurunkan defisit.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** *[Bangun]*

**Datuk Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Kita telah pun membuat komitmen dan kita berpegang kepada komitmen yang telah kita beri untuk mengurangkan defisit dari 5.6% sehingga sekarang 4.3%.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** .....dan tahun ini insya-Allah 3.8%.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dungun dan Beluran. Mana satu Yang Berhormat?

**Datuk Ronald Kiandee:** Beluran.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih. Dungun dahulu, Dungun lebih dekat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Okey, okey.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tan Sri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita berterima kasih dan memandang tinggi di atas keupayaan kerajaan kita di dalam menguruskan kewangan. Tetapi oleh kerana dalam suasana sekarang ini kita melihat masih ada masalah utama apabila kita melihat apa yang dipanggil graduan menganggur, ada sesetengah mengatakan hampir 80,000 orang di mana yang ijazah sahaja sebanyak 18,000 orang.

Malah di mana-mana agensi kerajaan, jabatan dan badan-badan berkanun boleh dikatakan tiap-tiap jabatan, tiap-tiap kementerian dan tiap-tiap unit masih tidak diisi jawatan mereka. Katanya adalah kerana kawalan yang begitu ketat oleh Kementerian Kewangan dan pendekatan yang dibuat oleh JPA ini tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara khususnya.

Soalan saya ataupun memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah kesannya sekiranya seluruh graduan ijazah ini dan juga yang diploma serta SPM, apakah satu ketika dahulu kita melihat kerajaan apabila melihat

masalah kritikal seperti ini kerajaan menjalankan gerakan Isi Penuh jawatan-jawatan. Jadi keperluan agensi kerajaan sama ada di badan berkanun memang kita memerlukan kakitangan-kakitangan tapi dalam masa yang sama kita juga ada *surplus* dengan izin graduan menganggur dan generasi muda kita yang sekarang ini sukar untuk mendapat pekerjaan. Apakah kerajaan bersedia dengan keupayaan kewangan yang ada pada negara kita supaya kerajaan menyegerakan satu program Isi Penuh rakyat kita yang berkelayakan ini. Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar dalam tahun-tahun kebelakangan ini kadar pengangguran telah meningkat dan jumlah penganggur yang mempunyai ijazah merupakan satu bilangan yang agak tinggi iaitu18,000 orang. Ada dua kaedah untuk membantu golongan ini. Satu ialah melalui pengambilan oleh kerajaan untuk mengisi jawatan-jawatan kosong dan kalau sekiranya perkara ini mengambil sedikit masa, jabatan kerajaan boleh mengambil pegawai-pegawai ini sebagai pegawai-pegawai sementara (*temporary)* dan kerajaan telah pun memulakan proses ini.

Untuk satu jabatan di bawah Kementerian Kewangan, Jabatan Hasil Dalam Negeri telah mendapat kelulusan dari JPA untuk meningkatkan pengambilan pegawai-pegawai seramai 700 orang - 700 jawatan baru telah diwujudkan dan Kementerian Kewangan telah pun memberikan kelulusan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mengambil juga 700 graduan sebagai kakitangan *temporary* semasa menunggu proses, itu satu.

Yang kedua, sebab jawatan di dalam *public sector* dalam kerajaan dan agensi-agensi di bawah kerajaan begitu terhad, satu kaedah lain juga harus kita memikirkan untuk mengatasi masalah pengangguran ini. Kerajaan telah pun mula mewujudkan mekanisme-mekanisme dan kaedah-kaedah untuk mengatasi masalah ini melalui *self-employment* dan syarikat-syarikat seperti PUNB telah pun memulakan sejak dua tiga tahun yang lalu melalui kaedah ataupun mekanisme Prosper untuk mewujudkan lebih ramai usahawan-usahawan dan telah pun memberi bantuan. Setakat ini hampir 400 pengusaha-pengusaha telah mendapat faedah dari Prosper. Kerajaan akan mempercepatkan atau memberi lebih peruntukan kepada PUNB dan memudahkan kerja-kerja PUNB untuk membolehkan PUNB memberi lebih bantuan dan untuk

membolehkan lebih ramai graduan-graduan mendapat pendapatan ataupun berusaha sebagai *self-employed*.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Datuk Ronald Kiandee :** *[Bangun]*

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Saya minta maaf kerana lewat.....

**Datuk Ronald Kiandee:** Tidak akan Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** .....bersama-sama rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dan Bagan kerana saya pergi melawat Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor di Hospital Kuala Lumpur. Tadi Yang Berhormat Menteri dengan panjang lebar menerangkan dan menjelaskan pendirian kerajaan mengenai defisit bajet bahawa bukan ambil satu pendirian *ideological* tetapi pragmatik mengikut keadaan yang perlu. Adakah ini nampaknya satu persediaan untuk kerajaan sungguhpun ada kata komited kepada tujuan untuk menurunkan defisit bajet sehingga menghapuskan defisit bajet pada tahun 2008 sebenarnya bermula satu peralihan daripada pendirian itu oleh kerana mungkin pertumbuhan ekonominya dianggarkan akan lebih rendah. MAER baru-baru ini membuat ramalan lebih rendah daripada apa yang dianggarkan oleh kerajaan 6% kurang daripada itu dan baru-baru ini pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pre-pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dan perbelanjaan RM2.4 bilion untuk 26 projek.

Adakah ini membayangkan bahawa kerajaan *moving away from* matlamat untuk menurunkan *deficit budget* kepada 3.8% KDNK tahun ini dan bukankah dengan perbelanjaan RM2.4 bilion *deficit budget, target* ini tidak boleh dicapai.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Timor tentang isu yang dibangkitkan. Ini satu isu yang penting, saya ingin memberi penjelasan bahawa komitmen kita tentang *deficit budget* tidak berubah, seperti yang saya sebutkan tadi kita telah menurunkan dari 5.6%, 5.3%, 4.3% dan sekarang untuk tahun ini 3.8%, angka ini tidak berubah. Kita akan mencapai insya-Allah kadar *deficit* 3.8 dan tahun hadapan kita akan berusaha untuk menurunkan lagi kadar *deficit*, sama ada kadar *deficit* ini patut dihapuskan sama sekali ataupun ada

satu angka yang boleh dinamakan sebagai *sustainable deficit,* iaitu satu *deficit* yang tidak membahayakan dan tidak ada kesan negatif kepada negara, dan mungkinkah kita dapat menurunkan *deficit* kepada angka itu, itu adalah satu perkara yang harus dikaji, tetapi yang penting Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah kita ………

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah ada satu dasar yang ada diumumkan bahawa ada sifar, *zero budget deficit* untuk tahun 2008. Bukankah ini satu pendirian kerajaan?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tidak ada satu polisi atau pendirian kerajaan bahawa kadar *deficit* akan dikurangkan kepada angka sifar pada tahun 2008, tidak ada. Dahulu ada satu cadangan yang pernah dibuat, bahawa kita patut menurunkan kadar *deficit* kepada angka sifar pada tahun 2006, ada, tetapi kerajaan bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan, bahawa kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian atas beberapa sebab mungkin peluang ini .......

**Datuk Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Biar saya habiskan sedikit sahaja ya.

**Datuk Ronald Kiandee:** Baiklah.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Mungkin ini adalah peluang yang baik untuk saya memberi sedikit penerangan tentang faktor-faktor yang penting dalam kita menimbangkan perkara ini.

Bagi negara kita Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah kita dapat satu kadar *growth* yang membolehkan kita mencapai *vision* 2020 dalam tahun 2020. Untuk mencapai tahap negara maju, kita harus mencapai satu kadar *growth* yang munasabah dan ini adalah penting dari segi dasar kita untuk memastikan bahawa kita membahagikan *wealth* negara kita kepada semua kaum dan semua lapisan masyarakat, jadi aspek pembangunan adalah penting, kita selalu sebut pembangunan dengan ekuiti, ini adalah penting. Tujuan kita, objektif kita ialah pembangunan dan ekuiti. *Deficit* ini ialah satu perkara, satu *constrain* dan jika *deficit* merupakan satu faktor yang boleh menjadi satu faktor negatif pada pembangunan-pembangunan dengan ekuiti, maka perkara ini harus kita anggap sebagai satu cabaran dan hendaklah mengatasinya, kita telah pun berbuat demikian sebab *deficit* yang tidak munasabah, *deficit* yang besar adalah merupakan satu faktor yang tidak baik dan tidak memberi faedah dari jangka masa panjang kepada negara. Kita telah pun memulakan proses untuk mengurangkan

*deficit,* tetapi yang penting bukanlah sama ada *deficit* itu 1%, 0. 5% itu tidak penting. Yang penting ialah *growth*, pembangunan dengan ekuiti sejauh mana *deficit* tidak merupakan satu penghalang, satu faktor negatif, itu tidak menjadi satu isu besar kepada kerajaan, tidak menjadi satu isu besar.

Kerajaan memberi jaminan bahawa kita akan memastikan bahawa *deficit* tidak menjadi satu faktor yang negatif dalam konteks pembangunan negara, pembangunan dengan ekuiti negara dalam konteks jangka panjang.

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

